

Laporan Tahunan 2021



Teknologi untuk Masyarakat

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin

PENGERUSI

Abd. Rahman Haji Safie

SETIAUSAHA

Safriza Haji Baharuddin

AHLI-AHLI

Profesor Ir. Ts. Dr. Kamarul Hawari Ghazali, Profesor Madya Dr. Roslinazairimah Zakaria, Ts. Dr. Raihana Zahirah Edros, Dr. Nasrul Hadi Johari, Dr. Noryanti Muhammad, Dr. Izan Izwan Misnon, Dr. Ismayuzri Ishak, Yong Ying Mei, Noriza Hassan, Kamariah Gono, Marlina Mamat, Saharudin Ramli, Shahrizai Haji Sarif, Hazman Abdul, Azlina Daharudin, Rosidah Hassan, Azrizulazmi Bustan, Ahmad Fauzi Mohamed Shah, Juliana Mohd Ali, Zuryaty Zol, Nadira Hana Ab Hamid, Khairul Adlan Ismail, Mohd Shahri Mohd Akhir, Muhammad Hafiz Haswad Ahmad Kamal, Ahmad Fadly Ibrahim, Abd Razak Ja'afar, Muhammad Fauzi Ali, Mohammad Ilzam Jamat, Emma Melati Burhanuddin, Aminatul Nor Mohamed Said, Zahiruddin Mohd Zain, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Noorafizah Abd Raffar, Faisal Jusoh, Nurull Syamimi Ahmad Abzan, Wan Muslimin Wan Nawang, Nor Ashikin Sulaiman, Amirul Ahmad, Mohd Zaki Ahmad, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, Marhaniza Othman, Hardyana Mohd Saman, Mohd Ferdaus Musa, Nur Atiqah Mohd Nor, Mohd Mukhris Awang, Muhamad Faiz Fahmi Musa, Iskandar Salehudin, Jasmira Abdul Jalil, Nabilah Zamimi, Amira Abdullah, Norhafizah Muda, Halimah Salleh, Baharudin Basiron, Mohd Irwan Musa, Nurul Intan Safinaz Aminuddin, Nazirah Marzuki@Zakaria, Fairuz Aliff Noorhisam Iskandar, Nur Hartini Mohd Hatta, Abdul Rani Ali, Siti Nasuha Zainal Abidin, Suzlina Mohamad

PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman Md. Diah

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil
Muhammad Naufal Samsudin

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abdul Aziz

PENGEDARAN

Mohd Afendi Zamri



ISI KANDUNGAN

3	Sidang Editorial	39	Pengurusan Sumber Manusia
5	Isi Kandungan	47	Pengurusan Kualiti dan Produktiviti
6	Visi, Misi, Objektif, Falsafah dan Nilai Teras	67	Keunggulan TVET Aras Tinggi
7	Universiti Teknologi Terunggul	97	Inovasi dengan Kolaborasi Industri
11	Canselor	115	Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi
12	Pro-Canselor	131	Kelestarian Kewangan
14	Pengerusi Lembaga Pengarah	137	Kecemerlangan Ekosistem Universiti
15	Naib Canselor	169	Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan
17	Carta Organisasi Universiti Malaysia Pahang	177	Fakulti
18	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	207	Pusat Kecemerlangan (CoE)
20	Pegawai Utama Universiti	233	Yayasan UMP
21	Senat Universiti	249	Pembelajaran Sepanjang Hayat
25	Maklumat Lembaga Pengarah Universiti	257	UMP Holdings Sdn. Bhd.
26	Laporan Tadbir Urus Korporat	263	Memasyarakatkan Teknologi
34	Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah	267	Laporan dan Penyata Kewangan 2021
36	Laporan Naib Canselor		

VISI

Universiti Teknologi Terunggul

MISI

Kami bertekad untuk cemerlang dalam menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial.

OBJEKTIF

1. Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
2. Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
3. Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
4. Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

FALSAFAH

Kepercayaan bahawa ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah untuk dimanfaatkan. Penekanan kepada ilmu gunaan yang dipraktikkan oleh insan berakhlak akan

menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

POLISI KUALITI

POLISI

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultansi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan gunaan serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnes kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

SLOGAN

Teknologi untuk Masyarakat

Universiti Teknologi Terunggul

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (pindaan 1996). UMP bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) yang beroperasi di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) diwartakan pada 16 Februari 2002. Pada 1 Februari 2007, KUKTEM bertukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP). Fokus utama UMP adalah untuk membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia, sumber asli, automotif serta pembuatan. Bermula sebagai universiti teknikal pada tahun 2002, UMP menawarkan pelbagai program berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi, termasuklah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tahap tinggi.

Mendapat penarafan sebagai salah sebuah universiti terbaik dalam kategori Penyelidikan dan Inovasi dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan Universiti Bukan Penyelidikan (*Non RU*), UMP teguh dan komited dalam memperkenalkan sesuatu yang baharu dan membangunkan program akademik melalui kerjasama strategik di peringkat antarabangsa. Antara kejayaan utama inovasi yang berkaitan ialah program kejuruteraan dwijjazah UMP yang bertaraf dunia dengan kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman, yang menjadi penanda aras kepada institusi pengajian tinggi awam yang lain di Malaysia. Dalam bidang penyelidikan, UMP menjalinkan kerjasama dengan industri tempatan berfokuskan aplikasi berkaitan industri. Kerjasama penyelidikan tersebut memperkaya modul pengajaran dan pembelajaran di universiti dan pada masa yang sama menggalakkan pengkomersialan hasil dan produk penyelidikan.



UMP PEKAN

Kampus utama UMP mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Pada masa ini, UMP Kampus Pekan menempatkan empat fakulti dan satu pusat iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan

Automotif (FTKMA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Fakulti Komputeran (FK) dan Pusat Bahasa Moden (PBM).



KAMPUS UMP GAMBANG

UMP beroperasi di kampus yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 126 ekar persegi yang boleh menempatkan 5,000 orang pelajar. Kampus UMP ini terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia,

pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur.

Pada masa ini, ia menempatkan empat buah fakulti, satu kolej dan dua buah pusat dan satu institut iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKCP), Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Kolej Kejuruteraan (KKEJ), Pusat Sains Matematik (PSM), Pusat Sains Kemanusiaan (PSK) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS).

KONSEP DAN CIRI-CIRI UTAMA

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat produk teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna, di samping latihan industri, para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi

memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti mengkomersialkan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan Program Pengajian pada peringkat Doktor Falsafah (PhD), sarjana, ijazah sarjana muda, dan diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh kolej dan fakulti berikut:

- Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKCP)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
- Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
- Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
- Fakulti Komputeran (FK)

UMP juga mempunyai Pusat Sains Matematik (PSM), Pusat Bahasa Moden (PBM) Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Institut Pengajian Siswazah (IPS), Institut Confucius UMP dan UMP Advanced Education (UMP ADVANCED).

Pada 6 Julai 2019, Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2019 telah bersetuju meluluskan cadangan penstrukturan semula UMP. Penstrukturan baharu ini melibatkan beberapa perubahan seperti berikut:

- i. Perubahan struktur pengurusan akademik daripada sistem sedia ada kepada berasaskan kluster.
- ii. Peralihan skop Jabatan Penyelidikan dan Inovasi kepada segmen yang lebih berfokus yang berlandaskan aplikasi, komersial, dan keusahawanan yang berdamping rapat dengan pihak industri.
- iii. Penyusunan semula peranan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) agar lebih efisien dalam membina sifat pelajar yang bermoral tinggi dan bertanggungjawab dalam isu-isu pembangunan negara.
- iv. Pusat tanggungjawab (PTJ) yang bersifat operasi dan perkhidmatan ditempatkan di bawah tanggungjawab Pendaftar.
- v. Penjenamaan Bahagian Perundangan kepada Jabatan Perundangan yang tidak lagi berada di bawah Canseleri dan merupakan entiti bebas yang melapor terus kepada Naib Canselor.

Mesyuarat Senat Ke-171 Bil. 14/2020 pada 25 November 2020 telah bersetuju meluluskan cadangan penjenamaan semula Pusat Kecemerlangan (CoE) UMP merangkumi perubahan visi, misi, objektif, perancangan strategi dan nama. Tujuh CoE yang terlibat adalah Pusat Kejuruteraan

Automotif (Pusat Automotif), Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam (Pusat Alam), Pusat Penyelidikan Bendalir dan Proses Termaju (Pusat Bendalir), Pusat Pembangunan Perisian dan Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian), Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik), Pusat Penyelidikan Biosains Tropika Termaju (Pusat Biotropik), dan Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT).

Malah, kewujudan UMP juga turut menyumbang kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) apabila diumumkan sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan ECER KPT dengan penubuhan Pusat Penyelidikan Produk Biodegrasi dan Biobahan Bakar dalam pembangunan kluster minyak, gas dan petrokimia.

UMP juga diumumkan sebagai peneraju Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) acuan tekap (*die and mold*) hasil kerjasama dengan Miyazu Malaysia Sdn. Bhd. (Miyazu) dan Sistem Suspensi melibatkan Sapura Industrial Berhad (Sapura). Malah, melalui komitmen dan kerjasama pintar dengan IBM dan HeiTech Padu Berhad, UMP telah diberi pengiktirafan sebagai Pusat Kecemerlangan IBM, Kampus Akademik yang pertama di Malaysia oleh IBM.

Mesyuarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP iaitu Pusat Teknologi Manusia, Pusat Teknologi Sensor, Pusat Sains Data dan Kecerdasan Buatan (Pusat Sains Data), Pusat Pembuatan Termaju (Pusat Pembuatan), Pusat Penyelidikan Sintesis Teknologi Ubat dan Farmasi Farmaseutikal. dan Pusat Kecerdasan Bahan Termaju (Pusat Bahan).

UMP ADVANCED

Bagi memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Lembaga Pengarah Universiti pada 29 Mac 2013 telah meluluskan cadangan mentransformasikan *Centre for Continuing Education & Professional Development* (CENFED) daripada sebuah *Special Business Unit* (SBU) kepada Syarikat Sdn. Bhd.

UMP Advanced berfungsi menawarkan program perdana iaitu program yang mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara program yang ditawarkan meliputi pradiploma, asasi sains dan teknologi, diploma, sarjana muda kemasukan khas dan sarjana muda hujung minggu. UMP Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui pengambilan Masuk UMP Secara Terus (MUST) di bawah inisiatif Public University Private Wing (PUPW). UMP Advanced terus memperkasakan kehadirannya sebagai penyedia PSH dengan menawarkan program profesional dan eksekutif pada peringkat master eksekutif, bacelor eksekutif, diploma profesional dan sijil profesional. Kualiti program profesional dan eksekutif dikawal selia berdasarkan kerangka dan program standard PSH yang diluluskan oleh Senat Universiti. Penawaran program profesional dan

eksekutif adalah dibangunkan khusus untuk warga kerja industri dan tidak melibatkan badan pengiktirafan dalam negara.

UMP HOLDINGS SDN. BHD. (UMPH)

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 2016 dan berdaftar secara rasminya pada 8 Mac 2004 dengan matlamat untuk menjadi pemain utama dalam pembangunan, pembinaan dan pengurusan hartanah. Sepanjang perjalanan UMPH, syarikat ini telah berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan telah berjaya mencapai misi untuk mencabar status quo dengan melibatkan diri dalam pembangunan rumah sejahtera, projek perumahan pertama dengan kerjasama kerajaan Negeri Pahang, bagi kumpulan B40 pada tahun 2017.

UMPH terbahagi kepada dua iaitu *subsidiaries* dan *spin-off*. Anak syarikat di bawah *subsidiaries* adalah UCT Solutions Sdn. Bhd., UMP Services Sdn. Bhd., UMP Technology Sdn. Bhd., UMP Energy Sdn. Bhd., dan Imani Agro Industries Sdn. Bhd. Manakala anak syarikat di bawah *spin-off* adalah UMP Karaglow Sdn. Bhd., UMP Renal Care Sdn. Bhd, Sybion Sdn. Bhd., UMP EcoPest Sdn. Bhd., dan UMP Green Technology Sdn. Bhd.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K. (Selangor)**



**PRO-CANSELOR
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PEMANGKU RAJA PAHANG TENGGU MAHKOTA
TENGGU HASSANAL IBRAHIM ALAM SHAH IBNI AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
DK., SSAP., SIMP.**



PRO-CANSELOR
TAN SRI DATO' SRI (DR.) ABI MUSA ASA'ARI BIN MOHAMED NOR
PSM., SSAP., SIMP., DIMP., SMP.



PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
YBHG. TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN
PSM., SSAP., SIMP., DSAP., KMN.



NAIB CANSOLOR
PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF
(Hingga 28 Ogos 2021)



**MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSOLOR
PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
DIMP.
(Mulai 29 Ogos 2021)**

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGERUSI



TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN
PSM., SSAP., SIMP., DSAP., KMN.

AHLI-AHLI



Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff
Naib Canselor
(Hingga 28 Ogos 2021)



Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin
DIMP.
Menjalankan Fungsi Naib Canselor
(Mulai 29 Ogos 2021)



Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim
DIMP., DNS., KMN., AMN., AAP.
Wakil Kementerian Kewangan



Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus
DIMP.
Wakil Senat



Dato' Hajah Habibah binti Mohd Yusof
DIMP., SIS., ASP., AMN.
Wakil Swasta



Dato' Mohd Sharil bin Abdullah
SAP., BCM.
Wakil Kementerian Pengajian Tinggi



Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
DBNS.
Wakil Swasta



Datuk Aishah binti Shaikh Ahmad
PJN., JMN., DJN.
Wakil Swasta
(Hingga 31 Ogos 2021)



Dato' Majid bin Mohamad
DIMP.
Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman
(Hingga 14 Ogos 2021)



Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran
DIMP., DPMP.
Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman
(Mulai 16 Ogos 2021)



Dato' Sri Md. Sharif bin Shamsuddin
SSAP., DIMP., AMP.
Wakil Masyarakat
(Hingga 20 Jun 2021)



Encik Madyasir bin Ahmad Basir
Wakil Alumni

SETIAUSAHA



Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Darun
Pendaftar
(Hingga 14 Mac 2021)



Encik Hazmin bin Aris
Pendaftar
(Mulai 15 Mac 2021)

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



Naib Canselor

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff
(Hingga 28 Ogos 2021)



Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin DIMP.
(Mulai 29 Ogos 2021)



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli bin Hainin



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Dr. Kamal Zuhairi bin Zamli



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie bin Zainuddin DIMP.



Bendahari

Encik Zainudin bin Othman



Penasihat Undang-undang

Datin Hajah Wan Maizurina binti Wan Othman
(Hingga 27 Mei 2021)



Pendaftar

Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Darun
(Hingga 14 Mac 2021)



Pendaftar

Encik Hazmin bin Aris
(Mulai 15 Mac 2021)

SENAT UNIVERSITI

PENGERUSI

Naib Canselor

PROFESOR IR. DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF

Ph.D (USM), M.Sc. (Rensselaer Polytechnic Institute - RPI), B.Sc. (Michigan Ann Arbor)
(Hingga 28 Ogos 2021)

Menjalankan Fungsi Naib Canselor

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

DIMP.
Ph.D (UKM), M.Com. (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc. (Hons) (USM)
(Mulai 29 Ogos 2021)

TIMBALAN NAIB CANSOLOR

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

PROFESOR TS. DR. MOHD. ROSLI BIN HAININ

Ph.D (Auburn), M.Sc. (Kansas), B.Sc. (Clemson), Assoc. Degree (Indiana)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

PROFESOR TS. DR. KAMAL ZUHAIRI BIN ZAMLI

Ph.D (Newcastle Upon Tyne, UK), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Worcester Polytechnic Institute, USA)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

DIMP.
Ph.D (UKM), M.Com. (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc. (Hons) (USM)

DEKAN

Dekan, Kolej Kejuruteraan

PROFESOR MADYA IR. DR. HAJI NIK MOHD ZUKI BIN NIK MOHAMED

Ph.D (University of Bradford, UK), M.Sc. (UPM), B.Sc. (Widener University, USA)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

PROFESOR MADYA DR. HAMDAN BIN DANİYAL

Ph.D (University of Western Australia), M.Eng. (UTHM), B.Eng (UTM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif

PROFESOR DR. MAHADZIR BIN

ISHAK@MUHAMMAD

Ph.D (Ibaraki University), M.Eng. (Tokushima University), B.Eng. (Ehime University)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik

PROFESOR MADYA IR. DR. FAIZ BIN MOHD TURAN

Ph.D (UTHM), B.Eng. (UTM), Assoc. Degree (Yonago, Japan)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam

IR. DR. FADZIL BIN MAT YAHAYA

Ph.D (UMP), M.Eng. (UTM), B.Eng. (Honours) (UTM)

Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses

PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA

Ph.D (NUT, Japan), M.Eng. (Yamaguchi University, Japan), B.Eng. (Yamaguchi University, Japan)

Dekan, Fakulti Komputeran

PROFESOR MADYA TS. DR. ADZHAR BIN KAMALUDIN

Ph.D (Loughborough University), M.Sc. (University of Warwick), B.Sc (UTM)

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri

PROFESOR DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM

Ph.D (University of Wales, Cardiff), M.Sc. (UPM), B.Sc. (UPM)

(Mulai 1 Januari 2021)

Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Industri

TS. DR. SAIFFUL KAMALUDDIN BIN

MUZAKIR@LOKMAN

Ph.D (UMP), M.Sc. (UKM), B.Sc. (UKM)
(Mulai 23 Ogos 2021)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

DR. FAZEEDA BINTI MOHAMAD

Ph.D (UMP), M.Edu. (UTHM), B.IntBus. (UiTM)
(Hingga 30 April 2021)

Dekan, Fakulti Pengurusan Industri

DR. MOHD HANAFIAH BIN AHMAD

Ph.D (UMP), M. Tech Management (HRD) (UTM), B.Eco. (Hons) (UKM)
(Mulai 1 Mei 2021)

Dekan, Institut Pengajian Siswazah

PROFESOR DATIN DR. MIMI SAKINAH BINTI

ABDUL MUNAIM

Ph.D (UTM), M.Sc. (UPM), B.Eng. (UTM)

Dekan, Pusat Sains Kemanusiaan

DR. MOHAMAD HILMI BIN MAT SAID

Ph.D, Islamic Studies (USM), M.A. Islamic Studies (UKM), B.A. (Hons) (Al-Azhar Univ. Egypt)

Dekan, Pusat Bahasa Moden

PROFESOR MADYA DR. NIK ALOESNITA BINTI NIK MOHD ALWI

Ph.D (Victoria University of Wellington), M.HSc. (IIUM), B.HSc. (IIUM)

Dekan, Pusat Sains Matematik

PROFESOR DR. MOHD ZUKI BIN SALLEH

Ph.D (UKM), M.Sc. (UTM), B.Sc. (UPM)

Dekan, Pusat Diploma dan Asasi

PROFESOR MADYA DR. ROSLINAZAIRIMAH BINTI ZAKARIA

Ph.D (University of South Australia), M.Sc. (UKM), B.Sc. (Queensland Uni. of Tech, Australia)

Dekan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi**PROFESOR DR. MD. MUSTAFIZUR RAHMAN**

Ph.D. (UKM), M.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh), B.Sc. Engineering (BUET, Bangladesh)
(Hingga 22 Ogos 2021)

Dekan Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi**PROFESOR DR. MOHD HASBI BIN AB RAHIM**

Ph.D (University of Wales, Cardiff), M.Sc. (UPM), B.Sc. (UPM)
(Mulai 23 Ogos 2021)

Dekan Inovasi Industri, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi**PROFESOR MADYA DR. ABDUL ADAM BIN ABDULLAH**

Ph.D (Tokushima), M.Eng. (Tokushima), B.Eng. (Akita)

Dekan Pengkomersialan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi**PROFESOR MADYA DR. AHMAD TARMIZI BIN HARON**

Ph.D (University of Salford, UK), M.Sc. (UTM), B.Eng. (UTM)

Dekan Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**DR. AHMAD JOHARI BIN MOHAMAD**

Ph.D (Uni of Warwick, UK), M.Sc. (UTHM), B.Eng. (Hons) (Uni of Warwick)

PROFESOR**Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses****PROFESOR DATO' TS. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS**

DIMP.
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif**PROFESOR DATO' TS. DR. ROSLI BIN ABU BAKAR**

Ph.D (Hanyang, Korea), M.Sc. (Hanyang, Korea), B.Eng. (Hanyang, Korea)

Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik**PROFESOR DR. SHAMSUDDIN BIN BAHARIN**

Ph.D (Warwick), M.A. (Central Michigan), B.Sc. (Ferris State)
(Hingga 17 November 2021)

Profesor, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Kolej Kejuruteraan**PROFESOR IR. DR. MOHD FAIZAL BIN JAMLOS**

Ph.D (UTM), M.Eng. (Adelaide), B.Sc. (UNIMAP)

Profesor, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Kolej Kejuruteraan**PROFESOR DR. RIZALMAN BIN MAMAT**

Ph.D (Birmingham), M.Eng.(UTM), B.Eng.(UTM)

Profesor, Jabatan Kejuruteraan Industri, Kolej Kejuruteraan**PROFESOR IR. DR AHMAD RAZLAN BIN YUSOFF**

Ph.D (Sheffield, UK), M.Sc. (USM), B.Eng. (Hons) (USM), Cert. Edu. (NIU, USA)

Profesor, Pusat Sains Kemanusiaan**PROFESOR DR. MUHAMMAD NUBLI BIN ABDUL WAHAB**

Ph.D (UPM), M.Sc. (UPM), Bach. (UM)

AHLI KO-OPT

Penolong Naib Canselor, Jabatan Pembangunan Graduan

PROFESOR MADYA IR. DR. NURUL HAZLINA BINTI NOORDIN

Ph.D (Edinburgh), M.Sc. (USM), B.Eng. (USM)

Dekan Kanan, Kolej Teknologi Kejuruteraan

PROFESOR DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM

Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)

Dekan Kanan, Kolej Komputeran dan Sains Gunaan

PROFESOR TS. DR. RUZAINI BIN ABDULLAH ARSHAH

Ph.D (UTM), M.Sc. (University of Sheffield, UK), B.Sc. (California State U, Stanislaus, USA)

Dekan Kanan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan

PROFESOR MADYA DR. HASAN BIN AHMAD

Ph.D (Victoria Uni. of Manchester), M.Arts (Uni. of Leeds), B.Arts (Universite Hasan II, Casablanca)

AHLI EX-OFFICIO

Bendahari

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN

C.A. (M), B.Acc. (Hons) (UKM)

Ketua Pustakawan

ENCIK AZMAN BIN ABDUL RAHIM

MLIS (IIUM), BBA (University of Miami, FL, USA)

Penasihat Undang-undang

DATIN HAJAH

WAN MAIZURINA BINTI WAN OTHMAN

*MIP (UKM), LLB (Hons) (UM)
(Hingga 27 Mei 2021)*

SETIAUSAHA

Pendaftar

PROFESOR MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN DARUN

*Ph.D (Lincoln), MBA (UUM), B.Sc. (Southern Illinois)
(Hingga 14 Mac 2021)*

Pendaftar

ENCIK HAZMIN BIN ARIS

*M. HRD (UTM), B. Soc. Sc. (Hons) (USM)
(Mulai 15 Mac 2021)*

MAKLUMAT LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

Jadual 1: Tarikh Mesyuarat LPU Tahun 2021

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2021	30 Januari 2021	Dalam Talian
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 1/2021	27 Februari 2021	
3.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2021	26 Jun 2021	
4.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2021	3 Julai 2021	
5.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 3/2021	27 Ogos 2021	
6.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2021	23 Oktober 2021	The Zenith Hotel, Kuantan
7.	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2021	12 Disember 2021	Zenith Hotel, Putrajaya

Jadual 2: Statistik Kehadiran Mesyuarat LPU Tahun 2021

BIL.		LPU (Khas) Bil. 1/2021	LPU Bil. 1/2021	LPU Bil. 2/2021	LPU Bil. 2/2021 (Sambungan)	LPU Bil. 3/2021	LPU Bil. 4/2021	LPU (Khas) Bil. 2/2021
1.	Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman							
2.	Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserie bin Zainuddin	Hadir sebagai Ahli Ex-Officio (TNC HEPA)						
3.	Profesor Ir. Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff							Tamat Tempoh Lantikan
4.	Dato' Mohd Majid bin Mohamad							Tamat Tempoh Lantikan
5.	Dato' Sri Md. Sharif bin Shamsuddin							Tamat Tempoh Lantikan
6.	Datuk Aishah binti Shaikh Ahmad							Tamat Tempoh Lantikan
7.	Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim							
8.	Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus							
9.	Dato' Hajah Habibah binti Mohd Yusof							
10.	Dato' Mohd Sharil bin Abdullah							
11.	Dato' Zainal Abidin bin Ahmad							
12.	Encik Madyasir bin Ahmad Basir	Belum Dilantik Sebagai Ahli LPU						
13.	Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran	Belum Dilantik Sebagai Ahli LPU						

**Hadir
Mesyuarat**

Tidak Hadir Mesyuarat (Dengan Notis)

LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PERLEMBAGAAN UMP 2010: BAHAGIAN III [PIHAK BERKUASA UNIVERSITI]

16. (1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, fakulti, sekolah, pusat, akademi, institut, jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilihan, Jawatankuasa Kebajikan Pekerja, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, dan badan lain yang sebagaimana yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.

KEAHLIAN LPU

Seksyen 17. (1) Perlembagaan UMP 2010

Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada:

1. Pengerusi;
2. Naib Canselor;
3. Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
4. Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletakinya universiti itu;
5. Seorang profesor universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 22(1)(d);
6. Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar universiti yang, pada pendapat menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu lembaga.

FUNGSI DAN KUASA

Seksyen 20, Perlembagaan UMP 2010

1. Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain universiti.
2. Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.
3. Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah sub-seksyen (1), Lembaga hendaklah:
 - a. Mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi universiti;
 - b. Menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi universiti;
 - c. Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;

- d. Memupuk hubungan global dan keantarabangsa berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan.
- e. Memastikan pelaksanaan Perlembagaan, Undang-undang dan Dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa Jawatankuasa, Pegawai atau Jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

Seksyen 21, Perlembagaan UMP 2010

Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya. Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

1. Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.
2. Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantiknya dan layak untuk dilantik semula.
3. Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.
4. Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis yang ditujukan kepada Pengerusi Lembaga.
5. Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.
6. Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh lembaga.
7. Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa.
8. Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:
 - a. minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
 - b. salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.
9. Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.
10. Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) (Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh lembaga.
11. Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tataranya sendiri.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Jadual 3: Jawatankuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU)


	AUDIT	PEMILIH	PELABURAN	PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN PRESTASI	PEMBANGUNAN N PELAJAR, ALUMNI, KOLABORASI INDUSTRI & MASYARAKAT	PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN PROJEK	GOVERNAN, RISIKO DAN INTEGRITI	TETAP KEWANGAN	YAYASAN UMP	PENCALONAN DAN IMBUHAN
Pengerusi	Profesor Dato' Dr. Mohammad Shater bin Sabran Tarikh Akhir Lantikan: 15 Ogos 2024	Naib Canselor	Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim (Pengerusi Sementara) Tarikh Akhir Lantikan: 30 Mac 2022	Naib Canselor	Encik Madyasir bin Ahmed Basir Tarikh Akhir Lantikan: 11 Julai 2024	Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Tarikh Akhir Lantikan: 30 Mac 2022	Dato' Mohd Sharil bin Abdullah Tarikh Akhir Lantikan: 16 Ogos 2023	Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Tarikh Akhir Lantikan: 30 Mac 2022	Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman Tarikh Akhir Lantikan: 18 Oktober 2023	Dato' Habibah binti Mohd Yusof Tarikh Akhir Lantikan: 1 September 2023
Ahli Lembaga Dalam Keahlian	Encik Madyasir bin Ahmed Basir Tarikh Akhir Lantikan: 11 Julai 2024	Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim Tarikh Akhir Lantikan: 30 Mac 2022	Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Tarikh Akhir Lantikan: 30 Mac 2022	Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus Tarikh Akhir Lantikan: 14 Jun 2022	Tiada	Tiada	Dato' Hajjah Habibah binti Mohd Yusof Tarikh Akhir Lantikan: 1 September 2023	Tiada	Tiada	Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli bin Mohd Yunus Tarikh Akhir Lantikan: 14 Jun 2022
		Profesor Dato' Dr. Mohammad Shater bin Sabran Tarikh Akhir Lantikan: 15 Ogos 2024		Dato' Zainal Abidin bin Ahmad Tarikh Akhir Lantikan: 31 Oktober 2023						Encik Madyasir bin Ahmed Basir Tarikh Akhir Lantikan: 11 Julai 2024

PENGURUSAN RISIKO

<p>VISI</p> <p>Pengurusan risiko yang efektif, efisien dan sistematik dalam menyokong kelestarian universiti.</p>	<p>MISI</p> <p>Pengurusan risiko universiti yang komprehensif, mengenal pasti, menganalisa, menilai dan pelan mitigasi risiko dalam memastikan kepentingan universiti dan pemegang taruh dapat dilindungi.</p>	<p>JANGKAAN HASIL</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan produktiviti dapat ditingkatkan dengan persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan sihat; • Meningkatkan kualiti pengurusan risiko di UMP dari segi penilaian, kawalan, pemantauan dan latihan; • Memberi kesedaran kepada warga UMP akan kepentingan pengurusan risiko (melindungi nyawa, keselamatan dan harta benda); • Memastikan risiko yang memberi impak kepada strategik objektif UMP dapat dikawal; dan • Melindungi reputasi dan imej UMP.
--	---	--

Kerangka Kerja Pengurusan Risiko UMP

Berdasarkan ISO 31000: 2018



Penilaian dan Kawalan Risiko

Perkara yang perlu penilaian risiko di UMP.

- Peringkat Organisasi – Risiko Strategik
- Perkhidmatan/Proses Perniagaan – Risiko Strategik dan Operasi
- Perkhidmatan/Proses – Risiko Operasi
- Berasaskan Projek
- Pembuatan Keputusan
- HIRARC (*Hazard Identification, risk assessment and risk control*)
- Keselamatan

Gambar Rajah 2: Proses Pengurusan Risiko UMP



Jadual 4: Parameter Kebarangkalian UMP

KEMUNGKINAN	KETERANGAN	ARAS KEBARANGKALIAN	
		Nilai	Aras
> 75%	Risiko kemungkinan besar akan terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku melebihi 75 peratus.	5	Sangat Tinggi
50%-75%	Risiko dijangka akan terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 50 peratus hingga 75 peratus.	4	Tinggi
25%-<50%	Risiko boleh terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 25 peratus hingga <50 peratus.	3	Sederhana (Berpeluang Untuk Berlaku)
10% - <25%	Risiko mungkin terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 10 peratus hingga <25 peratus.	2	Rendah
<10%	Risiko mungkin tidak berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku <10 peratus.	1	Tidak Mungkin

Matriks Risiko (*Heat Map*) UMP

Jadual 5: Mengenal Pasti Risiko UMP

KEBERANGKALIAN		1: Tidak Kritikal	2: Kurang Kritikal	3: Kritikal	4: Sangat Kritikal	5: Paling Kritikal
Sangat Tinggi	5	Ketara	Ketara	Tinggi	Tinggi	Tinggi
Tinggi	4	Sederhana	Ketara	Ketara	Tinggi	Tinggi
Sederhana	3	Rendah	Sederhana	Ketara	Tinggi	Tinggi
Rendah	2	Rendah	Rendah	Sederhana	Ketara	Tinggi
Tidak Mungkin	1	Rendah	Rendah	Sederhana	Ketara	Ketara

Mengenal Pasti Risiko

1. Mengenal pasti sama ada risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian pelan strategik UMP.
2. Membangunkan portfolio risiko UMP dan juga PTJ berdasarkan input yang diterima dari wakil PTJ
3. Menentukan kategori risiko sama ada ia adalah strategik, kewangan, operasi, reputasi atau peraturan.
4. Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi risiko
5. Lokasi risiko
6. Kekerapan risiko dan punca bagaimana ia boleh berlaku
7. Magnitud kesan risiko sama ada kepada PTJ atau kepada UMP secara keseluruhan
8. Mengenal pasti sama ada risiko dalam kawalan atau tidak
9. Kaedah mengenal pasti risiko.
 - Perbincangan
 - Pemerhatian
 - Pemeriksaan
 - Percambahan minda
 - Menganalisis proses kerja
 - Melihat secara fizikal
 - Melihat semula rekod lampau
 - Temu duga dengan pegawai bertanggungjawab

Jadual 6: Pelan Mitigasi Risiko

TINDAKAN MITIGASI	PENERANGAN	TAHAP RISIKO
Elak	Membatalkan aktiviti yang boleh menyebabkan risiko tinggi kepada UMP.	Ketara/Tinggi
Kawal/Mitigasi	Melaksanakan langkah-langkah kawalan untuk meminimumkan kesan atau kebolehjadian berlakunya sesuatu risiko.	Sederhana/Ketara/Tinggi
Kongsi/Pindah	Menyerahkan akauntabiliti, tanggungjawab kuasa sesuatu organisasi kepada pihak berkepentingan lain yang sanggup menerima risiko tersebut.	Sederhana
Terima	Risiko yang boleh diterima oleh universiti tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada.	Rendah

Pelaksanaan Pelan Mitigasi

1. Menentukan tindakan atau pelan untuk rawatan risiko.
2. Menentukan jenis rawatan risiko yang sesuai dengan mempertimbangkan faktor berikut:
 - Rawatan risiko yang dipilih tidak menimbulkan risiko yang baharu;
 - Menghapuskan punca risiko;
 - Merendahkan kemungkinan kejadian dan/atau keterukan;
 - Berkongsi risiko seperti mengambil insurans dan sebagainya; dan
 - Kos kawalan risiko yang cekap dan munasabah.

3. Menentukan tempoh rawatan dan juga *deliverables*.
4. Menilai pilihan rawatan berbanding kos rawatan yang dilaburkan.
5. Dokumenkan pelan rawatan risiko yang merangkumi peranan dan tanggungjawab, pengesahan dan kelulusan, sumber dan kewangan.
6. Penilaian semula risiko untuk memastikan tahap risiko adalah lebih rendah dan menilai keberkesanan kawalan tambahan.

KOMUNIKASI, PEMANTAUAN DAN PELAPORAN RISIKO

- Mendapat dan mengkomunikasikan maklumat dalam bentuk dan tempoh masa yang membolehkan staf melaksanakan kawalan risiko dan pengurusan risiko keseluruhannya
- Penyediaan pelan komunikasi dan *roll-out* sangat digalakkan
- Komunikasi dan laporan risiko antara PTJ dan Unit Risiko UMP
- Komunikasi dan laporan risiko antara unit risiko dan Jawatankuasa Governan, Risiko dan Integriti

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN PENGURUSAN RISIKO

Pemantauan, pengumpulan data, penilaian ke atas *risk measures*, pelaporan dan penambahbaikan pengurusan risiko. Aktiviti pemantauan pengurusan risiko:

- Pemantauan berterusan (*Ongoing monitoring*);
- Pelaporan dan penilaian tindakan ke atas risiko dan hasil;
- Kemas kini *dashboard* risiko; dan
- Identifikasi risiko baharu.



PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



Tahun Akademik 2020 dan 2021 adalah tahun yang mencabar untuk seluruh dunia akibat wabak COVID-19 yang terus membelenggu kehidupan dan mata pencarian. Walau bagaimanapun, kesan mendalam COVID-19 telah membawa kita untuk melihat dengan teliti dunia sekeliling kita dan fikirkan sedalam-dalamnya bagaimana kita mahu meletakkan kedudukan diri kita sendiri.

Di Universiti Malaysia Pahang (UMP), kami telah menguatkan azam kami untuk menyediakan pelajar kita untuk sesuatu yang tidak pasti dan belum dipetakan pada masa depan. Graduan kita perlu fleksibel dan boleh disesuaikan untuk mencipta dan merebut peluang.

Rangka kerja pendidikan UMP sedang diperbaharui untuk menyampaikan pendidikan yang fleksibel dan transformatif yang menyemai graduan kita dengan kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk masa hadapan. Melalui semakan kurikulum yang diperbaharui, pelajar kami akan mendapat pendedahan merentasi disiplin ilmu, mengasah

daya intelek dan membina keupayaan untuk melibatkan diri dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Model pendidikan yang diperbaharui juga adalah model yang fleksibel iaitu para pelajar boleh mengikuti pelbagai jurusan, pengkhususan dan rentas disiplin program. Malah, mereka juga boleh membina pembelajaran portfolio yang selaras dengan minat dan aspirasi mereka. Semua program akan menggabungkan antara disiplin pembelajaran, yang akan melengkapkan latihan disiplin. Pembelajaran dikuatkan apabila pelajar memanfaatkan dan mengintegrasikan pengetahuan serta pendekatan, yang seterusnya memupuk kreativiti bagi menggalakkan penerokaan idea baharu.

Dalam bidang penyelidikan dan inovasi pula, UMP berada di barisan hadapan dalam bidang masing-masing. Seramai 12 penyelidik UMP tersenarai dalam *World Ranking Top 2% Scientist* dalam pelbagai bidang dan disiplin. Pengiktirafan ini merujuk data daripada Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat baru-baru ini.

UMP akan terus membina keupayaan penyelidikan yang mendalam dan mencapai kemuncak kecemerlangan baharu. Pada tahun 2021, kami telah memulakan Inisiatif Penyelidikan baharu untuk menyediakan pembiayaan awal untuk penyelidik memulakan penyelidikan. Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi UMP menghubungkan dan menyokong penyelidik serta inovator dalam membawa idea dan hasil penyelidikan mereka daripada makmal ke serantau dan global pasaran.

UMP juga giat menjalankan program bertunjangkan kepada Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) yang menjadi agenda global seiring dengan 17 matlamat yang perlu dicapai seperti yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk semua negara menjelang 2030. Peranan universiti amat besar dalam membantu negara mencapai SDG

untuk kelestarian masyarakat dan ia merangkumi usaha memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki boleh dipercayai, lestari dan mampan untuk semua terutamanya buat warga kampus.

Di samping itu, UMP berhasrat untuk menjadi sebuah Kampus Pintar (*Smart Campus*) dan pelaksanaan inisiatif ini seiring dengan saranan kerajaan dalam memperkasakan agenda kerajaan digital di negara ini. Bertepatan dengan keperluan dalam Era Revolusi Industri 4.0, universiti akan melaksanakan transformasi digital (*digital transformation*) kepada sebuah kampus pintar agar terus relevan terhadap keperluan semasa dan jangkaan pemegang taruh. UMP juga perlu melihat kepada keperluan teknologi tinggi (*high technology*), kampus hijau (*green campus*), pendigitalan, menterjemah *big data*, *Internet of Things (IOT)* dan Kampus Pintar agar dapat membawa kepada perubahan besar terhadap penggunaan teknologi.

Bakat adalah asas penting dalam meletakkan UMP untuk masa depan. UMP komited untuk memupuk asas kukuh bakat akademik dan bukan akademik serta menarik ahli akademik terkemuka dari seluruh dunia yang akan menyumbang kepada visi dan misi kami. Kami teruja bahawa bakat akademik yang muda dan bercita-cita tinggi telah menyertai UMP. Bersama-sama sebagai keluarga UMP, kami membina sebuah universiti yang kuat dan berdaya tahan serta institusi inovatif untuk masa hadapan. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pelajar, fakulti, staf, alumni, dermawan dan pemegang taruh yang telah banyak menyumbang dan menghasilkan impak yang bermakna untuk masa hadapan UMP.

Dengan kekangan peruntukan kerajaan, universiti telah menggunakan sumber dalaman bagi menampung kekurangan geran. Dalam masa yang sama inisiatif penjimatan dilaksanakan bagi mengekalkan kedudukan kewangan universiti.

Bagi memastikan wujud simbiosis dan kelestarian terhadap persekitaran dunia, UMP turut menyumbang tenaga dalam krisis global menerusi inisiatif Kampus Hijau dan Kampus Pintar. Jenama UMP juga diberi perhatian melalui agenda khusus berdaya saing dengan inisiatif berterusan agar nama UMP berjaya dikenali di platform global, diiktirafkan oleh QS, THE dan pelbagai agensi penarafan terkemuka dunia.

Kepada semua ahli Lembaga Pengarah Universiti dan pengurusan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada UMP. Tidak lupa juga kepada para pemegang taruh, warga kerja dan pelajar UMP atas segala usaha dan sumbangan yang telah diberikan dalam usaha untuk mendokong dan merealisasikan visi dan misi UMP. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dan bekerja keras untuk mengukuhkan kedudukan dan citra UMP di persada dunia.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada agensi kerajaan, badan korporat, pihak swasta dan orang perseorangan yang telah banyak membantu dan menyokong UMP dalam memberikan idea, sumber kewangan, peralatan dan sebagainya untuk membolehkan UMP terus bergerak ke hadapan dengan cemerlang.

Kesimpulannya, UMP berjaya memperhebatkan usaha-usaha transformasi pendidikan sebagai sebuah Universiti Teknologi Terunggul khususnya dalam bidang Kejuruteraan dan Teknikal selaras dengan agenda nasional untuk memperkasa TVET aras tinggi. Selain itu, UMP juga berjaya melonjak reputasinya dan mengukuhkan kedudukan untuk terus diiktiraf di peringkat Asia dan dunia menerusi amalan tadbir urus dan kewangan yang baik serta cekap.

**Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz
bin Abdul Rahman
PSM., SSAP., SIMP., DSAP., KMN.**

LAPORAN NAIB CANSOLOR



Bakal memasuki usia penubuhannya yang ke-20 tahun pada Februari 2022, Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memaknakan bidang fokusnya dengan merealisasikan misi strategiknya untuk menjadi sebuah Universiti Teknologi Terunggul. Hampir dua dekad berdiri sebagai sebuah Universiti Awam (UA), UMP amat komited untuk kekal bersaing dengan perancangan teratur bagi memastikan kelestarian kemandiriannya.

Walaupun berdepan dengan situasi mencabar berikutan ancaman pandemik COVID-19 yang melanda dunia, pihak pengurusan sentiasa mengutamakan usaha-usaha penyesuaian mengikut norma baharu terus dilaksanakan dalam pengoperasian pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meminimumkan risiko-risiko yang berkaitan.

Tahun 2021 merupakan tahun pertama pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2021-2025. Didasari tema 'Teknologi Untuk Masyarakat' dengan dipacu oleh enam Objektif Pelan Strategik UMP bagi mencapai sasaran universiti ke arah meningkatkan kebolehan teknikal negara. Penetapan enam Objektif Pelan Strategik tersebut adalah;

- i. Keunggulan TVET Aras Tinggi;
- ii. Inovasi Dengan Kolaborasi Industri;
- iii. Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi;
- iv. Kelestarian Kewangan;
- v. Kecemerlangan Ekosistem Universiti; dan
- vi. Pengantarabangsaan dan Keusahawanan Graduan

Pengurusan ini terus komited meningkatkan keupayaan universiti ini untuk memacu kecemerlangan bidang Pendidikan dan Latihan Vokasional Aras Tinggi (*Higher TVET*) sebagaimana yang dimandatkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di samping terus memperkukuhkan bidang-bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi yang ditawarkan.

Bagi menjadikan UMP sebuah penyedia TVET aras tinggi yang kompetitif dan berwibawa, maka cabaran pengurusan universiti ini adalah bagi memastikan struktur kurikulum dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan pasaran TVET melalui penawaran program akademik, memanfaatkan teknologi terkini, penerokaan teknologi baharu, pengurusan kewangan dan pentadbiran serta pengantarabangsaan dan keusahawanan.

Dalam hubungan ini, keupayaan untuk diiktiraf sebagai sebuah institusi yang cemerlang terus diberi penekanan yang serius oleh pihak pengurusan UMP.

Kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian terhadap pemegang taruh oleh Keluarga UMP sentiasa dititikberatkan di setiap peringkat dan lapisan bagi memastikan universiti ini terus menerima persepsi positif bagi mengukuhkan reputasi dan keunggulan jenamanya.

Oleh yang demikian, pihak pengurusan percaya kecemerlangan budaya kerja Keluarga UMP merupakan kunci utama dalam menadikan produktiviti dan seterusnya menzahirkan hasil dan output berkualiti. Kesepakatan ini seterusnya berjalan dalam semangat kesepaduan minda dan tindakan, sejajar dengan aspirasi dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2021-2025 melalui penglibatan lima komponen utama Keluarga UMP – Pengurusan Tertinggi, Akademia, Pentadbir, Mahasiswa dan Alumni UMP.

Sesuai dengan sistem nilai yang telah disepakati dengan pegangan bersama Keluarga UMP, semangat kesepaduan minda dan tindakan ini mengukuhkan pembentukan strategi dan pecutan prestasi kecemerlangan UMP berpacukan lima Nilai Teras iaitu Hubungan Yang Kuat Dengan Yang Maha Pencipta, Teguh Mempertahankan Prinsip Yang Disepakati, Kreatif Membuat Keputusan Yang Bijaksana, Cekal Menghadapi Cabaran dan Proaktif Dalam Tindakan.

Pihak pengurusan turut komited untuk mengukuhkan lagi ekosistem Keluarga UMP yang mana sehingga 31 Disember 2021, UMP dioperasikan oleh 1,780 warga kerja yang terdiri daripada 799 staf akademik, 195 staf pengurusan dan profesional, 780 staf pelaksana dan enam orang Pengurusan Tertinggi. Dalam konteks kualiti, sejumlah 79 peratus daripada keseluruhan staf akademik memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang memberi impak dalam pengembangan aktiviti penyelidikan, Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berdasarkan kepakaran-kepakaran yang dimiliki. Kelestarian ekosistem ini turut dipacu oleh warga kerja dan seramai 17,050 orang mahasiswa serta 33,898 warga alumni universiti ini yang kini berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di pelbagai sektor di seluruh dunia.

Pada tahun 2021 juga, UMP turut melakar kejayaan apabila melonjak ke tangga ke-129 berbanding 133

pada tahun sebelumnya dan berkedudukan kesembilan dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia dalam *QS World University Rankings: Asia* yang diumumkan oleh agensi penarafan antarabangsa *QS Quacquarelli Symonds*. Selain itu juga, seramai 12 orang pensyarah UMP turut diiktiraf dan tersenarai antara dua peratus Saintis terbaik di dunia dalam pelbagai bidang dan disiplin berdasarkan data daripada Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Gambar Rajah 8: Perincian Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan





Perakuan Akreditasi

Bagi memastikan program yang ditawarkan di UMP mematuhi aspek-aspek yang telah ditetapkan dalam *Malaysian Qualification Frameworks* (MQF) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), proses semakan dan audit pematuhan telah dilaksanakan oleh Badan Profesional berkaitan untuk mendapatkan perakuan akreditasi. Pada tahun 2021, sebanyak lapan program telah mendapat perakuan Akreditasi Penuh dan sejumlah tiga program pula diberi perakuan Akreditasi Sementara. Perakuan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh ini merangkumi tahap pengajian program di peringkat Asasi, Sarjana Muda, Sarjana mahupun Doktor Falsafah (PhD) di UMP.

Carta 11: Pecahan Perakuan Akreditasi Tahun 2021






Gambar Rajah 10: Program Perakuan Akreditasi Tahun 2021

 Akreditasi Sementara	 Akreditasi Penuh
<ul style="list-style-type: none"> • Asasi Sains dan Teknologi • Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) dengan Kepujian • Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian 	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Sains Pengajian Bahasa Berintegrasi Teknologi • Sarjana Sains NEC 850 • Sarjana Sains NEC 440 • Sarjana Sains NEC 860 • Doktor Falsafah NEC 850 • Doktor Falsafah NEC 462 • Doktor Falsafah NEC 220 • Doktor Falsafah NEC 862

UMP mendapat perakuan akreditasi oleh tiga badan berkenaan iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang merangkumi tahap pengajian program di peringkat asasi, sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Gambar Rajah 11: Perakuan Akreditasi Tiga Badan Berkanun

 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	 Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)	 Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)
<ul style="list-style-type: none"> Asasi Sains dan Teknologi Sarjana Sains Pengajian Bahasa Berintegrasi Teknologi Sarjana Sains NEC 850 Sarjana Sains NEC 440 Sarjana Sains NEC 860 Doktor Falsafah NEC 850 Doktor Falsafah NEC 462 Doktor Falsafah NEC 220 Doktor Falsafah NEC 862 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian (Belum mendapat keputusan Penilaian Akreditasi Penuh yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Oktober 2021) 	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian (Belum mendapat keputusan Penilaian Akreditasi Penuh yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Oktober 2021)

Kelulusan Program Baharu

Pada tahun 2021, sebanyak tiga program UMP telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).



Program yang Diluluskan KPT

- ✓ Asasi Sains dan Teknologi
- ✓ Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan) dengan Kepujian
- ✓ Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian

Kementerian Pengajian Tinggi – Professional Certification (KPT PACE-2021)

KPT PACE merupakan program peningkatan kemahiran dan pengukuhan kompetensi pelajar tahun akhir dan graduan 2021 melalui pensijilan profesional berasaskan kepakaran dan kompetensi mengikut bidang. Berdasarkan kepada peluang

permohonan yang telah diberikan oleh pihak KPT, UMP telah menghantar 22 permohonan program/kursus untuk para pelajar mendapat pensijilan profesional pada 30 September 2021 kepada pihak KPT. Berdasarkan permohonan tersebut, sebanyak 20 permohonan program pensijilan profesional yang telah diluluskan dengan nilai bajet yang diperuntukkan adalah RM2.34 juta bagi 781 orang pelajar (RM3,000/pelajar).

Gambar Rajah 9: Objektif KPT PACE

OBJEKTIF
<ul style="list-style-type: none"> Memberikan nilai tambah kepada kelayakan sedia ada pelajar; Memperkuhkan kompetensi profesional graduan dalam bidangnya sendiri; dan Meningkatkan kebolehpasaran graduan iaitu 80 peratus pelajar yang mengikuti KPT-PACE disasarkan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi atau mendapat pensijilan profesional.

Gambar Rajah 10: Program KPT PACE yang Telah Diluluskan Tahun 2021

PROGRAM KPT PACE		
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Fiber Optic Installation and Testing for FTTH</i> • <i>(FIBER OPTIK 2) Cable Installation and Testing for OSP</i> • Kursus Pengiraan dan Pembelian Kuantiti Bangunan Menggunakan Excel, Autocad dan <i>Blubeam</i> • Kursus Pengiraan Kuantiti Kerja Mekanikal Elektrik • <i>Digital Marketer Entrepreneurship</i> • Kursus Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Pemantauan Alam Sekitar • Kursus Pengurusan dan Pelaksanaa GMP dan HACCP 	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pengurusan Sisa dan Penjanaan Pendapatan Tanah serta Pengawalan Alam Sekitar • Kursus Pengurusan Sistem Rumah Tertutup Poltri dalam GAHP • Kursus Jaminan Kualiti dan Keselamatan Makanan • Kursus Pengurusan Halal • Kursus Pengurusan Kawalan Hakisan dan Pemuliharaan Tanah Pertanian • Kursus Pengurusan Pembungkusan dan Pelabelan Makanan • Kursus Pengurusan Pertanian Sayuran Organik 	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Pengurusan Teknologi Tisu Kultur • <i>Certification In Non - Destructive Testing (NDT Inspector ASNT Level 2)</i> • <i>Certified in Autodesk AUTOCAD Essential Programme</i> • <i>Certified In Quality System Technician</i> • <i>PMBOK®6th Edition Training 2.0: Towards CAPM® Certification</i> • <i>Certified The Futuristic Fixed Broadband and 5G Network Technologies</i>

Sijil Program Pengkhususan Terbuka (SPPT)

SPPT yang ditawarkan di UMP adalah berkonsepkan sijil pengkhususan program akademik sesuatu bidang dan ditawarkan kepada semua pelajar di UMP secara silang bidang dan pelbagai bidang. Program yang bersifat pilihan kepada para pelajar ini telah mula ditawarkan pada semester 1, sesi 2020/2021 dan telah diteruskan sehingga Sesi Akademik 2021/2022.


Jadual 71: SPPT Ditawarkan UMP Mengikut Fakulti

BIL.	FAKULTI	BIDANG PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA
1.	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Electrical Energy Management</i> • <i>Chemical Process Engineering</i> • <i>Smart Manufacturing</i> • <i>Materials Engineering</i> • <i>Building Structures</i>
2.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Computer Aided Design (CAD)</i>
3.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKPP)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bioprocess Development</i> • <i>Process Systems Engineering</i> • <i>Herbal and Medicinal Plants Processing</i>
4.	Fakulti Komputeran (FK)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Multimedia Technology</i> • <i>Computer Game Development</i>
5.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Robotics</i>
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Artificial Intelligence of Things (AIoT)</i>
7.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Construction Management</i>
8.	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Metal, Corrosion and Failure Analysis</i> • <i>Applied Chemistry</i>
9.	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Finance</i> • <i>Logistics</i>
10.	Pusat Sains Matematik (PSM)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Data Analytics</i>

BIL.	FAKULTI	BIDANG PROGRAM PENGKHUSUSAN TERBUKA
11.	Pusat Bahasa Moden (PBM)	<ul style="list-style-type: none"> • Education • Fictional Prose • Mandarin Language • Arabic Communication for Non-Arabic Speakers
12.	Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)	<ul style="list-style-type: none"> • Halal Compliance and Certification • Islamic Studies • Psychology


Bagi Sesi Akademik 2021/2022 kursus SPPT telah ditawarkan melalui sejumlah 26 bidang yang telah disediakan oleh kolej, fakulti dan pusat. Program ini telah mendapat sambutan daripada para pelajar dan bilangan pelajar mendaftar telah melonjak daripada 19 orang pelajar pada Sesi Akademik 2020/2021 sehingga kepada 136 orang pelajar pada sesi Akademik 2021/2022.

Gambar Rajah 11: Perincian Pelajar yang Mendaftar



Kemasukan Pelajar

Gambar Rajah 12: Pecahan Kemasukan Pelajar Tahun 2021




Pada tahun 2021, jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian ialah seramai 3,259 iaitu 2,259 orang pelajar ijazah sarjana muda, 62 orang pelajar dual ijazah, 916 orang pelajar diploma dan 22 orang pelajar asasi.

Jadual 72: Perincian Kemasukan Pelajar dalam Pelbagai Bidang Tahun 2021

BIL.	BIDANG PENGAJIAAN	PERINCIAN	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Ijazah Sarjana Muda	Februari Semester II Sesi Akademik 2020/2021	447	2,259
		Semester I Sesi Akademik 2021/2022	1,812	
2.	Dual Ijazah	Februari Semester II Sesi Akademik 2020/2021	5	62
		Semester I Sesi Akademik 2021/2022	57	
3.	Diploma	Semester I Sesi Akademik 2021/2022	712	916
		Public University, Private Wing (PUPW) Semester I Sesi Akademik 2021/2022	204	
4.	Asasi	Semester I Sesi Akademik 2021/2022	22	22
JUMLAH KESELURUHAN				3,259

Jumlah kemasukan pelajar pascasiswazah tahun 2021 adalah seramai 360 orang iaitu 311 pelajar tempatan dan 49 orang pelajar antarabangsa (tidak termasuk pelajar mobiliti antarabangsa).


Gambar Rajah 13: Pecahan Kemasukan Pelajar Pascasiswazah Tahun 2021



Enrolmen Pelajar

Jumlah enrolmen keseluruhan pelajar UMP pada tahun 2021 ialah seramai 16,891 orang. Seramai 15,134 enrolmen pelajar prasiswazah merangkumi 14,964 orang pelajar tempatan dan 170 orang pelajar antarabangsa. Manakala, terdapat seramai 1,757 enrolmen pelajar pascasiswazah merangkumi 1,492 orang pelajar tempatan dan 265 orang pelajar antarabangsa (tidak termasuk pelajar mobiliti antarabangsa).

Gambar Rajah 14: Enrolmen Pelajar Prasiswazah Tahun 2021




Gambar Rajah 15: Enrolmen Pelajar Pascasiswazah Tahun 2021



Pelajar Siswazah


Intake Graduate on Time (IGOT) adalah inisiatif yang diwujudkan oleh KPM bagi memastikan pelajar dapat bergraduasi dalam masa yang ditetapkan. IGOT juga akan membantu universiti dalam meningkatkan keberkesanan operasi akademik.

Gambar Rajah 16: Peratusan Pelajar Pascasiswazah yang Mencapai Status *Intake Graduate on Time (IGOT)*




Bilangan graduan program pascasiswazah adalah seramai 296 pada tahun 2021.

Gambar Rajah 17: Bilangan Graduan Program Pascasiswazah




Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa tahun 2021 adalah seramai 265.

Gambar Rajah 18: Jumlah Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPS Tahun 2021



Bilangan enrolmen keseluruhan bagi pelajar pascasiswazah pada tahun 2021 adalah seramai 1,832.


Gambar Rajah 19: Bilangan Enrolmen Keseluruhan Bagi Pelajar Pascasiswazah di UMP



* Perincian adalah termasuk pelajar aktif, tangguh pengajian, tamat pengajian, berhenti, diberhentikan, gagal dan meninggal dunia (termasuk pelajar mobiliti dan summer program sehingga 31 Disember 2021).

Jumlah pelajar yang menyambung pengajian ke peringkat ke Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana Sains meningkat dari tahun ke tahun. Penawaran program pascasiswazah UMP bermula pada tahun 2004 dengan kemasukan seorang pelajar PhD dan 15 orang pelajar sarjana. Pada tahun 2021, enrolmen keseluruhan pelajar PhD mencecah 820 orang pelajar manakala enrolmen keseluruhan pelajar sarjana adalah seramai 1,012 orang pelajar. UMP telah menawarkan Skim Biasiswa yang dikenali dengan nama *Doctoral Research Scheme (DRS)* yang ditawarkan kepada pelajar PhD dan *Masters Research Scheme (MRS)* yang ditawarkan kepada pelajar sarjana.

Gambar Rajah 20: Bilangan Slot Skim Biasiswazah DRS dan MRS yang Ditawarkan Tahun 2021




Penawaran Skim Biasiswazah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan *academic efficiency* kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) terutamanya dalam usaha untuk menarik pelajar yang terbaik, menghasilkan jurnal yang berkualiti dan meningkatkan bilangan pelajar yang mencapai status *Intake Graduate on Time* (IGOT).

Penganugerahan dan Pengijazahan

KDYMM Tuanku Canselor UMP telah memperkenankan penganugerahan diploma dan ijazah kepada semua graduan UMP bagi tahun 2021 bermula 13 Disember 2021.

Pada sesi 2020/2021, seramai 4,083 graduan bergraduasi iaitu 99 orang graduan Doktor Falsafah (PhD), 589 orang graduan sarjana (termasuk master eksekutif), 2,607 orang graduan sarjana muda (termasuk dual ijazah dan bachelor eksekutif), dan 788 orang graduan diploma (termasuk diploma eksekutif/ profesional).

Gambar Rajah 21: Bilangan Program Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2021



Jadual 73: Bilangan Graduan Mengikut Program Tahun 2021

PROGRAM PRASISWAZAH		PROGRAM PASCASISWAZAH		UMP ADVANCED	
Sarjana Muda	2,206	Doktor Falsafah	99	Master Eksekutif	372
Dual Ijazah	29	Sarjana (Penyelidikan)	110	Bachelor Eksekutif	282
Diploma	506	Sarjana (Kerja Kursus)	67	Diploma Eksekutif atau Profesional	408
		Sarjana (Mod Campuran)	4		
JUMLAH	2,741	JUMLAH	280	JUMLAH	1,062
JUMLAH KESELURUHAN					4,083

Penganugerahan Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Universiti (AAU) anjuran Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) merupakan antara anugerah tahunan berprestij UMP yang merangkumi dua anugerah utama. Anugerah ini bermula pada tahun 2009 melalui Anugerah Pensyarah Cemerlang bagi menghargai jasa ahli akademik yang telah menonjolkan kecemerlangan dan kreativiti dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ia juga dilihat sebagai satu bentuk penghargaan oleh universiti kepada ahli akademik yang telah menunjukkan usaha dan komitmen dalam membentuk pelajar menjadi cemerlang dan bersifat holistik.

Gambar Rajah 22: Objektif Anugerah AAU

OBJEKTIF

- Mengiktiraf sumbangan serta kepakaran staf Akademik UMP dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
- Memberi galakan dan rangsangan kepada staf Akademik untuk terus berusaha lebih gigih bagi mencapai kecemerlangan universiti dalam melahirkan modal insan yang berkualiti menerusi tugas pengajaran, penyeliaan, pembelajaran dan lain-lain; dan
- Meningkatkan motivasi ahli akademik melalui pendekatan inovasi dan kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Gambar Rajah 23: Senarai Anugerah Utama Anugerah AAU

ANUGERAH PENGAJARAN	ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN
<ul style="list-style-type: none"> Terdapat tiga kategori: Kejuruteraan, Sains Gunaan dan Sains Sosial. Penyertaan: staf akademik yang berumur 35 tahun ke atas serta mempunyai pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selama tiga tahun ke atas. 	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan: staf akademik yang berumur 34 tahun ke bawah serta mempunyai pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) satu hingga lima tahun (pensyarah muda).


Pada tahun 2021, Anugerah AAU telah dibuka untuk penganugerahan bagi tahun 2020. Seramai sepuluh orang yang telah membuat permohonan. Enam permohonan bagi Anugerah Pengajaran manakala empat orang bagi Anugerah Ahli Akademik Harapan. Daripada permohonan tersebut hanya tiga orang sahaja yang layak ke peringkat akhir bagi Anugerah Ahli Akademik Harapan. Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Dr. Mohd Hazwan Yusof, telah dinobatkan sebagai pemenang bagi AAU Kategori Ahli Akademik Harapan.

Pemasaran dan Kemasukan Akademik


Kemasukan Pelajar Program Diploma dan Asasi Sesi Akademik 2021/2022

Pada sesi akademik 2021/2022, seramai 938 orang pelajar baharu program asasi dan diploma mendaftar dalam talian bagi kemasukan Julai 2021. Daripada jumlah itu, semua pelajar adalah di UMP Kampus Gambang.


Gambar Rajah 24: Perincian Jenis Pendaftaran



Gambar Rajah 25: Perincian Jantina Pelajar



Gambar Rajah 26: Perincian Pendaftaran




Jadual 74: Data Unjuran, Tawaran, Setuju Terima dan Pendaftaran Diploma Mengikut Sesi Akademik

BIL.	SESI AKADEMIK	2020/2021	2021/2022
1.	Jumlah Unjuran	660	780
2.	Jumlah Tawaran	996	2,199
3.	Jumlah Daftar (Keseluruhan)	592	712
PERATUS JUMLAH DAFTAR/UNJURAN		592/660=90%	712/780=91%


Kemasukan Pelajar Program Sarjana Muda Sesi Akademik 2021/2022

Pada sesi akademik 2021/2022, seramai 1,838 orang pelajar baharu program sarjana muda mendaftar dengan unjuran 2,580 (71 peratus).

Gambar Rajah 27: Peratus Pelajar Mengikut Kampus



Gambar Rajah 28: Peratusan Jantina Pelajar



Gambar Rajah 29: Perincian Purata PNGK



Jadual 75: Perincian Pendaftaran Mengikut Bidang Sesi Akademik 2021/2022

BIL.	LEPASAN	PERATUS (%)
1.	Kejuruteraan	21
2.	Teknologi Kejuruteraan	25
3.	Teknologi	8
4.	Sains Komputer	14
5.	Sains Gunaan	17
6.	Pengurusan	15

Jadual 76: Perincian Pendaftaran Mengikut Lepas Sesi Akademik 2021/2022

BIL.	LEPASAN	PERATUS (%)
1.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	24
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	13
3.	Matrikulasi	33
4.	Diploma	42
5.	Politeknik	23
6.	Lain-lain	20

Jadual 77: Data Unjuran, Tawaran, Setuju Terima dan Pendaftaran Sarjana Muda Semester I Sesi Akademik 2020/2021 hingga 2021/2022

BIL.	SESI AKADEMIK	2020/2021	2021/2022
1.	Jumlah Unjuran	2,700	2,380
2.	Jumlah Daftar (Keseluruhan)	2,258	1,838
PERATUS JUMLAH DAFTAR/ UNJURAN		2,258/2,700=84%	1,838/2,380=77%

Jadual 78: Data Unjuran, Tawaran, Setuju Terima dan Pendaftaran Sarjana Muda Semester II Sesi Akademik 2020/2021 hingga 2021/2022

BIL.	SESI AKADEMIK	2020/2021	2021/2022
1.	Jumlah Unjuran	2,700	2,580
2.	Jumlah Tawaran	3,329	2,199
3.	Jumlah Daftar (Keseluruhan)	2,699	1,838 (Semester II) Jumlah permohonan semester II <i>Direct Entry</i> = 350 Luar UPU (<i>Spades</i>) = 900
PERATUS JUMLAH DAFTAR/UNJURAN		2,699/2,700=99%	TBD

Pensijilan Ulul Albab

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) menawarkan Pensijilan Ulul Albab kepada mahasiswa UMP bermula pada Tahun 1 sesi pengajian. Program ini berjalan selama empat tahun (sepanjang mahasiswa berada di UMP). Sijil akan diberikan kepada mahasiswa yang berjaya menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya lima juzuk sepanjang pengajian di UMP oleh Maahad Tahfiz Negeri Pahang.

Pada tahun 2021, seramai 30 pelajar UMP menyertai Pensijilan Ulul Albab selama empat tahun (tujuh semester)



18



12

Akademi Da'i Muda

Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) mengadakan program Akademi Da'i Muda kepada pelajar UMP. Program ini menerapkan tentang pembelajaran untuk menjadi seorang fasilitator yang berkualiti. Para peserta akan menjadi fasilitator kepada pelajar yang mengambil subjek *Soft Skill* bagi program *My Intellectual Circle* (MyIC) anjuran PIMPIN dan Pusat Sains Kemanusiaan UMP. Program diadakan pada 16 hingga 18 Julai 2021 secara dalam talian melibatkan 42 orang peserta berdaftar.

Ujian Kefasihan bahasa Mandarin Peringkat Antarabangsa dianjurkan di Confucius *Institute* UMP

Confucius *Institute* UMP telah menganjurkan Ujian Kefasihan Bahasa Mandarin (HSK dan HSKK) secara dalam talian sebanyak tujuh kali sepanjang tahun 2021, iaitu pada bulan Januari, Mac, April, Jun, Julai, September dan Oktober 2021. Seramai 138 orang peserta telah menduduki ujian HSK, manakala enam orang peserta menduduki ujian HSKK. Ujian HSK merupakan ujian Kefasihan bahasa Mandarin yang diiktirafkan pada peringkat antarabangsa. Disebabkan pandemik COVID-19, ujian HSK telah dianjurkan secara dalam talian dengan sistem pengujian yang dibangunkan oleh China. Kesemua calon mendapat keputusan yang cemerlang dalam ujian HSK. Pusat ujian HSK telah diluluskan oleh Chinese Testing International Co., Ltd pada 11 Mac 2020. Dengan penubuhan Pusat Ujian HSK di UMP Pekan, ia telah memanfaatkan kepada pelajar-pelajar, terutamanya pelajar-pelajar dari pantai Timur Malaysia.

Confucius *Institute* UMP menawarkan TVET Mandarin

Confucius *Institute* UMP telah menawarkan TVET Mandarin untuk penyelidik Makmal Kejuruteraan Rel. Kursus latihan ini ialah sebahagian daripada Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) untuk East Coast Rail Link (ECRL) di UMP pada 6 April hingga 30 April 2021. Seramai 31 graduan diploma dan sarjana muda yang terlibat dalam latihan di UMP Kampus Gambang.



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)



Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli-ahli MPP UMP Sesi 2020/2021 diterajui oleh Muhammad Hisyamuddin Abdul Aziz. Pemilihan MPP dilaksanakan secara dalam talian sejajar dengan usaha mengadaptasi norma baharu. Namun, sistem pengundian masih dikekalkan secara dalam talian dengan menggunakan sistem *e-Voting* yang telah diperkenalkan sejak dahulu lagi. Pelajar hanya perlu mengakses dalam *e-Community* bagi memilih calon yang dikehendaki. Pengisytiharan penubuhan Kabinet MPP UMP Sesi 2020/2021 telah diumumkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dato'. Ts. Dr. Yuserrrie Zainuddin. Seramai 28 orang ahli MPP Sesi 2020/2021 telah menyertai Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP secara dalam talian.

Kaunseling dan Psikologi

Sepanjang tahun 2021, sesi kaunseling dan sesi bimbingan masih tetap berjalan dalam normal baharu. Memandangkan kebanyakan pelajar UMP berada di rumah masing-masing, mereka masih lagi boleh mendapatkan sesi melalui dalam talian seperti Google Meet, Zoom dan melalui medium WhatsApp. Bagi mereka yang pulang ke kampus, pilihan diberi kepada mereka untuk bertemu secara bersemuka atau juga melalui dalam talian.

Terdapat pelbagai isu yang dikongsi oleh pelajar sepanjang tahun 2021. permasalahan atau isu yang paling tinggi dalam sesi kaunseling adalah isu akademik. Pembelajaran secara dalam talian memang memberi impak kepada isu ini. Ini kerana para pelajar perlu mengadaptasi perubahan cara pembelajaran secara maya berbanding bersemuka yang sudah lama dijalankan sebelum ini. Impak daripada isu ini ialah kemerosotan prestasi akademik dan permohonan untuk menanggungkan pengajian juga agak tinggi bilangannya berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Barisan kepimpinan kali ini juga turut memperkenalkan slogan baharu iaitu 'Salam Pemerksaan Mahasiswa' yang akan berperanan memberi perubahan menerusi libat sama mahasiswa dalam proses membuat keputusan universiti ke arah pemerksaan mahasiswa. MPP turut berperanan untuk menjadi penghubung utama antara pelajar dan pihak pengurusan universiti selaras dengan aspek penghakupayaan mahasiswa (*Student Empowerment*). Sebanyak tiga hala tuju yang digariskan dalam mengangkat agenda pemerksaan mahasiswa iaitu menjadikan Dewan Perundingan Pelajar (DPP) sebagai platform semak dan imbang (*check and balance*), mewujudkan punca kuasa penubuhan jawatan kuasa mengikut teras dan memperkasakan Jawatankuasa Aduan Pelajar (JAP).

Carta 12: Jenis Sesi Kaunseling Tahun 2021



Gambar Rajah 30: Perincian Isu-isu Kaunseling

293 Akademik	98 Kesihatan Mental	66 Peribadi
28 Keluarga	10 Kewangan	6 Sosial



Khidmat Komuniti dan Kesukarelawanan Akademi ADAB

Program Sekolahku Universitiku Siri IV



Tarikh: 19 Mac hingga 10 April 2021

Tempat: Sekolah Kebangsaan Pulau Pasir Mandi, Temerloh

Program ini adalah kerjasama di antara UMP dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program telah dimulakan mengikut Siri I di Sekolah Kebangsaan (FELDA) Keratong 1 pada 2020 dan diteruskan dengan Sekolah Kebangsaan Pulau Pasir Mandi, Temerloh. UMP telah diminta mengadakan *smart partnership* bersama Sekolah Kebangsaan Pulau Pasir Mandi, Temerloh. Projek yang diadakan adalah pembinaan Pondok Bacaan bagi tempat rehat, pembelajaran luar darjah dan tempat riadah murid sekolah. UMP telah membesarkan ruang berbumbung berukuran 12' x 18' dengan berkonsepkan gotong-royong bersama ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan warga UMP.

Misi Sukarelawan Banjir 2021





Tarikh: 17 Disember 2021 hingga 31 Disember 2022

Tempat: Kuantan, Temerloh, Mentakab dan Hulu Langat

Misi Sukarelawan ini melibatkan 800 orang sukarelawan dalam kalangan pelajar UMP. Bantuan yang diberikan adalah kerja-kerja pembersihan di rumah mangsa banjir dalam kalangan pelajar dan kakitangan UMP serta komuniti.

Gambar Rajah 31: Perincian Pascabanjir 2021/2022, Jawatankuasa Bencana Kebajikan Pelajar

KAWASAN TERJEJAS	KEPERLUAN BANTUAN	JANTINA
54 Gambang	2 Berpindah ke Pusat Perpindahan Sementara (PPS)	 3
114 Kuantan	64 Terkandas atau Terputus Laluan	 233
32 Pekan	88 Memohon bantuan asas disebabkan banjir	
61 Daerah Lain	253 Pemakluman kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP)	
146 Negeri Lain		
KEDIAMAN TERJEJAS	KEDIAMAN TERJEJAS	KAMPUS
96 Rumah Sewa	407 Terima bantuan keperluan asas dan kesukarelawanan	139 UMP Pekan
311 Rumah Keluarga		268 UMP Kampus Gambang
FAKULTI ATAU KOLEJ		
29 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	22 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)	19 Jabatan Kejuruteraan Kimia (JKK)
73 Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)	26 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	10 Pusat Sains Matematik (PSM)
73 Fakulti Komputeran (FK)	28 Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	22 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
45 Fakulti Pengurusan Industri (FPI)	15 Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	4 Institut Pengajian Siswazah (IPS)
16 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	25 Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	

Sukan dan Kebudayaan

Program Anjuran Dalaman untuk Pelajar dan Staf



Jadual 79: Kejohanan Sukan Normal Baharu Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Badminton	3 April 2021
2.	Bola Tampar	4 April 2021
3.	Ping Pong	11 April 2021
4.	Sepak Takraw	
5.	Petanque	

Jadual 80: Program Anjuran Dalam Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>FITUMPIDUS 2021</i>	20 September 2021
2.	UMP <i>Virtual Run</i> Sempena Hari Sukan Negara	9 hingga 10 Oktober 2021

Program Penyertaan Luar Pelajar dan Staf

Jadual 81: Program Penyertaan Luar Pelajar dan Staf Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	MASUM <i>Virtual Art Tournament</i>	10 hingga 20 September 2021	Dalam Talian
2.	MASUM <i>Virtual Orienteering Tournament 2021</i>	2 hingga 3 Oktober 2021	
3.	2021 MASUM OPEN Online Chess Tournament	10 Oktober 2021	
4.	Kejohanan Golf Antara Universiti Awam Malaysia Ke-48	6 hingga 8 Disember 2021	Shah Alam, Selangor
5.	Majlis Pelancaran Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) 2021	9 Disember 2021	Dewan Serbaguna, UMP Pekan
6.	<i>Golf Matchplay IPT 2021</i>	23 hingga 25 Disember 2021	Universiti Utara Malaysia (UUM)


Gambar Rajah 32: Perincian Pencapaian Kejohanan Golf Antara Universiti Awam Malaysia Ke-48

Ke-11	Ke-10	Ke-12
Gross Individu	Nett Individu	VIP Individu
Abu Sufian Mokhtar	Azizan Haji Azit	Zainudin Othman

Gambar Rajah 33: Perincian Pencapaian *Golf Matchplay IPT 2021*

3	1	1
Pingat Emas	Pingat Perak	Pingat Gangsa

- Muhamad Fathi Jasmani
- Ali Imran Rozli Sham
- Lee Jia Huey
- R. Pravetta Murugiah
- Nur Danish Haiqal Shamsol



Pencapaian Staf dan Pelajar



Majlis Menandatangani Kontrak Pasukan bagi Pegawai dan Pemain KPT-PST *Mustangs* untuk *Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2022* di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan pada 15 Disember 2021. Wan Suratman Adnan Wan Roslee dilantik sebagai Ketua Jurulatih dan dua orang pelajar UMP, Muhammad Amirul Aiman Hairol Nizan dari Fakulti Pengurusan Industri (FPI) dan Muhammad Nur Solehin Shamsul dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) telah terpilih mewakili pasukan KPT-PST *Mustangs*. Muhammad Amirul Aiman Hairol Nizan juga telah terpilih sebagai Duta Barangan Jenama FIGOS selama tiga tahun.

Jadual 82: Program atau Aktiviti Tahun 2021

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	
1.	<i>Aural Grand Occasion Cover: Chinese New Year 2021</i>	12 Februari 2021	Dalam Talian	
2.	Sebuah Sesi Bacaan Skrip Dalam Talian: Neo Desiden	27 Februari 2021		
3.	<i>Aural Akustika 2, Cover: Roadblock Hatiku</i>	16 Mac 2021		
4.	Projek: Bikin Teater, Sebuah Kompilasi Sesi Bacaan Skrip Atas Talian	3 hingga 4 April 2021		
5.	Festival Seni Tari UMP	9 hingga 11 April 2021		
6.	Medley Lagu-lagu, Anugerah Juara Lagu Ke-35	13 April 2021		
7.	<i>Aural Grand Occasion Cover Ramadan</i>	12 Mei 2021		
8.	<i>Aural Grand Occasion Cover Aidilfitri</i>	21 Mei 2021		
9.	Bual Bicara Dalam Talian: Falsafah Silat dalam Kehidupan Bersama Ebby Yus	23 Mei 2021		
10.	Nyanyian Lagu Kebangsaan Sempena Hari Suai Kenal 2021	12 Ogos 2021		
11.	Nyanyian Lagu Rasmi Universiti Malaysia Pahang (UMP): Maju Gemilang Hari Suai Kenal 2021			
12.	<i>Aural Akustika, Cover: My Heart</i>	19 Ogos 2021		
13.	<i>Aural Akustika 3, Cover: Driver's License</i>			
14.	<i>Aural Akustika 4, Cover: Love</i>			
15.	<i>Aural Akustika 5, Cover: Kekasih Bayangan</i>	12 September 2021		
16.	<i>Cover By Presto Band, Saya Akan Malaysia</i>	16 September 2021		Dalam Talian
17.	#Kitakongsi	25 September 2021		
18.	Bengkel Festival Tari Kebangsaan 2021	25 hingga 26 September 2021	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pahang.	
19.	<i>Aural Grand Occasion Cover, Hari Kebangsaan</i>	31 Ogos 2021	Dalam Talian	
20.	Santai Berbasikal Bersama Keluarga UMP 2021 Menjelang Sambutan Ke-20 UMP	20 November 2021		
21.	Majlis Pelancaran SUKFAC Ke12 2021	9 Disember 2021	Dewan Serbaguna, UMP Pekan	
22.	<i>Aural Adrenaline Sharing Session</i>	10 Oktober 2021	Dalam Talian	
23.	Pementasan Teater Mayat (Jemputan)	23 hingga 24 Oktober 2021	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Pahang	
24.	<i>Theatre for Beginners</i>		Discord Senandika	
25.	<i>E-Short Out 2021</i>	19 November 2021	Dalam Talian	
26.	Senandika Show Time 2021	19 hingga 21 November 2021		
27.	Pembinaan Video Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMO) UMP	Oktober hingga Disember 2021	UMP	

Akademik Bersama Komuniti

Teras kedua bagi keunggulan TVET aras tinggi ialah Akademik Bersama Komuniti. Dalam konteks ini, ia berfokus kepada penglibatan komuniti seperti alumni, industri, masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kepentingan akademik bersama masyarakat adalah untuk mengurangkan jurang di antara kebolehan graduan yang menepati keperluan industri dengan kebolehan pelajar yang dibina di universiti. Terdapat empat petunjuk prestasi utama untuk mengukur keberhasilan Akademik Bersama Komuniti.

- 1 Pelajar dari industri;
- 2 Program ijazah bersama universiti antarabangsa;
- 3 Program akademik berpacukan komuniti; dan
- 4 Pendigitalan kandungan akademik universiti

Latihan Industri Pelajar


Latihan Industri memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengaplikasikan teori yang mereka pelajari di universiti kepada situasi sebenar di alam pekerjaan.



Jumlah pelajar yang menjalani latihan industri sejak tahun 2011 hingga 2021

23,840 orang


Gambar Rajah 34: Taburan Kumulatif Latihan Industri Mengikut Negeri Sehingga Tahun 2021



Sehingga tahun 2021, pelajar UMP telah menjalani latihan industri di 12,790 industri. Taburan latihan industri menunjukkan 26.82 peratus pelajar mengikuti latihan industri di negeri pantai Timur (Pahang, Kelantan, dan Terengganu) dan diikuti dengan 37.65 peratus di negeri kawasan tengah (Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya), 15.05 peratus negeri di utara (Perak, Pulau Pinang, Perlis, Kedah) dan 16.79 peratus melibatkan negeri di kawasan Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor). Sabah, Labuan dan Sarawak pula mencatatkan jumlah pelajar yang sedikit mengikuti latihan industri iaitu 4.50 peratus.

Sejak tahun 2011, pelajar yang telah menjalani latihan industri memilih industri kerajaan, badan berkanun, multinasional, swasta tempatan dan *Government Linked Company* (GLC).


Gambar Rajah 35: Bilangan Graduan Program Pascasiswazah



Pengantarabangsaan Universiti

Beberapa Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Pemeteraian Surat Hasrat (LoL) dapat ditandatangani secara praktikalnya menyumbang ke arah pelaksanaan agenda pengantarabangsaan universiti melalui aktiviti seperti program pertukaran pelajar (mobiliti) *inbound dan outbound*, program sangkutan staf, penyelidikan bersama, lantikan profesor tamu, penganjuran persidangan antarabangsa, penerbitan jurnal dan sebagainya.

Gambar Rajah 36: Senarai Persidangan Antarabangsa Tahun 2021




Gambar Rajah 37: Senarai MoU, MoA atau LoL yang Telah Ditandatangani Tahun 2021

INDONESIA	KAZAKHSTAN	TURKI	JERMAN	JEPUN
<ul style="list-style-type: none"> Universitas Muhammadiyah Magelang Universitas Brawijaya, Binus University Politeknik Negeri Cilacap 	<ul style="list-style-type: none"> Al-Farabi Kazakh National University S. Seifullin Kazakh Agrotechnical University Kazakh National Agrarian University 	<ul style="list-style-type: none"> Bolu Abant Izzet Baysal University Suleyman Demirel University 	<ul style="list-style-type: none"> HTWG Konstanz University 	<ul style="list-style-type: none"> Iwate University
		CHINA	YAMAN	KOREA SELATAN
		<ul style="list-style-type: none"> Hebei University Tianjin Normal University Shaanxi Railway Institute 	<ul style="list-style-type: none"> Hadhramout University 	<ul style="list-style-type: none"> Chonnam National University

Jalanan Kerjasama dengan Pihak Industri

Gambar Rajah 38: Jalanan Kerjasama dengan Pihak Industri Bagi Pembangunan dan Penempatan Kerjaya Serta Bekerjasama dengan Agen Mencari Pekerjaan Dalam dan Luar Negara




Jadual 83: Senarai Program Pembangunan Kerjaya Tahun 2021 Secara Dalam Talian

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Abroad Internship Sharing Program</i>	10 Mac 2021
2.	<i>Self-Awareness and Career Roadmap</i>	17 Mac 2021
3.	<i>Career Readiness for Future Talent</i>	31 Mac 2021
4.	<i>Virtual Industrial Visit to Top Glove</i>	7 April 2021
5.	<i>Your English Matters</i>	14 April 2021
6.	<i>Personel Branding</i>	28 April 2021
7.	<i>Career Talk: The Pursuit of Happiness</i>	9 Jun 2021
8.	Persediaan Emosi Sebelum Melangkah ke Alam Pekerjaan	10 Jun 2021
9.	Kursus <i>Creative Multimedia: Digital Video Editing</i>	28 Julai 2021
10.	Kursus <i>Creative Multimedia: Essential Graphic Design</i>	3 Ogos 2021
11.	<i>UMP Virtual Career Power Week: Opening Ceremony and Hired from Home Webinar</i>	12 September 2021
12.	<i>UMP Virtual Career Power Week: Get a Job? How la?</i>	13 September 2021
13.	<i>UMP Virtual Career Power Week: Persuasive Communication 101</i>	14 September 2021
14.	<i>UMP Virtual Career Power Week: Ready to Work or Not?</i>	15 September 2021
15.	<i>UMP Virtual Career Power Week: I am not a doormat</i>	16 September 2021
16.	<i>Roadmap to Internship Preparation</i>	27 Oktober 2021
17.	<i>Walkthrough and Internship Preparation Talk: Score your Internship</i>	10 November 2021

Kolaborasi Industri dan Masyarakat

Gambar Rajah 39: Perincian Kolaborasi Industri dan Masyarakat Tahun 2021

<p>42 Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), Pemeteraian Surat Hasrat (LoL), dan <i>Non-Disclosure Agreement</i> (NDA).</p> <p>218 Lawatan atau Mesyuarat Industri</p> <p>155 Program Perkongsian Kepakaran</p> <p>263 Jumlah Industri</p> <p>89 Jumlah Komuniti</p>	
--	---

Gambar Rajah 40: Impak Inisiatif Kolaborasi Industri dan Masyarakat Tahun 2021

PEMBANGUNAN PELAJAR	PENYELIDIKAN DAN INOVASI	PEMBANGUNAN KOMUNITI
<ul style="list-style-type: none"> • Penempatan latihan industri, 2u2i, 3u1i dan WBL. • Semakan dan penilaian. • Struktur kurikulum program. • Penajaan. • Perkongsian ilmu dan kepakaran industri. • Pensijilan dan latihan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan dan perkongsian geran penyelidikan dan kepakaran industri serta universiti. • Beberapa Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA), Pemeteraian Surat Hasrat (LoL), dan <i>Non-Disclosure Agreement</i> (NDA). 	<ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian pengetahuan dan kepakaran dengan komuniti luar bagi tujuan peningkatan kemahiran dan manfaat teknologi. • Komuniti yang mendapat manfaat adalah sekolah-sekolah, agensi kerajaan, pengusaha industri kecil dan sederhana serta komuniti setempat.

Jadual 84: Senarai Program Libat Sama Universiti, Industri dan Komuniti Yang Berimpak Tinggi Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
1.	Projek KTP: Aplikasi Instrumen Pengukuran GSP 48 untuk Kes Permohonan Cerai Akibat Gangguan Sihir dalam Mahkamah Syariah di Malaysia	Pusat Bahasa Moden (PBM)
2.	Projek KTP: Kursus Penggunaan Teknologi <i>Biofeedback</i> untuk Meningkatkan Keberhasilan Sesi Kaunseling di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia	
3.	Kelas Suntingan Video	
4.	Projek KTP: <i>Training of Wastewater Treatment System</i> for KY Global Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)
5.	Webinar Keselamatan Siber.	Fakulti Komputeran (FK)
6.	Perkongsian Kepakaran bersama Sekolah Sultanah Hajah Kalsom (SHAKS)	
7.	Perkongsian Kepakaran bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) Sutravilla 2	
8.	<i>My ElemenEdu</i> : Pelantar Perkongsian Pengalaman Rakyat Malaysia Luar Negara	
9.	Seminar Keselamatan dan Kesihatan Sekolah	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
10.	Bengkel Bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)
11.	Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) di Universiti Malaysia Pahang (UMP-MRL-CCCC)	

BIL.	PROGRAM	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	
12.	Kursus Halal Logistik Penjana HRDF	Jabatan Pembangunan Graduan	
13.	Kelas <i>Online Project Ninja@UMP STEM Lab</i>		
14.	Forum Webinar Cabaran dan Solusi PdPR di Luar Bandar: Tips Praktikal Penyediaan Bahan Pengajaran dan Penilaian Berkualiti.		
15.	Program <i>UMP STEM Lab 2021- Web Development</i>		
16.	Program Siri Bicara Profesional Bersama Ustaz Ebit Lew - Pembangunan Komuniti Melalui Keusahawanan Sosial		
17.	Siri Bicara Profesional Siri 1: Teknologi <i>Blockchain</i> dan Pandemik COVID-19		
18.	Siri Bicara Profesional Siri 2: Fakta, Dongeng dan Potensi Teknologi <i>Blockchain</i> dalam Industri Halal		
19.	Siri Bicara Profesional COVID-19: Talian Hayat untuk Kontraktor		
20.	Siri Bicara Profesional - <i>Industrial Leader Talk in Logistics: The Way Forward to Hassle Free Exports in The Logistics Business</i>		
21.	Siri Bicara Profesional - <i>Industrial Leader Talk in Logistics: Maritime Logistics: Global Trend, Issues and Solutions</i>		
22.	Program <i>UMP STEM Lab 2021: Arduino Programming</i>		
23.	Program <i>UMP STEM Lab 2021: 3D Modelling</i>		
24.	Program <i>UMP STEM Lab 2021: Karnival STEM 2021 Pahang National Hackathon</i>		
25.	Program <i>UMP STEM Lab 2021: Karnival STEM 2021- See. Think. Webcast</i>		
26.	Program <i>UMP STEM Lab 2021: mBlock Programming</i>		
27.	Majlis Penutup Minggu Keusahawanan SKAC 2021		
28.	Kursus Pengenalan Perisian Arduino		Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
29.	<i>Empowering School Teachers with Educational Technology</i>		Pusat Kelestarian Ekosistem dan Sumber Alam (Pusat Alam)
30.	Seminar Ground Penetrating Radar		Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
31.	Forum FiMiEx 2021: Vaksinasi Inovasi		Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
32.	Kursus Asas Robotik		Pusat Sains Matematik (PSM)
33.	<i>Risk Based Inspection (RBI) Training for RBI Team at KANEKA</i>		
34.	<i>Workshop on Optimization for Industry – (Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd., Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd., Kerry Group and A. Sani & Associates Sdn. Bhd.)</i>		
35.	Data Analytics <i>Industrial Talk</i> bertajuk <i>Digital Era: The New Way of Working</i>		Pusat Pembangunan Perisian dan Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian)
36.	Kursus Latihan <i>Mobile Android Development using Google Site for Beginner</i> (untuk usahawan kecil)		
37.	Kursus Aplikasi <i>Blockchain</i> dalam Industri Ternakan- DVS MyWalet		
38.	Latihan <i>Hybrid Metaheuristics and Its Application: From Theory to Implementations</i>		
39.	Latihan <i>Programming with Python and Data Visualization</i>		
40.	Latihan <i>Fundamental of Secure Software Development: Secure Code Practice in Software Development (Level 1)</i>		
41.	Latihan <i>Build an Interactive Machine Learning Web Application</i>		
42.	<i>TVET Mandarin for Laboratory Tester of ECRL</i>	Confucius Institute UMP	

Gambar Rajah 45: Senarai Jenis Perjanjian Kerjasama di antara UMP dengan Industri atau Komuniti Tahun 2021

PERJANJIAN SEWAAN	NON-DISCLOSURE AGREEMENT (NDA)	RESEARCH COLLABORATION AGREEMENT (RCA)
<ul style="list-style-type: none"> Hicom University College Sdn. Bhd. 	<ul style="list-style-type: none"> Kaneka Group of Companies Kebun Kota Sdn. Bhd. Peat Organic Sdn. Bhd. Aerotech Asia Sdn. Bhd. 	<ul style="list-style-type: none"> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)	MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA)	PERJANJIAN
<ul style="list-style-type: none"> Edustats Solutions Roadcare (M) Sdn. Bhd. Serba Dinamik Sdn. Bhd. Terengganu Oil & Gas Council (TOCG) Mie Offshore Solutions Sdn. Bhd. Pemeriksaan Prasarana Digital Dapur Infaq-Komuniti Antara Pertubuhan Dapur Infaq Ummah Kuantan BLOCKWORQ Sdn. Bhd. Ideal Vision Integration Sdn. Bhd. Ones System Sdn. Bhd. Terra Drone Technology Malaysia Sdn. Bhd. UCT Solutions Sdn. Bhd. dan Persatuan Jurutera Malaysia-Jerman Nextgreen Pulp & Paper Sdn. Bhd. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Federation of JPK Accredited Centres Malaysia Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd. Vacuumschmelze (Malaysia) Sdn. Bhd. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Project Management Institute Malaysia Chapter (PMIMY) Skillseed Sdn. Bhd. Singularity Aerotech Asia Sdn. Bhd. KIARAFICS Sdn. Bhd. 	<ul style="list-style-type: none"> Cardas Research & Consulting Sdn. Bhd. (CRCG) Talent Corporation Malaysia Berhad Cybersecurity Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Malaysia Toray Science Foundation <i>Technology Sales and Purchase Agreement</i> di antara UMP dengan Eastern Unity Technology Sdn. Bhd. <i>Industry Promotion and Development Grant (IDPG) Agreement</i> di antara UMP dengan Malaysian Technical Standards Forum Bhd. <i>Fund Management Agreement for Bumiputera Entrepreneur Development Program 2020 (DPUB 2.0)</i> di antara UMP dengan Teraju Bumiputera Corporation <i>Technology Research Funding Agreement</i> di antara UMP Eastern Unity Technology Sdn. Bhd. <i>Partnership Agreement MYSUN - Malaysian Sustainable University Campus Network</i> <i>The Sponsorship Agreement</i> di antara UMP dengan Nextgreen Pulp & Paper Sdn. Bhd. <i>The Sponsorship Agreement</i> di antara UMP dengan Hardex Corporation Sdn. Bhd. <i>The Sponsorship Agreement</i> di antara UMP dengan Ec Excel Wire Sdn. Bhd. <i>The Sponsorship Agreement</i> di antara UMP dengan Chua Ming Hooi Construction Sdn. Bhd.

Penawaran Program Dual Ijazah Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 (Kejuruteraan Rel)

Program ini merupakan inisiatif bersama UMP dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menawarkan program kejuruteraan rel secara kolaborasi dengan Beijing Jiaotong University (BJTU). JPA bersetuju untuk menawarkan biasiswa kepada 46 orang pelajar UMP Tahun 1 Sesi Akademik 2020/2021 sebagai kohort pertama untuk mengikuti program ini pada Semester 1 Sesi Akademik 2021/2020.



Program ini adalah laluan baharu dalam penawaran program berbentuk dual ijazah kerjasama dengan universiti luar negara. Kaedah program seperti ini adalah pertama kali dilaksanakan oleh institusi pendidikan di bawah seliaan Engineering Accreditation Council Malaysia (EAC) dan UMP merupakan Universiti Awam (UA) pertama sebagai perintis.

BJTU dipilih sebagai rakan kerjasama kerana universiti ini merupakan peneraju terkemuka dalam bidang pendidikan dan penyelidikan rel dan mempunyai tenaga akademik pakar bertaraf antarabangsa yang menjadi rujukan kepakaran dalam bidang rel. Kedudukan BJTU dalam *QS Ranking* ialah #751-800. Berdasarkan subjek ranking 2018 bagi *Transportation Science and Technology: 1st place*.

Gambar Rajah 41: Nama Program yang Ditawarkan Tahun 2021




Selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama: Program Ijazah Bersama Antarabangsa dalam Pelan Strategik UMP 2021-2025 untuk merealisasikan visi UMP 'Universiti Teknologi Terunggul', program ini akan menyokong usaha meningkatkan hubungan dengan komuniti antarabangsa. Selain penandaarasan kualiti program, program ini juga akan meningkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan akademik setaraf dengan institusi antarabangsa.

Menyokong inisiatif *One Belt One Road* Malaysia dan China dengan pembinaan Projek East Coast Rail Link (ECRL), UMP dan BJTU yang merupakan

universiti terkemuka dalam bidang rel di China telah bekerjasama dalam Program Latihan Kemahiran Industri East Coast Rail Link (PLKI-ECRL) sejak 2017 untuk menghasilkan tenaga mahir dalam bidang rel.

Menghasilkan tenaga mahir dalam Kejuruteraan Mekanikal, Elektrikal dan Awam dengan bidang fokus rel selari dengan usaha transformasi kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) untuk meningkatkan pekerja tempatan yang berkemahiran tinggi dalam bidang TVET.

Memorandum Persefahaman (MoU), Pusat Kerjasama Akademik Jerman (PKAJ)



Jadual 85: Senarai Memorandum Persefahaman (MoU) Tahun 2021 Secara Dalam Talian

BIL.	MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)	TARIKH
1.	MoU di antara UMP dengan Vacuumschmelze (VAC)	8 November 2021
2.	MoU di antara UMP dengan Konstanz University of Applied Sciences (HTWG-Konstanz) Jerman	15 Disember 2021

Kolaborasi Program Akademik Bersama Institusi Pendidikan Dalam atau Luar Negara

Gambar Rajah 42: Kolaborasi Program Akademik Bersama Institusi Pendidikan Dalam atau Luar Negara Tahun 2021

KAWAL SELIA  Muscat College	PESISIR  INSTEP INSTITUT TEKNOLOGI PETROLIUM PETRONAS	PESISIR  PESISIR	 Education MALAYSIA GLOBAL SERVICES	 TIANJIN UNIVERSITY
<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer dan Rangkaian) dengan Kepujian 	Sarjana Sains (Operasi Loji Proses)	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal	Kolaborasi UMP dengan Education Malaysia, Beijing untuk menerokai peluang kerjasama akademik bersama institusi-institusi pendidikan tinggi di China	Kolaborasi Kolej Kejuruteraan dengan Tianjin University. Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian telah diluluskan untuk penawaran bermula Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023

Persidangan Akademia

Gambar Rajah 43: Perincian Persidangan Peringkat Akademia Peringkat Antarabangsa Tahun 2021

19 hingga 20 Januari 2021	25 hingga 26 Ogos 2021
<ul style="list-style-type: none"> • <i>2nd International Postgraduate Conference on Mechanical Engineering (IPCME) 2021</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>3rd Symposium on Industrial Science and Technology 2021 (SISTEC) 2021</i>
24 hingga 26 Ogos 2021	26 hingga 27 Oktober 2021
<ul style="list-style-type: none"> • <i>4th International Conference on Computational Science and Information Management (ICoCSIM) 2021</i> • <i>7th International Conference on Software Engineering and Computer Systems (ICSECS) 2021</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>6th International Conference on Mechanical Engineering Research (ICMCR) 2021</i>



Kolaborasi UMP mengesankan ilmu dan teknologi baharu bersama Universiti China

Confucius *Institute* UMP telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Hebei University (HBU) mengesankan ilmu dan teknologi

baharu melalui program *Bachelor of Applied Science in Data Analytics* yang berkaitan *Data Science and Big Data Technology*. Sebanyak tujuh sesi kuliah bersama di antara UMP dengan Hebei University sepanjang November hingga Disember 2021. Pensyarah dari kedua-dua buah universiti bergilir-gilir memberi kuliah kepada pelajar-pelajar masing-masing. Pelajar-pelajar juga dapat bertukar pandangan dalam sesi *joint lecture* bersama Profesor dan pensyarah dari Hebei University secara dalam talian.

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe)

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) merupakan sebuah entiti yang ditubuhkan bagi menerajui agenda e-Pembelajaran UMP sejak Januari 2016.

Inisiatif PSPe

- Pembelajaran Teradun Gantian
- Kursus Modular/MOOC
- *Micro-Credential (MC)*
- *Global Classroom*



Gambar Rajah 44: Fungsi-fungsi PSPe

- 1** Menyokong Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) dalam Pelan Pembagunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menerusi Lonjakan Ke-9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap
- 2** Pelan Strategik UMP 2021-2025 menerusi Objektif Strategik 1: Keunggulan TVET Aras Tinggi di bawah Teras 1B: Akademik Bersama Komuniti.
- 3** Pemeraksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (PdP-DT) di UMP melalui pembudayaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Kaedah PTG ini akan diterapkan ke dalam kurikulum fleksibel dalam bentuk pembangunan dan penawaran kursus *Modular dan Micro-Credential*.
- 4** Membangunkan pelantar UMP *Digital Assessment System* (UDAS) yang berfungsi sebagai platform untuk penilaian pentaksiran dalaman kursus secara dalam talian.

Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)

Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) didefinisikan sebagai proses mengupayakan pembelajaran dalam talian berstruktur dalam julat 30 hingga 80 peratus daripada Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time - SLT*). Pada tahun 2021, PTG mula dilaksanakan oleh semua UA di Malaysia.

Pemeraksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (PdP-DT) di UMP melalui pembudayaan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG). Kaedah PTG ini akan diterapkan ke dalam kurikulum fleksibel

dalam bentuk pembangunan dan penawaran kursus *Modular dan Micro-Credential*. Pelantar yang akan digunakan dalam penawaran kursus *Modular dan Micro-Credential* secara dalaman UMP adalah melalui pelantar KALAM dan TINTA. Manakala penawaran kursus *Modular dan Micro-Credential* yang akan ditawarkan kepada komuniti UMP akan menggunakan pelantar ILMU yang berfungsi sebagai tempat pembelajaran dalam bentuk pembelajaran sendiri (*self-paced learning*).


Jadual 86: Senarai Program Berkaitan PTG

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Sesi Taklimat Pembelajaran Teradun Gantian	26 Februari 2021

Platform Pembelajaran Teradun

KALAM adalah satu sistem atas talian yang digunakan oleh staf akademik, tenaga pengajar dan para pelajar di UMP bagi mengukur pencapaian bagi Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*). Melalui pembudayaan dan juga penggunaan yang efektif dalam kalangan komuniti UMP ini, secara puratanya pencapaian keseluruhan Pembelajaran Teradun bagi tahun 2021 adalah sebanyak 92 peratus dan pencapaian ini adalah melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak KPT (50 peratus) bagi tahun 2021.


Carta 13: Peratus pencapaian Pembelajaran Teradun UMP




Kursus Modular (MOOC) dan Micro-Credential

Kursus Modular - Massive Open Online Course (MOOC) adalah di antara inisiatif yang dipertanggungjawabkan di bawah PSPe melalui inisiatif PPM (PT) 2015-2025 di bawah lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global. Kesemua UA dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia telah membangunkan serta menawarkan kursus MOOC ini secara global mengikut platform e-Pembelajaran pilihan masing-masing dan terbuka kepada para pelajar dari dalam dan juga luar negara. Di UMP, beberapa kursus Modular yang telah lengkap dibangunkan dan akan ditawarkan kepada para pengguna yang berminat dari dalam dan luar negara.

Gambar Rajah 45: Kursus Modular yang Ditawarkan di UMP




Gambar Rajah 46: Kursus Modular di bawah Konsep Micro-Credential yang Ditawarkan Melalui Pelantar e-Pembelajaran UMP




MICROBES FOR HUMAN APPLICATIONS

Synopsis:


This course introduces various industrial applications of microorganisms in tradition fermentation process and knowledge needed for the application of microorganisms for the benefits of humans will also be discussed.




DAA2523
Consolidation in Our Daily Life



BET1263
Soil Formation and Classification for Civil Engineering Work



BPQ1223
Time Value of Money and Capital Budgeting



BTO3114
Reservoir Fluid Flow

Global Classroom (GC)

PSPe meneruskan kesinambungan bagi inisiatif GC apabila saban tahun dapat dilihat peningkatan bilangan aktiviti GC yang telah dijalankan oleh pihak fakulti, pusat dan kolej. Bagi memastikan aktiviti GC ini dapat dijalankan dengan baik, kerjasama dengan konsortium yang menjalankan inisiatif GC ini pada peringkat antarabangsa seperti kerjasama dengan pihak *Collaborative Open Online learning (COIL)* dari SUNY COIL berpangkalan di State University of New York (USA) dan juga Kansai University atau dikenali sebagai KU COIL (Jepun), serta lain-lain rakan kerjasama seperti BINUS University.

Di bawah inisiatif ini, sesi pengajaran dan pembelajaran (PnP) dijalankan secara bersama dengan rakan kerjasama luar negara dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Sesi pengajaran dan pembelajaran secara global ini memberikan impak yang baik kepada kualiti penyampaian dan

pengajaran para pensyarah dan secara tidak langsung memberikan kualiti dan imej UMP yang lebih baik dalam kalangan rakan kerjasama. Pada tahun 2021, sasaran yang ditetapkan oleh pihak universiti dan PSPe bagi inisiatif di bawah GC adalah sebanyak 60 sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Sepanjang Pandemik COVID-19 2021, beberapa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di bawah inisiatif GC telah dijalankan oleh fakulti dan pusat dengan kerjasama PSPe. Sehingga Disember 2021, 61 siri Webinar dan GC telah dijalankan dengan kolaborasi daripada universiti antarabangsa seperti Indonesia, Jepun, United Kingdom dan Norway. Inisiatif ini sekali gus mengembangkan lagi jaringan kerjasama antarabangsa ahli akademik UMP bersama pakar luar negara sekali gus mempertingkatkan kualiti PdP di UMP.

Gambar Rajah 47: Pencapaian GC Tahun 2021



Jadual 87: Aktiviti GC Tahun 2021 Secara Dalam Talian

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Webinar: International Environmental Conversation</i>	27 Mei 2021
2.	<i>Webinar and Global Classroom Sharing Session: Toxicological Effects of Microplastics to Aquatic Organisms</i>	11 November 2021
3.	<i>Webinar and Global Classroom Sharing Session: Resources Management in Construction Industry</i>	13 Disember 2021
4.	<i>Webinar and Global Classroom Sharing Session: Sine and Cosine Law</i>	29 Disember 2021

Gambar Rajah 48: Perincian Pencapaian PSPe Tahun 2021



Pingat Emas
Pertandingan Reka Cipta, Kreatif
dan Inovasi (CITREX) 2021



Pingat Perak
*International University Carnival
on e-Learning (IUCEL) 2021*

PSPe dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan sepuluh siri webinar (latihan secara dalam talian) kepada semua staf akademik dan tenaga pengajar sepanjang 2021 dengan jemputan pakar-pakar akademik mengikut skop latihan yang telah ditetapkan. Bahan-bahan bagi sesi webinar yang berkenaan boleh dimuat turun dari portal rasmi PSPe di www.cirel.ump.my.

Jadual 88: Program Di Bawah Pspe Tahun 2021 Secara Dalam Talian

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	<i>Best Practices in Designing Course Page in KALAM/Moodle Platform</i>	17 Mac 2021
2.	Jom Hasilkan Video Mengajar Berkualiti	31 Mac 2021
3.	<i>Copyrights of Digital Contents</i>	26 Julai 2021
4.	<i>Webinar: Safe Exam Browser for Online Exam</i>	1 September 2021
5.	<i>BS for Educator (Beginner)</i>	15 September 2021
6.	<i>Google Workspace Communication Effectively at Work</i>	22 Oktober 2021





Inovasi dengan Kolaborasi Industri

Objektif inovasi dengan kolaborasi industri adalah untuk mengupayakan kebolehan teknikal UMP dan Industri. Ini dilaksanakan bukan hanya dengan memindahkan pengetahuan dan kebolehan teknikal yang terdapat di UMP kepada industri malah melibatkan pemindahan pengetahuan dan kebolehan teknikal dari industri kepada UMP. Semua ini akan membina ekonomi berasaskan ilmu (*knowledge-based economy*) yang mana ilmu pengetahuan digunakan untuk mencipta barangan dan perkhidmatan. Untuk jangka masa yang panjang akan melahirkan sebuah masyarakat berilmu (*knowledge society*) iaitu masyarakat yang menjana dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi menambah baik kehidupan manusia. Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2021-2025, penawaran latihan-latihan teknikal, pelaksanaan projek kerjasama menaik taraf kebolehan teknikal dan pembangunan produk yang menggunakan kepakaran teknikal UMP dan industri akan dilaksanakan. Ini dengan sendirinya akan meningkatkan kesalingan antara UMP dan industri.

Mengupayakan kebolehan teknikal UMP-Industri

- 1A - Latihan Teknikal Bersama Industri
- 2B - Kerjasama Naik Taraf Keupayaan Teknikal Industri
- 3B - Pengkomersialan Produk dan Perkhidmatan Teknikal

Inovasi dengan Kolaborasi Industri



Tahun 2021 telah menyaksikan transformasi agenda penyelidikan, inovasi industri dan pengkomersialan yang diperkukuh dan diperkasakan seiring dengan Pelan Strategik UMP 2021–2025 menerusi objektif strategik Inovasi dengan Kolaborasi Industri dan Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi.

Penjajaran semula melibatkan pemerksaan penyelidikan, inovasi industri dan pengkomersialan dari segi peningkatan keupayaan dan kapasiti penyelidikan yang lebih dinamik serta proaktif melalui tadbir urus geran dan penawaran dana serta geran-geran baharu yang berimpak tinggi dengan objektif khusus untuk menghasilkan idea-idea baharu, memfokuskan isu strategik semasa negara, mendepani cabaran dan mengadaptasi Transformasi Digital menerusi Revolusi Industri 4.0.

Objektif inovasi dengan kolaborasi industri mengupayakan kebolehan teknikal UMP dan Industri.

Ini dilaksanakan bukan hanya dengan memindahkan pengetahuan dan kebolehan teknikal yang terdapat di UMP kepada industri malah melibatkan pemindahan pengetahuan dan kebolehan teknikal dari industri kepada UMP. Semua ini akan membina ekonomi berasaskan ilmu (*knowledge-based economy*) yang mana ilmu pengetahuan digunakan untuk mencipta barangan dan perkhidmatan. Untuk jangka masa yang panjang akan melahirkan sebuah masyarakat berilmu (*knowledge society*) iaitu masyarakat yang menjana dan berkongsi ilmu pengetahuan bagi menambah baik kehidupan manusia. Dalam konteks Pelan Strategik UMP 2021-2025, penawaran latihan teknikal, pelaksanaan projek kerjasama menaik taraf kebolehan teknikal dan pembangunan produk yang menggunakan kepakaran teknikal UMP dan industri akan dilaksanakan. Ini dengan sendirinya akan meningkatkan kesalingan di antara UMP dengan industri.

Latihan Teknikal Bersama Industri

Teras pertama adalah menyediakan latihan kepada industri dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang dimiliki oleh UMP. Sebaliknya, kepakaran industri juga akan dikongsi dengan warga UMP. Petunjuk prestasi utama adalah:

- 1 Pekerja industri atau agensi yang mengikuti latihan teknikal oleh staf akademik UMP; dan
- 2 Staf akademik atau pelajar UMP yang mengikuti latihan teknikal kendalian industri.

Kerjasama Naik Taraf Keupayaan Teknikal Industri

Selain dari latihan teknikal, bagi tujuan mencapai kemampunan kerjasama di antara UMP dan industri, kerjasama dengan industri juga akan dibina bagi meningkatkan keupayaan teknikal industri dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang dimiliki oleh ahli akademik UMP. Peningkatan keupayaan teknikal itu dapat dilihat apabila industri telah menukar dari penggunaan teknologi sedia ada kepada teknologi yang dipindahkan dari kepakaran UMP dan mendapat manfaat dari pemindahan tersebut. Ini dicapai dengan menggerakkan dua petunjuk prestasi utama seperti berikut:

- 1 Projek menaik taraf keupayaan teknologi komuniti oleh UMP (*Made in UMP*); dan
- 2 Staf akademik yang memiliki geran padanan UMP-Industri.

Inovasi Industri



Buku *Innovation@UMP 2nd Edition*

Melalui penjenamaan semula Pusat Kecemerlangan atau *Centre of Excellence (CoE)*, tumpuan CoE adalah dipusatkan kepada penerajuan aktiviti penyelidikan yang lebih berfokus kepada bidang tujuhan masing-masing. Menerusi bidang tujuhan yang telah ditetapkan ini, khidmat latihan, perundingan, penerbitan mahupun pembangunan pelajar adalah berfokus kepada bidang tujuhan tersebut. Buku ini lebih memberi penumpuan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan, perundingan dan kolaborasi industri yang telah dan sedang dijalankan yang menyumbang kepada penjana pendapatan CoE masing-masing. Penerokaan secara mendalam mengikut bidang tujuhan masing-masing jelas meningkatkan pendapatan dan juga mampu membuka mata bagi memperlihatkan kekuatan kepada penubuhan CoE berkaitan. Kolaborasi industri dalam dan

luar negara juga adalah antara penyumbang utama kepada kelestarian ekosistem hubungan yang erat di antara felo penyelidik dengan pengarah sendiri.

Bas Swapandu SCAV untuk Warga Kampus



Kunjungan hormat Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman, ke Makmal SCAV untuk melihat Bas Swapandu atau *Autonomous Bus* SCAV pada 9 Disember 2021, UMP Pekan

Projek ini diketuai oleh Dekan Inovasi Industri UMP, Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah dengan kerjasama penyelidik daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Fakulti Komputeran (FK) dan Kolej Kejuruteraan (KKEJ) sedang membangunkan sebuah bas pintar yang mempunyai sistem komputer untuk bergerak dengan sendiri tanpa pemandu (swapandu). Dengan memiliki pelbagai kepakaran dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi, penyelidik UMP membangunkan bas yang dinamakan *Smart Campus Autonomous Vehicle (SCAV)*. Ia dilengkapi dengan pelbagai sensor dan komputer berteknologi pintar untuk bergerak dari satu destinasi kepada destinasi dengan sendirinya melalui kawalan sistem komputer yang dilengkapi dengan info trafik dan lalu lintas di dalam kampus. Sebagai menyokong hasrat itu, pihak universiti juga telah menubuhkan Makmal *Autonomous Vehicle* di bawah Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC) yang membolehkan kerja-kerja binaan dan pembangunan dilaksanakan.



Sesi Ramah Mesra Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bersama Pusat Kecemerlangan (CoE) UMP

Jadual 89: Program Berkaitan Inisiatif dan Program Inovasi Industri Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Majlis Penyampaian Anugerah MTSFB's Industry Promotion and Development Grant (IPDG) 2020	1 Mac 2021	Dalam Talian
2.	Bengkel Pelaporan <i>Success Stories</i> Pusat Kecemerlangan (CoE) UMP	23 Mac 2021	Hotel Zenith, Kuantan

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
3.	Bengkel Pembangunan Proposal Geran Pembangunan Produk (PDU)	19 Mac 2021	Dewan Tun Fatimah, UMP Kampus Gambang
4.	Majlis Penyerahan Letter of Appointment (LOA) dan Pembukaan Program Latihan Kemahiran Industri - ECRL (ECRL-MRL-CCCCM)	5 April 2021	Hotel Mangala, Gambang
5.	Slot Perkongsian Mengenai Geran Baharu iaitu Geran Pembangunan Produk dan Geran <i>Made in UMP</i> oleh Dekan Inovasi Industri, Profesor Madya Dr. Abdul Adam Abdullah	12 Ogos 2021	Dalam Talian
6.	Majlis Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMP dengan Institut Sukan Negara (ISN)	15 September 2021	Institut Sukan Negara, Kuala Lumpur
7.	UMP menerima kunjungan dari UMW Corporation Sdn. Bhd. bersama dua anak syarikat iaitu UMW Innovation and R&D Centre Sdn. Bhd. (UIRDC) dan Lubetech Sdn. Bhd.	4 Oktober 2021	UMP Kampus Gambang
8.	Sesi Ramah Mesra Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bersama Pusat Kecemerlangan (CoE) UMP	22 November 2021	Hotel Hyatt, Kuantan

Geran Pembangunan Produk

Geran Pembangunan Produk atau PDU *Grant* adalah geran yang diwujudkan untuk menghasilkan prototaip atau produk yang mampu berfungsi dengan menggabungkan jalin kepakaran penyelidik dalaman dan komponen sedia ada di pasaran. Prototaip atau produk yang dihasilkan mestilah memenuhi kehendak komuniti, pasaran dan mampu menyelesaikan masalah sejagat. Berikut adalah senarai geran PDU yang telah diluluskan. Geran ini adalah antara inisiatif yang dirancang dalam mencapai Pelan Strategik di bawah Teras 2B iaitu Kerjasama Naik Taraf Keupayaan Teknikal Industri.

Jadual 90: Senarai Geran Pembangunan Produk Tahun 2021

BIL.	PENYELIDIK	FAKULTI	TAJUK PENYELIDIKAN
1.	Profesor Madya Ir. Dr Addie Irawan Hashim	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	<i>Prototype Development of Ground Mobile Assistive System with Adaptive Suspension Mechanism for Uneven Terrain and Confined Area</i>
2.	Profesor Ir. Dr Ahmad Razlan Yusoff	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)	<i>Development of a Drilling Tool for Thermal Bone Necrosis Reduction</i>
3.	Ts. Dr. Ahmad Shahrizan Abdul Ghani	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	<i>Automatic Fishcake Slicer Machine with Vision-Based System for Defect Monitoring</i>
4.	Ts. Aidil Shafiza Safiee	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of Smart Safety Protection System for Conventional Drilling Machines</i>
5.	Profesor Madya Dr. Azrina Abd Aziz	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	<i>Economical Scale-Up Anodization Device of Tio₂ Nanotube Photocatalyst</i>

BIL.	PENYELIDIK	FAKULTI	TAJUK PENYELIDIKAN
6.	Profesor Madya Dr. Fatmawati Adam	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKPP)	<i>Development of Aromatherapy and Scented Gel Product from Local Seaweed</i>
7.	Kapten Ts. Hazami Che Hussain	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of Smart Autonomous Lawn Mower by Using Ardupilot</i>
8.	Ts. Joharizal Johari		<i>Development of the Automatic Pineapple Peeler and Slicer Machine</i>
9.	Ts. Khairil Anuar Abdul Hamid		<i>Universiti Malaysia Pahang Rimba Lestari Smart Irrigation System</i>
10.	Profesor Madya Ts. Dr. Khairunisa Muthusamy	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	<i>Development of Precast Lightweight Concrete Fencing Wall Panel Containing Industrial Waste</i>
11.	Ts. Kirahman Ab. Razak	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of Smart Vending Machine for Beverages Supply</i>
12.	Prof Madya Ir. Ts. Dr. Mahendran Samykano	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)	<i>Development of Semi Precision Low-Cost 3d Printer</i>
13.	Ts. Dr. Mazlan Abu Seman		<i>Development of Blast Load Device to Measure the Pressure for Flexible Pavement</i>
14.	Encik Mohamad Azlan Mat Hussin	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of a Real Time Remote Laboratory for Electronics Courses</i>
15.	Ts. Mohd Faizal Ali Akhbar		<i>Development of a New Surgical Drill Bit for Thermal Osteonecrosis Prevention in Bone Drilling Surgery</i>
16.	Profesor Madya Ir. Dr Mohd Hafizi Zohari	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	<i>Development of Fibre Bragg Grating Gap Sensor for Real Time Monitoring of Bolted Flange Connection</i>
17.	Dr. Mohd Jamil Mohamed Mokhtarudin	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)	<i>Development of a Flexible Inlet-Outlet-Length Test Rig for Biofluid Flow Particle Image Velocimetry (PIV) Experiment</i>
18.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Mat Rejab	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)	<i>Virtual Exhibition Space for Mining Historical Objects</i>
19.	Dr. Mohd Shaiful Zaidi Mat Desa	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKPP)	<i>Development of Improved Durability and Low Cost Solid Ankle-Cushion Heel (Sach) Prosthetic Foot</i>
20.	Ts. Muhammad Adib Shaharun	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of Automatic 'Tekong' Launcher System</i>

BIL.	PENYELIDIK	FAKULTI	TAJUK PENYELIDIKAN
21.	Ts. Dr. Muhammad Azzat Zakaria	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)	<i>Drebar: An Automation Embedded System Module</i>
22.	Dr. Nadzirah Mohd Mokhtar	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)	<i>Development of Compact Membrane Distillation with IoT Monitoring System</i>
23.	Ts. Nazriyah Haji Che Zan@Che Zain	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Optimized Design Agricultural Drone for Small Scale Farmers</i>
24.	Ts. Nidzamuddeen Ishak		<i>Integrated Energy Management Solution for Electrical Equipment in Classroom</i>
25.	Profesor Madya Ts. Dr. Normaniha Abd Ghani	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)	<i>Remotely Health Monitoring and Rehabilitation Based-Ai Scheduling System for COVID-19 Patient and Elderly</i>
26.	Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putra Jaya		<i>Development of Porous Concrete Drainage Cover Slab from Waste Material</i>
27.	Profesor Madya Ts. Dr. Saidatul Shima Jamari	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses	<i>Fabrication and Validation of Portable Atmospheric Distillation for Waste Engine Oil Recovery</i>
28.	Ts. Wan Hassan Wan Hamat	Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT)	<i>Development of E-Monitoring System for Smart Farming</i>
29.	Dr. Daing Mohamad Nafiz Daing Idris		<i>Universal Flange and Electric Start System for Aftersale 2-Stroke Engine</i>

Geran Industri

Bagi perolehan dana daripada industri, UMP telah menerima dana sebanyak RM1.5 juta daripada industri dan syarikat swasta dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 77 peratus berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM360 ribu. Peningkatan yang tinggi ini menunjukkan kepercayaan pihak industri dan swasta kepada universiti dalam menaruh keyakinan untuk berkolaborasi. Hasrat UMP untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan tumpuan di pantai Timur diharap dapat dicapai dengan peningkatan ini.

Jadual 91: Senarai Geran Industri Tahun 2021

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
1.	Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour	<i>A Hybrid of An Integrated Ultrasonic Membrane Anaerobic System (IUMAS) In Treating Wastewater and Methane Production</i>	Eastern Unity Technology Sdn. Bhd.	RM500,000.00
2.	Profesor Dr. Abdurahman Hamid Nour	<i>A Novel Demulsified, Nd-20-02 Assisted Microwave Technology for Separation of Crude Oil Emulsions</i>	Eastern Unity Technology Sdn. Bhd.	RM500,000.00
3.	Dr. Ahmad Najmuddin Ibrahim	<i>Development Of Autonomous Mobile Robot for Optimum HVAC Duct Cleaning</i>	Airestec Sdn. Bhd.	RM10,000.00

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
3.	Dr. Ahmad Najmuddin Ibrahim	<i>Development of Autonomous Mobile Robot for Optimum HVAC Duct Cleaning</i>	Airestec Sdn. Bhd.	RM10,000.00
4.	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila Ramli	<i>Artificial Cultivation of <i>Ophiocordyceps Sinensis</i> and Optimisation for Bioactive Compounds Production</i>	DMI Biotech Sdn. Bhd.	RM55,000.00
5.	Dr. Fatmawati Latada	Pembangunan Module Pengurusan Emosi Sedih dan Marah untuk Melahirkan Remaja Berkonsep-Kendiri Positif dan Mempunyai Kecerdasan Emosi yang Tinggi	Perunding Tamadun Teras Sdn. Bhd.	RM10,000.00
6.	Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad	Kajian Terhadap YP Plantation Holdings Sebagai Syarikat Pilihan Utama Pekerja di Sektor Perladangan dan Pertanian di Pahang	YP Plantations	RM16,500.00
7.	Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad	Kajian Semula Had Al-Kifayah Negeri Pahang 2021	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	RM38,000.00
8.	Profesor Madya Dr. Mohd Fakhurrazi Ishak	Permodelan Subpermukaan bagi Menentukan Kehadiran Kaviti dan Keadaan Badan Batuan untuk Pembinaan Infrastruktur	Zen Consult	RM10,000.00
9.	Ir. Dr. Mohd Sabri Mahmud	<i>Development Ph Sensor for Underground Pipeline</i>	Pacific Centric Sdn. Bhd.	RM10,000.00
10.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Mohd Yunus	<i>Extraction of Erbium and Ruthenium from Tail Mining Using Solvent Extraction</i>	MYAH Mines Sdn. Bhd.	RM10,000.00
11.	Dr. Mohd Zaidi Sidek	<i>Implementation of A Solar-Powered Crop Protection Techniques for Rice Farmer in Pekan</i>	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) Pekan	RM12,000.00
12.	Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri Ibrahim	<i>Vision Based Intelligent Traffic Monitoring System</i>	Cyberview Sdn. Bhd.	RM200,000.00
13.	Ts. Dr. Muhammad Hafiz Mazwir	<i>Formulation of Epoxy with Low Coefficient of Thermal Expansion for Application as Potting Glue for Inductors</i>	TT Electronics (BI Technologies) Corporation Sdn. Bhd.	RM30,000.00
14.	Dr. Rasidi Roslan	<i>Production of 500g Nanocellulose</i>	Nanomalaysia Berhad	RM20,000.00
15.	Dr. Rodziah Nazlan	<i>Materials Formulation and Processing Design for Magnetic Ferrites Cores</i>	TT Electronics (BI Technologies) Corporation Sdn. Bhd.	RM54,000.00

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
16.	Ts. Dr. Roshahliza M Ramli	<i>Iot-Powered Solar Irrigation System for Oil-Palm Prenursery</i>	Yayasan Pahang Plantation Holdings Sdn. Bhd.	RM66,000.00
17.	Dr. Suhaidah Hussain	<i>Research on Level of Ethics and Integrity for UMP Holdings</i>	UMP Holdings Sdn. Bhd.	RM12,500.00
18.	Profesor Madya Ts. Dr. Syarifah Abd Rahim	<i>Study of Copperas Solubility</i>	Venator Asia Sdn. Bhd.	RM13,750.00
19.	Datuk Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim@Wan Husain	Kajian dan Penulisan Buku, Seni Silat Gayong Falsafah dan Perjuangan	Abad Sinergi Sdn. Bhd.	RM10,000.00

Geran Antarabangsa

Peningkatan kepercayaan daripada pihak antarabangsa kepada teknologi dan kepakaran ahli pakar melalui kolaborasi geran antarabangsa amat meyakinkan. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan geran antarabangsa yang diterima pada tahun 2021 yang berjumlah RM2.3 juta berbanding RM960 ribu pada tahun 2020. Peratus peningkatan adalah 58 peratus dan jumlah ini dijangka meningkat pada tahun 2022 sekiranya situasi pandemik dapat pulih iaitu penyelidik dapat berjumpa terus bersama rakan kolaborasi di luar negara.

Jadual 92: Senarai Pencapaian Penyelidik Bagi Dana yang Diterima pada Peringkat Antarabangsa Tahun 2021

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
1.	Profesor Dr. Jayarama Reddy Venugopal	<i>Evaluation of Human Wharton's Jelly Stem Cells (HWJSCS) in the Management of Alzheimer's Disease</i>	King Abdul Aziz University, Arab Saudi	RM45,472.85
2.	Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Mahendran Samykano	<i>Intrinsic Behavior of Coconut Wood-Pla Composite Filament for Additive Manufacturing</i>	JSPM'S Rajarshi Shahu College of Engineering	RM15,000.00
3.	Profesor Ir. Dr Mohd Faizal Jamlos	<i>Iot Test and Measurement System for Precision Farming and Environmental Monitoring with Predictive Analytics Using Lorawan Communication</i>	Filpal (S) Pte. Ltd.	RM400,000.00
4.	Profesor Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim	<i>Bio-Based Vitrimers: Synthesis and Functionalization for Electrical and Optical Applications</i>	Marie Sklodowska-Curie Action: Research and Innovation Staff Exchange (Rise)	RM845,805.31
5.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Mat Rejab	<i>Virtual Exhibition Space for Technical Historical Objects</i>	Karlsruhe University of Applied Sciences (HKA)	RM200,947.04
6.	Dr. Noormazlinah Ahmad	<i>Hydroponics and Aquaponics with AIOT in Qatar (Haia)</i>	Qatar National Research Fund	RM585,022.94

BIL.	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
7.	Dr. Norhidayah Abdull	<i>Building Capacity of an Effective Management of Occupational Health Hazards in Plantation Industry</i>	American Industrial Hygiene Association	RM14,473.03
8.	Profesor Madya Ir. Dr Nurul Hazlina Noordin	<i>MYSTEM Project: Stay Curious</i>	Motorola Solutions Foundation	RM124,286.85
9.	Profesor Madya Ir. Dr Nurul Hazlina Noordin	<i>Celik Digital@UMP STEM Lab: Digital Competencies for Information Literacy</i>	The United Nations, Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)	RM41,458.00
10.	Profesor Madya Dr. Yudi Fernando	<i>Identification of Entrepreneurship Learning in Technology Based Business Incubators</i>	The Bandung Institute of Technology	RM5,000.00

Geran Padanan

Geran Padanan UMP adalah geran yang diwujudkan untuk penyelidik yang berjaya memperoleh dana penyelidikan daripada pihak antarabangsa, industri dan agensi untuk menjalankan projek penyelidikan yang menyumbang kepada penemuan idea baharu dan pemindahan ilmu serta memberi tumpuan kepada penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi. Geran ini dapat menggalakkan kerjasama kolaborasi penyelidikan dan penglibatan UMP bersama pihak luar dalam projek penyelidikan universiti yang seterusnya akan memberikan impak kepada semua pihak.

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi bersama-sama industri akan menyumbang dalam projek penyelidikan iaitu sumber kewangannya adalah gabungan dana daripada universiti dan dana daripada pihak industri. Gabungan dana ini bersifat padanan dan melalui inisiatif ini, diharapkan dapat menggalakkan hubungan rapat dan perkongsian kerjasama serta risiko di sebalik kejayaan sesebuah projek penyelidikan.

Para penyelidik bersama rakan industri akan terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan sasaran dan objektif projek tersebut dapat dicapai dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Bagi setiap projek penyelidikan melalui inisiatif geran padanan ini, satu projek akan mencapai beberapa KPI seperti KPI geran industri, memorandum perjanjian (MoA), pelajar dan penerbitan bersama industri.

Jadual 93: Senarai Geran Padanan Pada Tahun 2021

BIL.	NAMA	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
1.	Profesor Madya Dr. Aizi Nor Mazila Ramli	<i>Artificial Cultivation of <i>Ophiocordyceps Sinensis</i> and Optimisation for Bioactive Compounds Production</i>	Dmi Biotech Sdn. Bhd.	RM50,000.00
2.	Profesor Ir. Dr Mohd Faizal Jamlos	<i>IoT Test and Measurement System for Precision Farming and Environmental Monitoring with Predictive Analytics Using LoRawan Communication</i>	Filpal (S) Pte. Ltd.	RM400,000.00
3.	Ts. Dr. Roshahliza M Ramli	<i>IoT-Powered Solar Irrigation System for Oil-Palm Prenursery</i>	Yayasan Pahang Plantation Holdings Sdn. Bhd.	RM66,000.00

BIL.	NAMA	TAJUK PENYELIDIKAN	INDUSTRI	JUMLAH DANA
4.	Dr. Ahmad Najmuddin Ibrahim	<i>Development of Autonomous Mobile Robot for Optimum HVAC Duct Cleaning</i>	Airestec Sdn. Bhd.	RM10,000.00
5.	Dr. Fatmawati Latada	Pembangunan Module Pengurusan Emosi Sedih dan Marah untuk Melahirkan Remaja Berkonsep-Kendiri Positif dan Mempunyai Kecerdasan Emosi yang Tinggi	Perunding Tamadun Teras Sdn. Bhd.	RM10,000.00
6.	Ir. Dr. Mohd Sabri Mahmud	<i>Development Ph Sensor for Underground Pipeline</i>	Pacific Centric Sdn. Bhd.	RM10,000.00
7.	Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Mohd Yunus	<i>Extraction of Erbium and Ruthenium from Tail Mining Using Solvent Extraction</i>	Myah Mines Sdn. Bhd.	RM10,000.00
8.	Ts. Dr. Muhammad Hafiz Mazwir	<i>Formulation of Epoxy with Low Coefficient of Thermal Expansion for Application as Potting Glue for Inductors</i>	Tt Electronics (Bi Technologies) Corporation Sdn. Bhd.	RM30,000.00
9.	Dr. Rodziah Nazlan	<i>Materials Formulation and Processing Design for Magnetic Ferrites Cores</i>	Tt Electronics (Bi Technologies) Corporation Sdn. Bhd.	RM54,000.00
10.	Profesor Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim	<i>Bio-Based Vitrimers: Synthesis and Functionalization for Electrical and Optical Applications</i>	Marie Sklodowska-Curie Action: Research and Innovation Staff Exchange (Rise)	RM101,500.00
11.	Profesor Madya Dr. Yudi Fernando	<i>Identification of Entrepreneurship Learning in Technology Based Business Incubators</i>	The Bandung Institute of Technology	RM5,000.00

Pengkomersialan Produk dan Perkhidmatan Teknikal

Pengkomersialan produk merujuk kepada aktiviti kejuruteraan dan teknologi yang akhirnya menghasilkan produk berasaskan teknologi yang boleh diterima dalam pasaran terbuka. Pembangunan perkhidmatan pula merujuk kepada perkhidmatan perundingan yang memerlukan kepakaran berasaskan kejuruteraan dan teknologi yang boleh diterima dalam pasaran terbuka. Produk dan perkhidmatan berasaskan teknikal, produk dan perkhidmatan pengurusan dan sains sosial juga diambil kira sebagai melengkapi ekosistem perkhidmatan. Pengukuran keberhasilan teras ini dibuat melalui dua petunjuk prestasi utama.


- 1 Syarikat keusahawanan staf akademik yang membina dan memasarkan produk buatan UMP (Teknousahawan); dan
- 2 Syarikat keusahawanan staf akademik yang menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri.

Tahun 2021 menyaksikan pendekatan pengkomersialan yang lebih proaktif iaitu inisiatif pengkomersialan lebih memfokuskan kepada pemurnian dan penambahbaikan polisi. Ia bagi mewujudkan satu panduan yang lebih terperinci untuk dijadikan rujukan, pembangunan garis panduan serta tadbir urus geran yang lebih komprehensif, pengurusan harta intelek yang lebih efisien, penyediaan ekosistem pengkomersialan yang lebih menyeluruh bagi

menyokong aktiviti pengkomersialan di UMP, serta pembangunan bakat dalam kalangan pensyarah dan staf UMP di dalam bidang pengkomersialan.

Inisiatif-inisiatif ini dibangunkan bagi mempergiatkan aktiviti pengkomersialan di UMP sejajar dengan hasrat UMP untuk mengkomersialkan teknologi, produk dan kepakaran perkhidmatan melalui penemuan kajian baharu serta penyelidikan yang berimpak tinggi yang dapat memenuhi keperluan pasaran dan kehendak industri sekali gus dapat dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

Pencapaian Pengkomersialan



Secara keseluruhannya, pencapaian pengkomersialan UMP bagi tahun 2021 diukur melalui empat petunjuk prestasi utama.

- 1 Penubuhan syarikat keusahawanan staf akademik
- 2 Bilangan Harta Intelek yang dikomersialkan
- 3 Produk yang dikomersialkan
- 4 Penjana pendapatan daripada hasil Perundingan dan Khidmat Teknikal

Penubuhan Syarikat Keusahawanan Staf Akademik

Pejabat Pengkomersialan menyasarkan lebih banyak pengkomersialan produk dan perkhidmatan teknikal melalui penubuhan syarikat keusahawanan staf akademik yang membina dan memasarkan produk buatan UMP (Teknousahawan) dan menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri. Sehingga tahun 2021, sebanyak lima Syarikat Terbitan (*Spin-Off*) telah ditubuhkan melalui pengkomersialan teknologi atau produk UMP.



Adalah disasarkan sebanyak enam syarikat keusahawanan staf akademik yang membina dan memasarkan produk buatan UMP (Teknousahawan) dan menawarkan perkhidmatan kepakaran kepada industri ditubuhkan pada tahun 2022 melalui inisiatif Pelan Strategik UMP25.

Bilangan Harta Intelek yang Dikomersialkan

Bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2021, sebanyak 11 harta intelek telah dilesenkan dan dijual dengan jumlah keseluruhan pendapatan hasil daripada pelesenan dan penjualan teknologi adalah sebanyak RM1,625,000.00.

Pada tahun 2021, Pejabat Pengkomersialan telah berjaya mengkomersialkan harta intelek melalui Penjualan Terus (*Outright Sales*) dua paten kepada syarikat Eastern Unity Technology Sdn. Bhd. (EUT) melalui perjanjian penjualan teknologi yang ditandatangani pada 11 Februari 2021 melibatkan nilai jualan bagi kedua-dua paten tersebut berjumlah RM1,300,000.00. Sasaran Harta Intelek yang dikomersialkan adalah sebanyak dua teknologi dijual/dilesenkan pada tahun 2022. Jumlah kumulatif harta intelek untuk dikomersialkan adalah sebanyak sepuluh menjelang 2025.

Produk yang Dikomersialkan

Sehingga tahun 2021, sebanyak 34 produk penyelidikan UMP telah berjaya dikomersialkan dengan jumlah jualan kasar terkumpul iaitu RM7,079,965.62 telah direkodkan. Jumlah ini meningkat daripada 31 produk yang dikomersialkan pada tahun 2020 dengan jumlah jualan kasar terkumpul yang dicatatkan pada tahun tersebut adalah RM6,767,220.99.

Jadual 94: Projek-projek yang Telah Mencatatkan Rekod Pengkomersialan Sehingga Tahun 2021

BIL.	PRODUK	JUALAN TERKUMPUL
1.	<i>Recycling of Base Oil from Spent Lubricant</i>	RM1,980,955.03
2.	<i>Pisoptera</i>	RM1,862,854.70
3.	<i>Pestkilla</i>	RM884,990.22
4.	<i>Mandarin For All 2</i>	RM241,548.75
5.	<i>Mandarin For All 1</i>	RM204,618.45
6.	<i>DiaClean</i>	RM199,894.00
7.	<i>Emulsifier</i>	RM196,281.60
8.	<i>Rediac</i>	RM184,800.00
9.	<i>G-Bricks</i>	RM181,221.40
10.	<i>Oudino</i>	RM145,832.40
11.	<i>Asarfonts</i>	RM134,865.00
12.	<i>Inulin</i>	RM130,950.00
13.	<i>Dr. Fur</i>	RM124,000.00
14.	<i>E-Anfun Sensor</i>	RM112,666.20
15.	<i>Stem Bot</i>	RM74,000.00
16.	<i>Germs Free 2.0</i>	RM59,878.00
17.	<i>Wrehab Device</i>	RM59,620.00
18.	Ekstrak Misai Kucing	RM40,404.96
19.	<i>Home Detergent</i>	RM33,237.28
20.	<i>Kinora: Natural Lip Balm</i>	RM32,964.00
21.	<i>Iszuani Hongo</i>	RM31,369.60
22.	<i>Inazuma Jap 1</i>	RM26,853.00
23.	<i>Gris</i>	RM26,574.50
24.	<i>Biofeedback</i>	RM20,177.28
25.	<i>Sleekpump</i>	RM18,000.00
26.	<i>Pre-Pecto</i>	RM17,495.00
27.	<i>Natural Antibacterial Hand Sanitizing Gel</i>	RM15,796.00
28.	<i>Bio Root Tongkat Ali Capsule</i>	RM8,216.00
29.	<i>Organic Fertilizer</i>	RM7,895.00
30.	<i>Nina Square Root</i>	RM5,086.00
31.	<i>Iszuani Hongo 1</i>	RM5,070.00
32.	<i>Electronic Wheelchair</i>	RM3,575.00
33.	<i>Agrisoft</i>	RM3,510.00
34.	<i>Kacip-Fatimah Based Supplements</i>	RM2,795.00
35.	<i>Merkit</i>	RM1,981.00

UMP juga berjaya mengkomersialkan sebanyak empat produk baharu pada tahun 2021 iaitu *Biofeedback*, *Pre-Pecto*, *Bio Root* Tongkat Ali *Capsule* dan *Iszuani Hongo* 1 dan menjana pendapatan sebanyak RM50,958.28.

Gambar Rajah 49: Produk Baharu Tahun 2021

<p style="text-align: center;">ALAT BIOFEEDBACK (RM20,177.28)</p> <p>Produk <i>Biofeedback</i> ini merupakan teknologi yang menggunakan kaedah pengesanan hati. Alat <i>Biofeedback</i> ini akan dikepilkan di cuping telinga pelajar dan disambungkan dengan perisian biofeedback untuk melihat tindak balas pada skrin komputer.</p>	<p style="text-align: center;">PRODUK PREPECTO (RM17,495.00)</p> <p><i>Prepecto</i>-baja cecair formulasi khas terbaik bersama prebiotic (nutrisi khas microbe baik pada tanaman dan ekosistem tanah). Menambah baik kandungan nilai nutrisi sekali gus meningkatkan penyerapan nutrisi-nutrisi penting oleh keseluruhan bahagian tanaman.</p>
<p style="text-align: center;">ISZUANI HONGO 1 (RM5,070.00)</p> <p><i>Iszuani Hongo</i> ialah perisian bahasa Jepun interaktif yang terbukti dapat meminimumkan tahap halangan dan kebimbangan pelajar semasa ujian lisan Jepun dengan menggunakan pendekatan teknologi <i>biofeedback</i> sebagai pengukur.</p>	<p style="text-align: center;">PRODUK BIO ROOT TONGKAT ALI CAPSULE (RM8,216.00)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk <i>Bio Root</i> Tongkat Ali mengandungi akar Tongkat Ali liar dan terbaik yang diperolehi oleh orang asli Malaysia. Secara tradisinya, Tongkat Ali dipercayai sebagai tumbuhan afrodisiak dengan kajian saintifik dan bahkan sehingga ujian klinikal membuktikannya untuk meningkatkan tenaga dan stamina, meningkatkan tahap testosteron, mengatasi keletihan, melancarkan peredaran darah, meningkatkan jisim otot, dan memulihkan libido seksual. • Produk <i>Bio Root</i> Tongkat Ali adalah produk berdaftar KKM (MAL KKM: 18096082TC) yang dijual secara meluas sebagai produk herba selepas R&D&C dilakukan di Makmal UMP.

Penjana Pendapatan Daripada Hasil Perundingan dan Khidmat Teknikal

Aktiviti Perundingan dan Khidmat Teknikal merupakan salah satu bentuk khidmat profesional terpenting yang menggunakan kepakaran dan hasil penyelidikan staf UMP terutamanya staf akademik. Kerja-kerja Perundingan dan Khidmat Teknikal yang dijalankan juga bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme, membantu pembangunan negara dan memberikan pulangan kewangan kepada UMP. Ia berkait rapat dan bertepatan dengan objektif utama penubuhan UMP. Unit Perundingan dan Khidmat Teknikal atau Consultancy and Technical Service Unit (CTS) telah ditubuhkan di bawah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi bagi membantu UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) untuk mengendalikan projek-projek Perundingan dan Khidmat Teknikal yang dijalankan oleh Perunding UMP. Setiap staf perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari universiti untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam mana-mana Projek Perundingan dan Khidmat Teknikal. Semua Kerja Perundingan dan Khidmat Teknikal diwajibkan melalui CTS. CTS akan bertindak sebagai penyelaras bagi kerja-kerja luar UMP bagi pihak staf untuk mendapatkan kebenaran.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia telah memberi tamparan hebat khususnya kepada ekonomi dan pasaran buruh. Namun begitu, kerja perundingan dan khidmat teknikal di UMP masih lagi aktif dijalankan serta mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Bagi kerja perundingan, sebanyak 159 projek didaftarkan dan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1,527,405.06. Berbanding dengan khidmat teknikal pula, 152 projek telah didaftarkan melalui CTS dan nilai keseluruhan projek adalah RM109,040.74.

Gambar Rajah 50: Penjaan Pendapatan daripada Hasil Perundingan dan Khidmat Teknikal

Hasil Perundingan	159	RM1,527,405.06
Khidmat Teknikal	152	RM109,040.74



Dana Berkaitan Pengkomersialan di bawah Seliaan Pejabat Pengkomersialan



Penawaran geran kepada penyelidik merupakan salah satu inisiatif universiti dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan, inovasi serta pengkomersialan dalam sesebuah institusi. Bagi Pejabat Pengkomersialan, tiga geran utama yang telah diberi peruntukan dalam membantu dalam mengetengahkan hasil penyelidikan universiti kepada pengkomersialan.


- 1 Geran Prapengkomersialan
- 2 Geran UMP Lab2Market
- 3 Geran UMP *Community Technology Solution Platform*

Setiap penawaran geran mempunyai impak yang tersendiri yang membantu dalam meningkatkan hasil penyelidikan universiti ke arah pengkomersialan. Bagi Geran UMP Lab2Market, sebanyak tiga geran telah ditawarkan kepada penyelidik dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM340,773.79. Objektif utama penawaran geran ini adalah menggalakkan penyelidik UMP untuk menjalankan kerjasama bermanfaat dan melibatkan industri secara terus dalam konteks pemindahan teknologi. Di samping itu, dapat membina serta memperkukuh hubungan dan kepercayaan dua hala di antara UMP dan industri dalam mengkomersialkan teknologi UMP.

Gambar Rajah 51: Senarai bagi Geran UMP *Lab2Market*

RM91,773.79	<i>Herbal Scalp Care Shampoo</i> Dr. Rajaletchumy Veloo Kutty
RM182,000.00	<i>E-Lobster: Smart Water Quality System with Stream Data Analytics for Freshwater Lobster Commercial Farming</i> Profesor Ir. Dr. Mohd Faizal Jamlos
RM67,000.00	<i>Inspection Technique for Non-Metallic Underground Piping</i> Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Ghazali

UMP Tech: Inventor Catalogue Edisi Kedua



UMP Tech: Inventor Catalogue Edisi Kedua telah diterbitkan pada bulan Jun 2021 dan mengandungi 33 produk UMP yang dikomersialkan. Pembangunan *Inventor Catalogue* ini adalah salah satu inisiatif yang dibangunkan oleh Pejabat Pengkomersialan bertujuan untuk memperkenalkan dan memasarkan produk-produk komersial UMP kepada pihak Industri dan pembeli yang berpotensi.



Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMP Renal Care Sdn. Bhd. dengan ADK Solution Sdn. Bhd.

Jadual 95: Program Berkaitan Inisiatif dan Program Pengkomersialan Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH
1.	Sesi Kunjungan Hormat ke PahangGo Sdn. Bhd.	23 Februari 2021
2.	Majlis Penyampaian Anugerah <i>MTSFB's Industry Promotion and Development Grant (IPDG) 2020</i> (secara dalam talian)	1 Mac 2021
3.	Bengkel Pelaporan <i>Success Stories</i> Pusat Kecemerlangan (CoE) UMP	23 Mac 2021
4.	Bengkel Pengurusan Bajet dan Operasi Pejabat Pengkomersialan	24 Mac 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH
5.	Lawatan ke Syarikat Peat Organik Sdn. Bhd. bagi pengkomersialan produk Pre-Pecto & MSD Innovation Sdn. Bhd.	30 Mac 2021
6.	Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMP Renal Care Sdn. Bhd. dengan ADK Solution Sdn. Bhd	12 April 2021
7.	Bengkel <i>For Non-Finance Inventors</i>	6 April 2021
8.	Sesi Kunjungan Hormat ke Technology Depository Agency (TDA)	26 April 2021
9.	Bengkel <i>Cash Flow</i>	27 April 2021
10.	<i>2021 Kafilah Trip UMP to Kingdom Saudi of Arabia</i>	24 Mei 2021
11.	Pameran Pemenang SUPERB-Teraju	23 Oktober 2021
12.	Lawatan ke Kilang Fung Yuan Biotech Sdn. Bhd. dan Kilang Enulintech	15 Disember 2021

Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Non-Disclosure Agreement (NDA)

Beberapa perjanjian telah ditandatangani oleh UMP pada tahun 2021 untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pengkomersialan di antara industri dengan institusi tempatan dan luar negara.

Jadual 96: Perincian Industri Terlibat dalam Memorandum Persefahaman (MoU) dengan UMP

BIL.	INDUSTRI ATAU INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG TERLIBAT
1.	Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)


Jadual 97: Perincian Industri Terlibat dalam Memorandum Perjanjian (MoA) dengan UMP

BIL.	INDUSTRI ATAU INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG TERLIBAT
1.	Eastern Unity Technology Sdn. Bhd.	Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
2.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP)	
3.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS)	
4.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	
5.	Malaysia Technical Standards Forum Bhd.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKKEE)
6.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	
7.	YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.	Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
8.	Malaysia Torey Science Foundation	
9.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
10.	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	
11.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM)
12.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
13.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP)

BIL.	INDUSTRI ATAU INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG TERLIBAT
14.	Abad Sinergi Sdn. Bhd.	Fakulti Pengurusan Industri (FPI)
15.	Lembaga Koko Malaysia	Pusat Penyelidikan Bioaromatik
16.	Pakar Scieno TW Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi

Jadual 98: Perincian Industri Terlibat dalam *Non-Disclosure Agreement (NDA)* dengan UMP

BIL.	INDUSTRI ATAU INSTITUSI YANG TERLIBAT	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) YANG TERLIBAT
1.	Peat Organic Sdn. Bhd.	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi



Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi

Penerokaan teknologi berimpak tinggi merujuk kepada inisiatif penyelidikan yang membawa perubahan positif kepada komuniti. Ini dilakukan dengan menghasilkan ilmu pengetahuan baharu dan teknologi baharu (*cutting-edge knowledge and technology*). Dengan terhasilnya ilmu dan teknologi baharu, pasaran baharu berpotensi diwujudkan yang berupaya mentransformasi kelaziman global bagi pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

Menjana ilmu dan teknologi termaju melalui inisiatif penyelidikan

3A - Penjana Pengetahuan Baharu

3B - Penjana Teknologi Baharu

Penerokaan Teknologi Berimpak Tinggi



Penerokaan teknologi berimpak tinggi pula merujuk kepada inisiatif penyelidikan yang membawa perubahan positif kepada komuniti. Ini dilakukan dengan menghasilkan ilmu pengetahuan dan teknologi baharu (*cutting-edge knowledge and technology*). Dengan terhasilnya ilmu dan teknologi baharu, pasaran baharu berpotensi diwujudkan yang berupaya mentransformasi kelaziman global bagi pelaksanaan sesuatu pekerjaan.

Penyelidikan yang memberi impak juga diukur melalui penjaan teknologi baharu. Dalam aspek ini, penjaan teknologi baharu dapat dilihat melalui bilangan harta intelek yang berjaya dilesen dan diaplikasikan dan memberi manfaat kepada komuniti. Selain itu, teknologi baharu juga memberi tumpuan terhadap kemampuan UMP untuk menghasilkan teknologi yang pertama di dunia dan mampu memberi impak positif kepada masyarakat.

Penjaan Pengetahuan Baharu

Teras pertama yang ditetapkan ialah inisiatif penyelidikan yang mampu menjana pengetahuan baharu. Teras ini berfokus kepada aktiviti penerbitan ilmiah hasil daripada penyelidikan intensif staf akademik sebagai ketua penyelidik bersama pelajar pascasiswazah yang berbakat.

- 1 Penerbitan ilmiah dan sitasi setiap staf akademik; dan
- 2 Ketua projek geran luar penyelidikan.

Penerbitan Penyelidikan dan Sitasi

12 Penyelidik UMP Tersenarai dalam Dua Peratus Saintis Terbaik di Dunia


Seramai 12 pensyarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai antara dua peratus saintis terbaik di dunia dalam pelbagai bidang dan disiplin. Pengiktirafan ini merujuk data daripada 2021 *Elsevier Database*, Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

- **Profesor Dr. Jose Rajan**
Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI)
- **Profesor Dr. Rizalman Mamat**
Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
- **Dr. Sudhakar Kumarasamy**
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
- **Profesor Dato' Ts. Dr. Zularisam Ab. Wahid**
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- **Profesor Dr. Md. Maksudur Rahman Khan**
Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
- **Profesor Madya Dr. Wan Azmi Wan Hamzah**
Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
- **Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli**
Fakulti Komputeran (FK)
- **Profesor Madya Dr. Md. Arafatur Rahman**
Fakulti Komputeran (FK)
- **Profesor Ts. Dr. Md. Mustafizur Rahman**
Kolej Kejuruteraan
- **Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Kumaran Kadirgama**
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA)
- **Ts. Dr. Norazlianie Sazali**
Kolej Kejuruteraan (KKEJ)
- **Allahyarham Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.**

UMP Mendahului dalam Field *Weighted Citation Impact* (FWCI)

Berdasarkan sumber *Elsevier*, bagi *Field Weighted Citation Impact* (FWCI), UMP mendahului pada skor 1.16 diikuti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Ini menunjukkan bahawa artikel yang diterbitkan oleh penyelidik UMP adalah amat berkualiti dan berimpak tinggi.

Carta 14: Skor Universiti di bawah MTUN Tahun 2021



Jadual 99: Program Bertujuan Meningkatkan Penerbitan dan Sitasi UMP Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Webinar Series on Research and Publication: <i>Strategizing Research Direction During COVID-19 Pandemic</i>	27 September 2021	Dalam Talian
2.	Webinar Series on Research and Publication: <i>Writing and Publishing Review Manuscript in High Impact Journals</i>	28 September 2021	

Pencapaian Penerbitan dan Sitasi 2021

Gambar Rajah 52: Perincian Pencapaian Penerbitan dan Sitasi Tahun 2021

1.65 (1,177)	0.718 (513)	0.679 (485)	0.039 (28)	0.625 (446)	64 (45,727)
Jumlah Penerbitan Jurnal dan Prosiding Berindeks (Per Staf Akademik)	Penerbitan Bersama Berindeks Per Staf (Nasional)	Penerbitan Bersama Berindeks Per Staf (Antarabangsa)	Penerbitan Bersama Berindeks Per Staf (Industri)	Penerbitan Per Staf Dari Persidangan Tanpa Indeks dan Lain-lain Penerbitan Per Staf	Jumlah Sitasi Kumulatif Per Staf Akademik

Penyelidik Utama Geran Penyelidikan

Peratusan penyelidik utama atau *principal investigator* (PI) dikira berdasarkan peratusan staf akademik aktif yang mengetuai geran penyelidikan berbanding jumlah keseluruhan staf akademik aktif tahun semasa. Peratusan penyelidik utama untuk tahun 2021 adalah 76 peratus dan masih di atas penanda aras penarafan MyRA. Peratusan penyelidik utama geran luar pula dikira berdasarkan peratusan staf akademik aktif yang mengetuai geran penyelidikan luar berbanding jumlah keseluruhan staf akademik aktif tahun semasa. Geran luar tersebut adalah geran penyelidikan antarabangsa, geran penyelidikan industri dan geran penyelidikan nasional. Peratusan penyelidik utama geran luar

untuk tahun 2021 adalah 57 peratus iaitu melepasi sasaran Objektif Strategik 3A (2) yang menasaskan 35 peratus. UMP telah berjaya mewujudkan ekosistem penyelidikan yang mampu mendorong, menggalak dan mengasah bakat-bakat penyelidik ke arah meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidik di UMP. Ia dilihat melalui bilangan penyelidik utama geran luar meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini sejajar dengan sokongan Geran Penyelidik Universiti iaitu penyelidik UMP menjalankan penyelidikan terlebih dahulu pada peringkat universiti sendiri atau asas geran dalaman sebelum memohon dana penyelidikan yang dibiayai oleh pihak luar.

Gambar Rajah 53: Perincian Penyelidik Utama Geran Penyelidikan

- 76%** Penyelidik Utama UMP 2021
- 57%** Penyelidik Utama Geran Luar UMP 2021
- 19%** Penyelidik Utama Geran Dalam UMP



Geran Penyelidikan Aktif 2021

Geran penyelidikan aktif bagi tahun 2021 adalah berjumlah 1,685 projek dengan nilai RM83,266,887. Daripada jumlah keseluruhan ini, 24 peratus adalah dari sumber dana geran penyelidikan universiti manakala 76 peratus lagi adalah dari sumber dana geran penyelidikan luar yang terdiri dari dana kementerian, agensi, industri dan antarabangsa.

12.	<i>Professional Tuning and Development (Vehicle Performance Analysis and Remapping)</i>	19 hingga 21 November 2021	Tuner Academy Training Centre, Bercham Ipoh, Perak
13.	<i>Siemen TIA Portal Service Maintenance Level 1 dan Siemen TIA Portal PLC with IoT (TIA-MICRO1C)</i>	21 hingga 26 November 2021	Seimens Malaysia Sdn. Bhd.
14.	<i>Persijilan Train the Trainer (HRDF Certification Programme)</i>	22 hingga 26 November 2021	Pullman, Bangsar, Kuala Lumpur

Gambar Rajah 111: Fasiliti dan Kemudahan di PRInT

Teaching Factory 1: Smart Automotive Manufacturing	Teaching Factory 2: Smart Electronics Appliances	Teaching Factory 3: Smart Modular Mechatronics (Bosch Rexroth Technology)
		
<p>Shock Absorber model Pro-Ride</p> <ul style="list-style-type: none"> University Revolution Teaching Factory (URTF) - Smart Automated Line Absorber Assembly 	<p>Air Purifier</p> <ul style="list-style-type: none"> AGV Vertical storage Programmable Logic Controller (PLC) Programming (An Introductory) 	<ul style="list-style-type: none"> MMS IR4.0/Automation COBOT IoT Gateway Hydraulic



Program Latihan Kemahiran Industri East Coast Rail Link

Jadual 200: Senarai Program PRInT Tahun 2021

BIL.	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	Sesi Lawatan Pemantauan Program Industry@University - URTF MTUN (Smart Automotive Manufacturing)	12 Februari 2021	UMP Pekan
2.	Program Latihan Kemahiran Industri East Coast Rail Link	1 Mei 2021	UMP Kampus Gambang
3.	Lawatan Kerja Ke Pusat Insinerator Alam Flora Cameron Highland	29 September 2021	Pusat Insinerator Alam Flora Cameron Highland
4.	Training on IR4.0 Automation Training System for PRInT UMP	25 Oktober 2021 hingga 9 November 2021	UMP Pekan
5.	Kursus Jangka Pendek Kepada Pekerja Industri CCC-ECRL	November hingga Disember 2021	Dalam Talian

Jadual 201: Perincian Prestasi Tabung Amanah Penjanaaan Pendapatan (Kumulatif) PRInT Tahun 2021

BIL.	BULAN	HASIL	JUMLAH PERBELANJAAN	JUMLAH KESELURUHAN
1.	Januari	-	-	-
2.	Februari	-	-	-
3.	Mac	RM25,445.77	-	RM25,445.77
4.	April	RM25,445.77	RM4,640.00	RM20,805.77
5.	Mei	RM114,255.57	RM21,890.20	RM92,365.37
6.	Jun	RM114,255.57	RM30,845.15	RM83,410.42
7.	Julai	RM114,255.57	RM50,579.96	RM63,675.61
8.	Ogos	RM114,255.57	RM50,579.96	RM63,675.61
9.	September	RM116,955.57	RM50,579.96	RM66,375.61
10.	Oktober	RM116,955.57	RM50,579.96	RM66,375.61
11.	November	RM116,955.57	RM61,731.96	RM55,223.61
12.	Disember	RM142,075.57	RM79,331.96	RM62,743.61
JUMLAH KESELURUHAN				RM 142,075.57

Jadual 202: Perincian Prestasi Tabung Amanah Penjanaaan Pendapatan (Berdasarkan Suku Tahun PRInT Tahun 2021)

BIL.	BULAN	LATIHAN	PERUNDINGAN	KHIDMAT TEKNIKAL
1.	Januari	-	-	-
2.	Februari	-	-	-
3.	Mac	RM879.26 (4 Projek)	RM3,571.52(6 Projek)	RM2,529.80 (28 Projek)
4.	April	-	-	-
5.	Mei	RM88,809.80 (1 Projek)		
6.	Jun	-	-	-
7.	Julai	-	-	-
8.	Ogos	-	-	-
9.	September	RM2,700.00 (1 Projek)		
10.	Oktober	-	-	-
11.	November	-	-	-
12.	Disember	RM25,120.00 (4 Projek)		
JUMLAH KESELURUHAN		RM117,509.06	RM3,571.52	RM2,529.80

Pusat Teknologi Manusia

Mesyyarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyyarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Teknologi Manusia.

Visi

Beriltizam menjadi sebuah pusat inovasi reka bentuk dan teknologi yang berkaitan manusia bertaraf dunia.


Misi

Kami komited untuk memajukan penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan kemajuan inovasi reka bentuk dan teknologi yang berkaitan manusia untuk meningkatkan kualiti kehidupan ke arah lebih baik.

Kluster Penyelidikan

- Sport Technology
- Product Innovation
- Biomedical Engineering
- Artificial Intelligent

Gambar Rajah 112: Strategi Pusat Teknologi Manusia Tahun 2021 Hingga 2025



Gambar Rajah 113: Senarai Kerjasama Dalam Penyelidikan Tahun 2021

Institut Sukan Negara (ISN)

- *Sport Technology*

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

- *Sport Technology (Sports Engineering and Artificial Intelligence Centre (SEA-IC))*

Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)

- *Biomedical Engineering*

Advanced Technology Training Center (ADTEC), Jerantut

- *Biomedical Product Development*

Universitas Diponegoro, Indonesia

- *Biomedical Engineering (Centre for Biomechanics, Biomaterials, Biomechatronics and Biosignal - Indonesia HiCoE)*

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan

- *Optometry, audiology and dietetic clinics (Faculty of Allied Health Sciences)*

Gambar Rajah 114: Senarai Kursus Yang Akan Ditawarkan

- *Awareness on the Importance of Self-Health Monitoring Course*
- *TRIZ Level 1 for Practitioner Course*
- *TRIZ Level 2 for Practitioner Course*
- *CATIA Design Training Courses*
- *Machine Learning for Sports Application Course*
- *Machine Learning for Agriculture Course*
- *Arduino Training Courses (Basic, Intermediate, Advanced)*
- *Product Development Courses (Basic, Intermediate, Advanced)*



Jadual 203: Senarai Program Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Lawatan Kerja ke ADTECH, Jerantut	17 November 2021	Advanced Technology Training Center (ADTEC), Jerantut
2.	Lawatan Kerja ke Hospital USM (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan	21 November 2021	Hospital USM (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan
3.	Lawatan Kerja dan Mesyuarat Kerjasama Penyelidikan dengan <i>Faculty of Allied Health Sciences</i> , Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan	9 Disember 2021	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan

Jadual 204: Senarai Applied Research Product

BIL.	MADE IN UMP PROJECT	2021	2022	2023	2024	2025
1.	Blood Glucose-Insulin Monitoring System					/
2.	Automatized Zipper for Dust Barrier System				/	
3.	Interactive Device / installation for Foot Balance Training			/		
4.	Wrist Rehabilitation Device (WREHAB)	/				
5.	Badminton Agility Training System	/				
6.	Sepak Takraw Ball Launcher		/			
7.	Protective Bandana for Sepak Takraw Player		/			
8.	Golf Putting Monitoring		/			
9.	Smart Ankle Wrap for Infant (Infawrap)		/			
10.	Jaundice Detection Device (Bilidice)		/			
11.	Table Tennis Training System				/	
12.	Wearable Device for Fatigue Level Monitoring			/		

Jadual 205: Pencapaian Aktiviti Penyelidikan (Niche Area) Tahun 2021

BIL.	AKTIVITI PENYELIDIKAN	2021
1.	Geran	RM210,000.00
2.	Latihan	RM13,750.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM223,750.00

Pusat Teknologi Sensor

Mesyyarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyyarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Teknologi Sensor.

- Menjalankan penyelidikan berkaitan teknologi sensor dan perolehan data dan pembangunan produk; dan
- Menyediakan penyelesaian teknikal kepada permasalahan penyelidikan, industri, dan komuniti berkaitan teknologi sensor dan sistem perolehan data. Menyediakan servis konsultasi berkaitan permasalahan teknologi sensor dan perolehan data.

Visi

Menjadi sebuah pusat teknologi sensor termaju di Malaysia.

Misi

Menyediakan penyelesaian kepada permasalahan teknologi sensor dan perolehan data yang termaju kepada industri dan komuniti.


Strategi

- Membina tiga prototaip untuk tujuan pengesanan secara *non-destructive* dan *non-invasive* dalam bidang penyelidikan, industri, dan komuniti termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan;
- Mendapatkan sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan dan pengkomersialan dari luar universiti;
- Memberikan penyeliaan kepada pelajar pascasiswazah;
- Melengkapkan pusat untuk proses fabrikasi dan verifikasi sensor dan teknologi sensor dengan peralatan teknikal seperti *EMC device*, *impedance analyzer*, *noise spectrum analyzer* dan sebagainya; dan

Gambar Rajah 115: Senarai Projek Sedia Ada Tahun 2021

- *Landslide Monitoring System*
- *Unattended Child Warning and Feedback System in Vehicle*
- *IOT-Powered Solar Irrigation System for Oil-Palm Prenursery*
- *Magnetometer Prototype for Defect Evaluation in Steel Components*
- *Vision Sensor for Automotive Industry*

Gambar Rajah 116: Senarai Kolaborasi Bersama Industri Tahun 2021



- YP Plantation Holdings Sdn. Bhd.
- Singularity Aerotech Asia Sdn. Bhd.
- East Automation and Engineering Sdn. Bhd.
- Okayama University, Japan
- Guilin University of Electronics Technology, China
- Rongke Pte Ltd, China

Pusat Sains Data dan Kecerdasan Buatan (Pusat Sains Data)

Pusat Sains Data dan Kecerdasan Buatan (Pusat Sains Data) telah dirangka dan ditubuhkan sejak tahun 2019 sejajar dengan prinsip Revolusi Industri 4.0 iaitu melahirkan teknologi baharu termasuk automasi, digitalisasi dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*) yang membawa cabaran baharu antaranya dalam bidang Sains Data dengan penemuan maklumat dari jumlah data yang besar.

Penubuhan ini berdasarkan kluster penyelidikan daripada dua pusat tanggungjawab iaitu Pusat Sains Matematik (PSM) dan Fakulti Komputeran (FK). Mesyuarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Sains Data dan Kecerdasan Buatan (Pusat Sains Data).

Visi

Beriltizam untuk menjadi sebuah Pusat Sains Data dan kecerdasan buatan terulung.

Misi


Kami komited untuk menyediakan penyelesaian berasaskan data dengan berteraskan kecerdasan buatan yang dipercayai serta memberi impak signifikan kepada masyarakat.

Matlamat Penubuhan

Menjalankan penyelidikan yang berteraskan aplikasi dan inovatif yang efisien serta mempunyai kebolehpercayaan tinggi dan bermakna berasaskan Sains Data dan Kecerdasan Buatan bagi membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat oleh individu, perniagaan, pemerintah, dan masyarakat.

- Menjadi platform *One-stop Centre* untuk urusan kerjasama dan interaksi berkaitan penyelidikan, perundingan dan latihan berasaskan data;
- Platform pangkalan data;
- Penyelesaian masalah berasaskan data di industri;
- Pengambilan pelajar pasca siswazah terutamanya dalam bidang Sains Data dan Kecerdasan Buatan dan secara tidak langsung menjana pendapatan universiti; dan
- Menjadi platform untuk menjana pendapatan dan menerajui perkhidmatan perundingan, latihan, seminar dan bengkel terutamanya dalam bidang Sains Data dan Kecerdasan Buatan.

Gambar Rajah 117: Senarai Kolaborasi Bersama Industri Tahun 2021




- Department Statistics Malaysia
- Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan
- Certisured
- Penang Skills Development Centre
- Wau Analytics
- Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia
- Favoriot Sdn. Bhd.
- Institute for Medical Research, Malaysia
- CyberSecurity, Malaysia
- Clinical Research Centre (CRC)
- AINQA's National Health Stack
- Yayasan Pahang
- FGV Holdings Berhad
- FGV Prodata Systems Sdn. Bhd.
- St. John's University

Gambar Rajah 118: Senarai Projek Sedia Ada Tahun 2021

Road Transport 4.0: Intelligent Vehicle Recognition System



Predictive Statistical Model of the Heart Risk Score by using Non-Laboratory Features



Pusat Pembuatan Termaju (Pusat Pembuatan)

Mesyuarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Pembuatan Termaju (Pusat Pembuatan). Pusat Pembuatan berhasrat membangunkan teknologi dan kepakaran bagi aplikasi pelbagai bidang seperti pemesinan, automasi dan sistem pembuatan berteraskan revolusi industri digital 4.0.

Visi

Beriltizam untuk menjadi peneraju dalam bidang pembangunan teknologi pembuatan.


Misi

Kami komited untuk memajukan bidang pembangunan teknologi pembuatan di persada tempatan dan global serta berazam untuk menjadi pemain utama dalam mempraktikkan bidang teknologi pembuatan bersama pihak industri dan masyarakat.

Elemen Teras

- Kejuruteraan Pembuatan - Pemesinan, Reka Bentuk, *Additive Manufacturing*.
- Pembangunan Sistem - Mekatronik, Pengaturcaraan, Integrasi Sistem.
- Konsultasi - Modal Insan, Pembangunan Tenaga Pakar.
- Servis - Kolaborasi Industri, Syarikat *Spin-Off*, UMP Holdings Sdn. Bhd.

Gambar Rajah 119: Senarai Kolaborasi Penyelidikan Bersama Industri



- PHN & Sapura Technical Centre
- Binex Services & Solution Sdn. Bhd.

Pusat Penyelidikan Sintesis Teknologi Ubat dan Farmasi Farmaseutikal

Mesyuarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Penyelidikan Sintesis Teknologi Ubat dan Farmasi Farmaseutikal.

Pusat Penyelidikan ini dikenali sebagai Sintesis Teknologi Ubat dan Formulasi Farmaseutikal (Pusat Formulasi Farmaseutikal) dan akan menggunakan kemudahan yang sedia ada untuk mengeluarkan teknologi dan produk-produk farmaseutikal yang inovatif, berkualiti tinggi dan halal. Terdapat pelbagai jenis produk farmaseutikal yang boleh dikeluarkan oleh kemudahan yang berkonsepkan pengisian dan formulasi sama ada ubat yang memerlukan preskripsi, yang tidak memerlukan preskripsi, produk kesihatan dan tradisional, dan juga produk kosmetik. Ubat-ubat ini boleh dikeluarkan dalam bentuk dos pepejal, separa pepejal dan juga cecair.

Visi

Beriltizam menjadi sebuah pusat sintesis teknologi ubat dan formulasi farmaseutikal yang terkenal dan mahir dalam pembangunan produk halal dan berkualiti tinggi.

Misi

Komited untuk menjadi pusat kecemerlangan yang berdaya maju dan dinamik bagi penyelidikan dan perundingan berkonsepkan teknologi farmaseutikal dan makanan berfungsi dan menawarkan latihan – latihan profesional berteraskan pengetahuan khusus dalam bidang berkaitan.

Produk-produk yang dikeluarkan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam dan luar negara. Pusat ini juga mampu menawarkan perkhidmatan dan latihan kepada komuniti dengan tujuan untuk memasyarakatkan teknologi di samping mampu mencapai tahap kelestarian kewangan yang baik.

Bidang Penyelidikan

- Teknologi Farmaseutikal
- Teknologi Biofarmaseutikal
- Pemprosesan Makanan
- Bioteknologi Makanan

Pusat Kecerdasan Bahan Termaju (Pusat Bahan)

Mesyuarat Senat Ke-176 Bil.3/2021 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil.2/2021 pada 3 Julai 2021 telah meluluskan penubuhan sebanyak enam CoE baharu UMP, termasuklah Pusat Kecerdasan Bahan Termaju (Pusat Bahan).

Visi

Beriltizam menjadi sebuah pusat penyelidikan bertaraf dunia dalam penemuan bahan pintar termaju.


Misi

Komitid dalam menjadi sebuah pusat penghasilan ilmu dan teknologi dalam penemuan bahan pintar termaju menerusi sains data dan kecerdasan buatan.

Objektif

- Untuk menghasilkan teknologi bahan termaju pertama di dunia;
- Untuk menjadi pusat rujukan bahan tenaga pintar terunggul; dan
- Untuk menghasilkan modal insan berkepakaran tinggi dalam bidang bahan termaju.

Gambar Rajah 120: Senarai Kolaborasi Penyelidikan Bersama Industri Tahun 2021



- Nano Malaysia Berhad, Malaysia
- Ming Chi University of Technology, Taiwan
- Noritake Co. Ltd, Japan
- Universiti Teknologi Petronas, Malaysia





Yayasan UMP

Yayasan UMP

Penubuhan Yayasan UMP adalah usaha universiti dalam mengumpul dan mengurus dana daripada orang ramai, syarikat dan institusi bagi kegunaan kebajikan mahasiswa UMP serta membiayai program pendidikan, kemasyarakatan dan menyediakan kemudahan pembelajaran tambahan yang digunakan oleh pelajar dan universiti.

Gambar Rajah 126: Perincian Endowmen dan Tabung Yayasan UMP



RM41,599.24

Jumlah Dana Wakaf 2021

RM1,148,255.12

Jumlah Dana Wakaf Keseluruhan

Yayasan UMP telah berjaya mengumpul dana wakaf sebanyak RM41,599.24 pada tahun 2021 menjadikan jumlah keseluruhan dana wakaf yang terkumpul adalah sebanyak RM1,148,255.12.

RM3,561,082.67

Jumlah Dana Endowmen 2021

RM7,995,333.96.

Jumlah Dana Endowmen Keseluruhan

Bagi dana endowmen pula, sebanyak RM3,561,082.67 telah dikumpul pada tahun 2021 dan jumlah keseluruhan dana endowmen yang terkumpul adalah sebanyak RM7,995,333.96.



Rakan Kerjasama



Kebajikan Pelajar,
Ramadan



Program Khas Pelajar,
Komuniti dan Ramadan



Kebajikan Pelajar



Kebajikan, Biasiswa
Pelajar dan Bencana



I & P Group

Kebajikan Pelajar



Kebajikan Pelajar



Kebajikan Pelajar dan
Kecemerlangan



Kebajikan dan
Pelajar



Kebajikan Pelajar



Kebajikan Pelajar



Komuniti dan Ramadan



Kebajikan Pelajar



Kebajikan Pelajar



Ramadan dan Komuniti



Ramadan

2,240

Keluarga terima
bantuan

Program Sukarelawan Bencana
Barisan hadapan UMP membantu Negeri Pahang terutama dalam bantuan, barangan asas dan pembersihan rumah.

Program Back to School
Bantu 100 anak-anak sekitar UMP dalam menyediakan kelengkapan pakaian dan alatan sekolah.

Penajaan Biasiswa Pelajar

Tujuh orang pelajar terima bantuan biasiswa Kerjasama Etiqa Takaful.

Sumbangan Buku KAFA
Yayasan UMP menerima 32,000 naskhah buku latihan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bernilai RM200,000 murid prasekolah dan sekolah.

Salam Cinta Ramadan

Kunjungan Muhibah pelajar rumah sewa atau yang menuntut di luar kampus.

Indahnya Syawal, Aidilfitri D'Kampus

Menyantuni warga UMP yang tidak dapat pulang beraya.

Januari

Februari

Mac


April

Mei

Jun

Bantuan Komputer Riba

70 penerima Komputer tajaan Yayasan UMP berjenama Lenovo.



Iftar Ramadan

Sekurang-kurangnya 1,200 pelajar terima makanan percuma sehingga 30 hari Ramadan.

Insentif Kecemerlangan Platinum

Kepada pelajar UMP yang mendapat pointer 3.5 dan ke atas.

Biasiswa Anak Pahang Cemerlang

Dengan Kerjasama Yayasan Pahang dalam meningkatkan mutu dan kebajikan anak-anak Pahang.

Agihan Zakat Pelajar

Kepada pelajar UMP yang memenuhi syarat.

Bantuan Pelajar yang didapati Positif COVID-19

Bantuan kemanusiaan kepada pelajar yang didapati positif COVID-19 agar dapat mengurangkan beban pelajar.

Insentif Kecemerlangan

150 orang pelajar yang cemerlang yang memilih UMP sebagai Universiti Pilihan Utama.

Insentif Pendidikan

Bantuan kepada 24 pelajar B40 yang mempunyai masalah kewangan untuk mendaftarkan diri buat kali pertama.

Tok Gajah Virtual Challenge

Mengumpul dana tabung kebajikan pelajar dan tabung komuniti di bawah Yayasan UMP.

Memorandum Perjanjian**Penjualan No Plat Kenderaan Yayasan UMP**

Bagi mengumpul dana kebajikan dan pembangunan pelajar serta membantu mereka yang memerlukan.



Mampan *Sustainable Development Goals* (SDGs)


Objektif utama dalam penubuhan Matlamat Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam Perhimpunan Agung PBB pada 2015 untuk dicapai pada 2030 adalah sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi. SDG telah disahkan oleh 193 negara anggota PBB sebagai rangka kerja bagi negara-negara, perniagaan dan masyarakat sivil untuk menumpukan usaha mereka dalam mentransformasikan dunia menjelang 2030. Yayasan UMP sentiasa menyokong agenda pembangunan mampan iaitu menjadikan objektif SDG sebagai satu arah tuju dalam pelaksanaan setiap program yang dijalankan.

RM4,497,795.12

Jumlah Agihan Keseluruhan

Ringkasan agihan ini merupakan dana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UMP pada tahun 2020 dan 2021 termasuk sumbangan kewangan, program kerjasama serta *inkind* (barangan) daripada badan korporat, agensi swata dan dermawan.

Gambar Rajah 121: Perincian Agihan Tahun 2020 dan 2021



Kluster Pendidikan

Jadual 206: Agihan Kluster Pendidikan Mengikut Program Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	2021	
		DANA (RM)	PENERIMA
1.	Zakat Pelajar	652,000.00	1,327
2.	Biasiswa Pelajar	240,000.00	7
3.	Biasiswa Pelajar (Sarjana)	-	-
4.	Biasiswa Anak Pahang Cemerlang	33,240.00	6
5.	Insentif Kecemerlangan	150,000.00	150
6.	Insentif Kecemerlangan Platinum	21,000.00	42
7.	Insentif Pendidikan	24,000.00	24
8.	Insentif Kecemasan		
9.	Skim Pinjaman Pelajar	90,480.00	13
10.	Program Alumni UMP	56,000.00	4
11.	Iftar Ramadan	167,703.12.	2,000
12.	Sumbangan Pelajar COVID-19	20,000.00	100
13.	Inisiatif <i>Campus Pantry</i>	10,000.00	500
14.	Komputer Riba	105,000.00	70
15.	Indahnya Syawal, Aidilfitri D'Kampus	15,000.00	1,000
JUMLAH KESELURUHAN		1,584,423.00	5,243

Zakat Pelajar

Walaupun dalam keadaan dan cabaran pandemik COVID-19, Yayasan UMP tidak mengabaikan bantuan kepada pelajar UMP terutama yang berada di UMP semasa musim COVID-19 dan yang mempunyai masalah kewangan. Inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan jayanya atas sokongan rakan strategik Yayasan UMP dan warga dermawan yang menyumbang ke tabung Yayasan UMP.

Gambar Rajah 122: Jumlah Agihan Tahun 2021

RM652,000.00

1,327 orang penerima

Biasiswa Pelajar



Sejak 2016, Yayasan UMP telah menganugerahkan tajaan biasiswa pendidikan kepada lebih 82 orang pelajar UMP yang layak khususnya kepada individu-individu terpilih yang memiliki pencapaian akademik yang terbaik dan berketerampilan menarik. Seramai 23 penerima Biasiswa Yayasan UMP pada tahun 2020-2021 telah terpilih dengan jumlah peruntukan berjumlah RM905,000.00. Pihak Yayasan UMP juga sentiasa komited dalam pemberian penajaan pendidikan secara menyeluruh yang bertindak sebagai satu wadah dalam meningkatkan taraf pendidikan negara yang kini berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19. Selain itu, bantuan biasiswa ini juga memberi peluang kepada pelajar yang cemerlang untuk menyambung pelajaran ke menara gading bagi membantu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka, menyelesaikan urusan pembayaran yuran pengajian dan mengurangkan beban perbelanjaan serta wang saku sehingga tamat pengajian.

Gambar Rajah 123: Penerima Biasiswa UMP Scholar Tahun 2021

14
penerima bagi *batch 5, 2021/2022*

UMP Campus Pantry

Program UMP *Campus Pantry* ditubuhkan untuk menyalurkan bantuan makanan kepada mahasiswa UMP yang memerlukan. Program Campus Pantry ini merupakan usaha pihak universiti bagi menjayakan program *Food Bank Malaysia*, sebuah pelan oleh kerajaan untuk dilaksanakan di setiap UA. Program ini bertujuan meringankan beban mahasiswa yang datang daripada keluarga kategori B40 atau miskin tegar melalui bantuan makanan harian agar dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian mereka. Yayasan UMP merupakan antara penyumbang terbesar untuk program ini dengan sumbangan sebanyak RM10,000.00 setiap tahun.

Gambar Rajah 124: Jumlah Agihan Tahun 2021

RM10,000.00
setiap tahun

Iftar Ramadan

Sebanyak 1,200 pek makanan percuma diagihkan setiap hari buat pelajar UMP sepanjang Ramadan kali ini. Penyediaan iftar secara percuma ini merupakan hasil sumbangan dan infak orang ramai dan organisasi luar kepada mahasiswa UMP dalam menjalani ibadah puasa pada tahun ini. Terdapat dua lokasi agihan iaitu di Aras 1 Pusat Aktiviti Pelajar, UMP Pekan dan Masjid UMP Kampus Gambang dengan bantuan sukarelawan staf dan pelajar UMP secara berjadual pada setiap hari.

Gambar Rajah 125: Jumlah Agihan Tahun 2021

1,200
Pek Makanan Sehari

Bantuan Peranti Komputer Riba



Yayasan UMP menyumbangkan sebanyak 70 unit komputer riba kepada pelajar UMP yang memerlukan bagi meringankan beban mereka dalam mengadaptasi sesi pembelajaran secara dalam talian. Sumbangan komputer riba ini merupakan inisiatif Yayasan UMP berdasarkan kerjasama sumbangan daripada pihak-pihak yang tertentu bagi membantu meringankan pelajar yang memerlukan.

Salam Cinta Ramadan



Sempena bulan Ramadan, Yayasan UMP mengambil inisiatif untuk mengagihkan bantuan Kit Ramadan kepada pelajar-pelajar yang menginap di rumah sewa di Pekan dan di Gambang. Sekurang-kurangnya, sebanyak 100 set bantuan telah diagihkan kepada pelajar rumah sewa di UMP Pekan dan UMP Kampus Gambang.

Gambar Rajah 126: Jumlah Agihan Tahun 2021

100
Kit Bantuan Ramadan

100
Rumah Sewa Pelajar UMP

Indahnya Syawal Aidilfitri D’Kampus

Indahnya Syawal Aidilfitri D’Kampus 2021 merupakan sebuah inisiatif Yayasan UMP bagi menyantuni pelajar yang tidak pulang ke kampung halaman semasa Hari Raya Aidilfitri. Pada kali ini, Yayasan UMP telah bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi mengagihkan pek juadah hari raya seperti rendang, ketupat, dan lain-lain serta kuih raya kepada 450 pelajar UMP yang masih berada di UMP Pekan dan 550 di UMP Kampus Gambang. Usaha ini penting bagi memastikan raya mereka di kampus lebih bermakna bersama sahabat handai walaupun berjauhan daripada keluarga.

Anugerah Kecemerlangan Konvokesyen

Pemberian insentif atau hadiah kecemerlangan kepada mahasiswa yang mencapai keputusan yang cemerlang semasa Majlis Konvokesyen oleh Tuanku Canselor UMP.

Kluster Komuniti

Jadual 207: Pelaksanaan Program Komuniti Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	PENERIMA MANFAAT	DANA
1.	Program Kembali ke Sekolah	100	RM15,000.00
2.	Pilih Untuk Berkongsi Agihan Buku KAFA	4,000	RM200,000.00
3.	Singgah Sahur Yayasan UMP 2021	140	RM1,000.00
4.	Infaq Prihatin Pekerja Landskap	90	RM4,500.00
5.	Bantuan Zakat dan Bakul Prihatin Yayasan UMP	121	RM30,000.00
6.	Program Kemanusiaan 2021	100	RM30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		4,551	RM280,500.00

Program Kembali ke Sekolah



Seramai 104 orang anak-anak staf UMP dan komuniti setempat menerima sumbangan keperluan persekolahan daripada Yayasan UMP atas keprihatinan universiti dalam meringankan perbelanjaan persekolahan anak-anak staf yang kurang berkemampuan.

Kelengkapan sekolah ini terdiri daripada pakaian sekolah, stoking, kasut, beg sekolah serta alat tulis buat anak-anak yang akan melangkah ke alam persekolahan.

Sentuhan Kasih@Pondok Riyadus Solihin



Program Sentuhan Kasih di Pondok Tahfiz Riyaddus Solihin, Kampung Semangat, Pekan, Pahang merupakan salah satu inisiatif Yayasan UMP untuk menyantuni dan memurnikan suasana di kawasan pondok tersebut bersama anak-anak tahfiz. Seramai 59 pelajar UMP telah turut serta dalam usaha membersihkan, mengecat, memasak dan gotong-royong pondok tahfiz tersebut. Pihak Yayasan UMP juga mengambil peluang untuk menyumbang bantuan makanan dan alatan mengecat memandangkan kawasan pondok ini mengalami bencana banjir pada awal Januari 2021.

Go Green@UMP



Program Kayuhan Go Green bersama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP anjuran Yayasan UMP memberi pendedahan terhadap kepentingan penjagaan kesihatan melalui aktiviti berbasikal di dalam kampus dan sebagai amalan terbaik dalam usaha menyokong agenda penghijauan kampus.

Pilih Untuk Berkongsi

Infak 32,000 Naskhah Buku Bernilai RM200,000.00



Yayasan UMP menerima sumbangan infak sebanyak 32,000 naskhah buku latihan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) bernilai RM200,000.00 hasil kerjasama pihak SME Corporation Malaysia dan Fateh Resources Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan pengedar tunggal buku-buku agama KAFA serta penerbitan Syarikat Fargoes Sdn. Bhd. Lebih 4,000 orang pelajar prasekolah dan sekolah rendah sekitar negeri Pahang khususnya di daerah Pekan bakal menerima manfaat sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Kluster Bencana

Gambar Rajah 127: Ringkasan Laporan Bencana Banjir Pada 3 Januari Hingga 15 Februari 2021 dan 21 Hingga 31 Disember 2021

RM380,122.00

Kutipan Sumbangan Termasuk Tunai dan Barangan

2,050

Sukarelawan Turun Ke Lapangan

3,100

Kit Bantuan Makanan Diagihkan

57


Lokasi di Negeri Pahang

351

Warga UMP Terkesan

Sukarelawan UMP yang Berdaftar

Carta 31: Sukarelawan UMP yang Berdaftar



Program Amal

Tok Gajah *Virtual Challenge*



Virtual Challenge atau Cabaran maya ini boleh dilaksanakan dengan cara senaman sihat iaitu berkonsepkan berjalan, berjoging, berlari atau pun berbasikal. Ia merupakan cabaran terbaik dalam menyihatkan badan di samping menderma. Tok Gajah *Virtual Challenge* 2021 adalah inisiatif pencarian dan pengumpulan dana bagi Tabung Kebajikan Pelajar dan Tabung Komuniti di bawah Yayasan UMP.

Gambar Rajah 128: Jumlah Sumbangan Terkumpul Tahun 2021

RM85,829.00

Rimau *Virtual Challenge*



Inisiatif Amal Rimau *Virtual Challenge* ini adalah salah satu Projek Amal/*Crowdfunding* dalam membantu pencarian dana pembinaan wakaf Kolej Kediaman Mawaddah. Kolej ini akan menempatkan 220 pelajar asnaf dan miskin.

Gambar Rajah 129: Jumlah Sumbangan Terkumpul Tahun 2021


RM28,036.00

Wakaf Kolej Kediaman Mawaddah



UMP bakal memiliki penginapan pelajar berkonsepkan wakaf apabila Kolej Kediaman Mawaddah yang diwujudkan untuk memberi perkhidmatan perlindungan kepada pelajar dalam kalangan anak yatim atau asnaf siap sepenuhnya pada awal tahun depan. Projek pembangunan penginapan di tapak seluas 2.0 ekar di UMP Pekan ini merupakan inisiatif pengurusan universiti bersama Majlis Ugama dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dalam usaha membantu pelajar yang berkeperluan dan mempunyai masalah kewangan serta kos sewa rumah yang semakin meningkat yang terpaksa ditanggung pelajar.

Gambar Rajah 130: Perincian Kolej Mawaddah



Bicara Yayasan UMP

Jadual 208: Senarai Program Bicara Yayasan UMP Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Forum Secawan Kopi Inspirasi Dikongsi: Akademik dan Kokurikulum	11 April 2021	Dalam Talian
2.	Titipan Hasrat Pengerusi Yayasan UMP bersama 250 Penerima Zakat	17 Jun 2021	
3.	Program Titipan Hasrat 'Dunia Milik Anda'	18 Jun 2021	
4.	Program Titipan Hasrat Penerima Biasiswa Bersama Timbalan Pengerusi	12 Oktober 2021	
5.	Program <i>Entrepreneur Talk: Where It All Started</i> bersama Dato' Alha Alfa	7 November 2021	

Memorandum Perjanjian (MoA)



Inisiatif Baharu Yayasan UMP Mengumpul Dana

Kerjasama strategik Yayasan UMP dengan Syarikat Aquatwo Sdn. Bhd. dalam mengumpul dana bagi tujuan pendidikan, penyelidikan serta meningkatkan bantuan kebajikan mahasiswa di UMP. Menjelang sambutan ulang tahun UMP ke-20, UMP bakal melancarkan nombor pendaftaran khas nombor siri khas 'UC' 1 sehingga 'UC' 9999 yang hanya boleh ditawarkan kepada orang awam secara bidaan setelah selesai proses pewartaan.

Jadual 209: Senarai Memorandum Perjanjian (MoU) Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	MoU di antara Yayasan UMP dengan UCT Solutions Sdn. Bhd.	23 Oktober 2021	Hotel Zenith, Kuantan
2.	MoU di antara Yayasan UMP dengan Syarikat Aquatwo Sdn. Bhd.	22 November 2021	Hotel Hyatt, Kuantan

Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS)



Merujuk kepada warkah pemakluman UMP kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Petuan Agong XVI bernombor rujukan UMP.02.01/21.15/3 JLD 2 (25) yang ditandatangani oleh Pendaftar UMP iaitu:

“Sebuah institut yang dikenali sebagai INSKEP di bawah Fakulti Pengurusan Industri telah dijenamakan semula sebagai ITKAS.”

Penubuhan ITKAS telah diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 4/2020 pada 23 November 2020 melalui usul Penjenamaan semula INSKEP sebagai ITKAS daripada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato’ Sri Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Arahan Pentadbiran pemindahan ITKAS dirujuk kepada minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Khas UMP Ke-153 Bilangan 11/2021 Perkara 2.6 (i):

**Institut Tamadun dan Kajian Strategik (ITKAS)
dipindahkan di bawah Yayasan UMP**

Sebagai langkah pengukuhan organisasi, ITKAS dipindahkan ke Yayasan UMP dan mempunyai struktur organisasi baharu mengikut gagasan yang diperkenalkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMP iaitu mempunyai tiga jawatankuasa penggerak utama iaitu:

- Jawatankuasa Tamadun;
- Jawatankuasa Kajian Strategik; dan
- Jawatankuasa Kesukarelawanan.

Gambar Rajah 131: Objektif dan Fungsi ITKAS

OBJEKTIF		FUNGSI
<ul style="list-style-type: none"> Menjadi pusat pemikir berwibawa kepada kerajaan Negeri Pahang dan pihak-pihak berkepentingan lain; Memperkuhkan kajian tentang institusi diRaja Pahang serta menyebarkan luas fahaman yang betul tentang kedudukan dan fungsinya kepada masyarakat di dalam juga luar negara; Mengumpul ilmu intelektual awam dalam bidang kemanusiaan dan seni liberal sejajar dengan tuntutan-tuntutan mendadak teknologi IoT <i>artificial intelligence</i> (AI), robotik, <i>blockchain</i>, big data dan data <i>analytic clouds</i> serta berkala mewacanakan dan menerbitkan dan pada landasan domain awam; 	<ul style="list-style-type: none"> Mempelbagaikan penyelidikan berkaitan dengan sejarah dan tamadun Negeri Pahang, Nusantara dan global termasuklah kajian tentang komuniti orang asal dan pendalaman yang perlu dimajukan selari dengan pembangunan arus perdana; Menyediakan khidmat perundingan, perkhidmatan profesional dan wacana ilmiah bagi penggubalan dan semakan polisi serta pelaksanaan dasar strategik pihak berkuasa negeri, serantau dan secara global dalam bidang kepakaran UMP; dan Menjalinkan sebarang usaha sama strategik yang boleh menyumbang kepada keberhasilan bernilai tambah dan mengoptimumkan hasil kajian bagi manfaat Negeri Pahang dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam pelbagai bidang. 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan aktiviti penyelidikan dan menyediakan khidmat perundingan berdasarkan kepakaran UMP kepada kerajaan negeri Pahang dan pihak berkepentingan; Menganjur seminar dan forum bagi membincangkan isu yang menyumbang kepada pembangunan negeri Pahang dan pihak berkepentingan; dan Menjadi pusat rujukan data kajian strategik dan tamadun negeri Pahang serta pihak berkepentingan.

ITKAS dan Paya Besar



Malaysia kini memasuki fasa baharu menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Wawasan ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup melalui pencapaian pertumbuhan yang mampan dan pengagihan kekayaan yang adil kepada semua kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Salah satu kawasan Parlimen di Malaysia adalah Parlimen Paya Besar yang diwujudkan pada tahun 1994, dan pertama kali dipertandingkan pada tahun 1995.

Menurut Warta Persekutuan yang dikeluarkan pada 30 Mac 2018, kawasan Parlimen Paya Besar dibahagikan kepada 24 daerah pengundian. Pembangunan sesuatu kawasan terutamanya kawasan luar bandar bukan lagi isu yang baharu, malah ia menjadi sebahagian daripada pengisian dasar-dasar pembangunan negara.

Penyelidikan ini memfokuskan kepada Parlimen Paya Besar, sebuah kawasan persekutuan di daerah Kuantan, Pahang. Walaupun pendapatan purata nasional telah meningkat sebanyak 4.2 peratus pada tahun 2019 iaitu

RM7,901.00 dengan pendapatan median RM5,873.00 dan jumlah isi rumah B40 seramai 2.91 juta, namun, tahap kemiskinan di Pahang dicatatkan meningkat dari 4.3 peratus kepada 9.2 peratus (Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, 2020). Beberapa aspek berpandukan kepada tujuh teras utama yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Strategik di Paya Besar dilihat boleh ditambah baik untuk mengurangkan jurang hidup antara T20 dan B40. Justeru, beberapa langkah strategik untuk pembangunan mampan perlu dilaksanakan di Parlimen Paya Besar.

Oleh itu, penyelidikan ini amat penting untuk mengukur apa yang telah berlaku, apa yang sedang terjadi dan apakah langkah dan strategi yang dapat dilaksanakan untuk membantu Parlimen Paya Besar khususnya untuk bergerak maju ke hadapan seiring Wawasan 2030.

Kajian Pelan Strategik Pembangunan Parlimen Paya Besar 2030 ini menggariskan empat strategi pembangunan utama.

- Pendidikan yang lebih baik;
- Kes jenayah dan kemalangan jalan raya dalam kalangan staf dan pelajar;
- Kemalangan pekerjaan; dan
- Kesejahteraan rakyat.

Dalam kajian ini, strategi PEKA rakyat menasarkankan untuk pembangunan tujuh teras utama.

- Pendidikan;
- Ekonomi;
- Infrastruktur;
- Agama dan Kebajikan;
- Kepimpinan;
- Kesihatan; dan
- Keselamatan

Strategi Pembangunan Paya Besar ini adalah untuk membolehkan Parlimen Paya Besar membangun dengan pesat bagi mencapai status bandar pintar terutama di bandar Gambang dan kawasan sekitarnya. Oleh yang demikian pembangunan Bandar Pintar adalah sangat relevan ke arah pembangunan strategik bandar-bandar di Malaysia. Contohnya seperti yang telah disasarkan bagi kawasan Parlimen Paya Besar. Oleh yang demikian cadangan pelan strategik pembangunan Parlimen Paya Besar ini adalah penting untuk mendepani cabaran pembangunan Parlimen Paya Besar.

- Penyediaan kualiti pendidikan yang lebih baik;
- Sumber pendapatan yang meningkat;
- Penyediaan sistem kesihatan yang lebih berkesan;
- Keselamatan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan;
- *Internet Of Things (IOT), Cloud Computing, Big Data* dan Integrasi Maklumat Geografi, *Artificial Intelligence (AI)* dan GIS memberi impak kepada polisi dan pengurusan bandar, integrasi maklumat dan meningkatkan tahap perkhidmatan;
- Inisiatif pembangunan bandar perlu selari dengan keperluan cabaran semasa, menyediakan penyelesaian bagi meningkatkan kualiti hidup; dan
- Selaras dengan agenda nasional dan global untuk memenuhi keperluan hala tuju negara terhadap pembangunan mampan.

Pelan Strategik Pembangunan Parlimen Paya Besar 2030 ini meletakkan Wawasan Pembangunan untuk 'Menjadikan kawasan Paya Besar sebagai Hub Pendidikan Utama di Malaysia yang bertaraf antarabangsa'. Ia bagi mencapai matlamat utama Strategi Pembangunan Paya Besar iaitu untuk melahirkan warganegara kelas pertama dan menasarkankan kemiskinan sifar serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan lebih banyak peluang pekerjaan agar rakyat di parlimen ini berbangga menjadi warga Paya Besar.

Jadual 210: Senarai Program dan Aktiviti Dalam Tahun 2021

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Bedah Gayong Keris Melayu	3 Julai 2021	Dalam Talian

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembelajaran Sepanjang Hayat

UMP Advanced

Bagi memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Lembaga Pengarah Universiti pada 29 Mac 2013 telah meluluskan cadangan mentransformasikan *Centre for Continuing Education & Professional Development* (CENFED) daripada sebuah *Special Business Unit* (SBU) kepada Syarikat Sdn. Bhd.

Tanggungjawab Syarikat Sdn. Bhd.

- Membantu dalam mencapai dan menjayakan Pelan Strategik Universiti;
- Meningkatkan penjana pendapatan universiti;
- Meningkatkan bilangan pelajar dengan penawaran program akademik termasuk program separuh masa;
- Menyediakan kursus-kursus berbayar untuk peserta industri;
- Menawarkan program pemerikasaan sosioekonomi masyarakat; dan
- Lain-lain aktiviti yang berupaya memperkukuhkan pendapatan universiti.

UMP Advanced berfungsi menawarkan program perdana iaitu program yang mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara program yang ditawarkan meliputi pradiploma, Asasi Sains dan Teknologi, diploma, sarjana muda kemasukan khas dan sarjana muda hujung minggu. UMP Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui pengambilan Masuk UMP Secara Terus (MUST) di bawah inisiatif *Public University Private Wing* (PUPW). UMP Advanced terus memperkasakan kehadirannya sebagai penyedia PSH dengan menawarkan program profesional dan eksekutif pada peringkat master eksekutif, bacelor eksekutif, diploma profesional dan sijil profesional. Kualiti program profesional dan eksekutif dikawal selia berdasarkan kerangka dan program standard PSH yang diluluskan oleh Senat Universiti. Penawaran program profesional dan eksekutif adalah dibangunkan khusus untuk warga kerja industri dan tidak melibatkan badan pengiktirafan dalam negara. Seramai 6,198 pelajar telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini sehingga Disember 2021.


Selain itu, UMP Advanced juga membangunkan kursus jangka pendek khas untuk pekerja industri bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan kehendak industri. program kursus jangka pendek berasaskan kompetensi yang ditawarkan mendapat pengiktirafan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Human Resource Development Corporation (HRD Corp). Di samping itu, UMP Advanced turut diberikan kepercayaan oleh *East Coast Economic Region* (ECER) dan *Northern Corridor Economic Region* (NCER) bagi melaksanakan program peningkatan sosioekonomi golongan B40, kumpulan belia menganggur, ibu tunggal, asnaf dan masyarakat Orang Asli. Bermula pada 2012 sehingga Disember 2021, seramai 19,887 peserta telah memperoleh manfaat daripada program ini.

Dengan slogan *Education for All – No One Left Behind*, UMP Advanced komited dalam menyediakan pendidikan untuk segenap lapisan masyarakat dengan menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan.


Membangun dan Menyediakan Platform Digital

- Sistem ILMU dan *MyIPS* berfungsi sebagai pelantar yang menawarkan kursus secara dalam talian kepada pelajar dan masyarakat dalam dan luar negara; dan
- *e-Portfolio* berfungsi sebagai pelantar yang menyimpan data pelajar dalam bentuk artifak, mencipta *resume* dan portfolio secara automatik.

Gambar Rajah 132: Garis Masa UMP Advanced Tahun 2004 Hingga 2021



Gambar Rajah 133: Perincian Lokasi Pusat Pembelajaran dan Latihan Tahun 2021



Program Perdana

Program perdana mempunyai pengiktirafan di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Antara program yang ditawarkan meliputi pradiploma, asasi sains dan teknologi, diploma, sarjana muda kemasukan khas dan sarjana muda hujung minggu. UMP Advanced bertanggungjawab mempromosikan program berkenaan dan menguruskan pengambilan pelajar di luar unjuran Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi melalui inisiatif Masuk UMP Secara Terus (MUST).


Gambar Rajah 134: Pecahan Program Perdana Tahun 2021

1,223 Pelajar Aktif
193 Pelajar Alumni

Jadual 211: Perincian Program Perdana Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	STATUS PENGAJIAN	
		AKTIF	ALUMNI
1.	Diploma Separuh Masa	0	81
2.	Asasi Sains dan Teknologi	17	0
3.	Diploma PUPW	426	0
4.	Sarjana Muda Hujung Minggu	230	61
5.	Sarjana Muda Kemasukan Khas	551	51
JUMLAH KESELURUHAN		1,223	193

Carta 32: Enrolmen Program Perdana Tahun 2020 hingga 2021



Program Profesional dan Eksekutif

Program Profesional dan Eksekutif merangkumi program peringkat master eksekutif, bacheloer eksekutif, diploma profesional dan sijil profesional. Kualiti program profesional dan eksekutif dikawal selia berdasarkan kerangka dan program standard PSH yang diluluskan oleh senat universiti. Program ini merupakan laluan pendidikan alternatif bagi mereka yang tidak memenuhi syarat kemasukan untuk program perdana namun mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian. Program Profesional dan Eksekutif mempunyai syarat kemasukan yang lebih fleksibel dan jangka masa pengajian lebih singkat.


Gambar Rajah 135: Pecahan Program Program Profesional dan Eksekutif Tahun 2021

3,406 Pelajar Aktif
6,198 Pelajar Alumni

Jadual 212: Perincian Program Profesional dan Eksekutif Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	STATUS PENGAJIAN	
		AKTIF	ALUMNI
1.	Diploma Profesional	851	3,551
2.	Bachelor Eksekutif	1,358	967
3.	Master Eksekutif	1,197	1,680
JUMLAH KESELURUHAN		3,406	6,198

Carta 18: Enrolmen Pelajar Program Profesional dan Eksekutif Tahun 2020 dan 2021



Program Pendigitalan

Seiring dengan perkembangan dunia digital, UMP Advanced telah bergiat aktif dalam membangun dan menyediakan platform digital. Antara sistem yang telah dibangunkan iaitu ILMU, MyIPS dan e-PORTFOLIO.

Sistem ILMU dan MyIPS

Sistem ILMU dan MyIPS berfungsi sebagai pelantar yang menawarkan kursus secara dalam talian kepada pelajar dan masyarakat dalam dan luar negara.

- ✓ Kandungan kursus
- ✓ Penilaian
- ✓ Akses pihak luar
- ✓ Kursus modular
- ✓ Kursus percuma
- ✓ Kursus berbayar
- ✓ e-Sijil dan Badges



e-PORTFOLIO berfungsi sebagai pelantar yang menyimpan data pelajar dalam bentuk artifak, mencipta resume dan portfolio secara automatik.

Gambar Rajah 136: Sistem e-Portfolio



Sosioekonomi

Gambar Rajah 137: Jumlah Peserta Program Pendanaan



4,133
peserta sejak tahun 2012 hingga 2021



3,400
peserta sejak tahun 2019 hingga 2021



786
peserta sejak tahun 2020 hingga 2021




910
peserta tahun 2021

ECERDC




UMP melalui UMP Advanced telah diberikan kepercayaan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk melaksanakan program latihan dan peningkatan kemahiran iaitu PENJANA-ECERDC bagi memperkasakan masyarakat di Wilayah Pantai Timur meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor. Program ini salah satu usaha kerajaan untuk membantu negara mengatasi masalah pekerjaan di era pasca COVID-19 bagi memastikan bekalan tenaga kerja yang mencukupi dan sesuai dengan kehendak industri di kawasan terlibat. Seramai 913 individu yang telah diberhentikan kerja atau mereka yang menganggur berumur dari 18 hingga 45 tahun. Para peserta akan melalui fasa latihan yang intensif, *on-job-training* (OJT) dan seterusnya ditempatkan ke syarikat-syarikat terpilih.


Carta 33: Perincian Program Peserta Latihan Keusahawanan dan Kemahiran Tahun 2012 Hingga 2021



Gambar Rajah 138: Pencapaian Penempatan Pekerjaan dan Melahirkan Usahawan Tahun 2021



Gambar Rajah 139: Pencapaian Peningkatan Pendapatan Tahun 2021




NCER

UMP Advanced telah diberikan kepercayaan oleh NCER untuk melaksanakan Program JomNiaga@NCER. Program ini merupakan satu program Latihan kemahiran dan keusahawanan yang diilhamkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan masyarakat di Wilayah Koridor Utara iaitu di negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Program ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membantu memulihkan ekonomi dan melahirkan usahawan yang berdaya saing dengan menggunakan medium pemasaran dalam talian sebagai elemen utama di era pasca Pandemik COVID-19.




- ✓ Fokus kepada Kategori B40
- ✓ 1,850 peserta
- ✓ Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Selama Satu Bulan
- ✓ Usahawan yang Berjaya

Carta 34: Perincian Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan 2019-2021 (empowerNCER)



Gambar Rajah 140: Pencapaian Penempatan Pekerjaan dan Melahirkan Usahawan Tahun 2021



Gambar Rajah 141: Pencapaian Peningkatan Pendapatan Tahun 2021

- ✓ 61% Pendapatan bawah RM500 capai RM1,200 atau pendapatan melebihi RM500 capai 80 peratus peningkatan.



Empower ECER Mahkota bangkit pertingkat ekonomi rakyat

Program lahir usahawan luar bandar mampu raih sehingga RM15,000 sebulan

NCIA tingkat kualiti, kemahiran golongan B40

275 peserta, 50,000 peserta, 246 peserta

Program tingkat kemahiran, ilmu peserta OSH, kulineri

NCIA tingkat kualiti, kemahiran golongan B40

EmpowerNCER bantu komuniti Batang Padang

Empower NCER manfaat ilmu dengan program amal

Empower NCER tingkat taraf h

ECERDC berjaya capai objektif

Lebih 100 peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Empower ECER

Empower NCER tingkat taraf h



UMP Holdings Sdn. Bhd.

UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH)



UMP Holdings Sdn. Bhd. (UMPH) ditubuhkan mengikut Akta Syarikat 2016 dan berdaftar secara rasminya pada 8 Mac 2004 dengan matlamat untuk menjadi pemain utama dalam pembangunan, pembinaan dan pengurusan hartanah. Sepanjang perjalanan UMPH, syarikat ini telah berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan telah berjaya mencapai misi untuk mencabar status quo dengan melibatkan diri dalam pembangunan rumah sejahtera, projek perumahan pertama dengan kerjasama kerajaan Negeri Pahang bagi kumpulan B40 pada tahun 2017.

Visi

Untuk menjadi syarikat pemegang pelaburan progresif yang memberikan nilai mampan kepada semua pemegang taruh.

Pernyataan Misi

- UMPH adalah sebuah entiti iaitu perniagaan teras UMPH adalah usaha sama berkaitan hartanah, penyediaan perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu, tenaga boleh diperbaharui dan pengkomersialan teknologi.
- UMPH memanfaatkan perniagaan teras bagi memaksimumkan pulangan kepada pihak berkepentingan UMPH.

Nilai

UMPH menjalankan perniagaan dengan integriti tertinggi dan standard profesional.

Selaras dengan peralihan ke arah pendigitalan, UMPH juga berada di barisan hadapan dalam melaksanakan Revolusi Industri 4.0 dalam projek pembinaan yang diceburi. CIDB dan Pusat MyBIM, melalui *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) telah mengiktiraf kepakaran *Building Information Modelling* (BIM) dan telah melantik UMPH bagi menjadi jurulatih atau rakan kongsi rasmi dalam latihan BIM untuk Pantai Timur dan Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Ideologi


UMPH yakin kepada tiga ideologi asas teras yang penting dalam mengekalkan kelebihan daya saing dan menyampaikan kepada setiap keluarga triumph.

- ✓ Bermatlamat Besar
- ✓ Kekal Fokus
- ✓ Evolusi Berterusan


Usaha ini telah membuahkan hasil. Pada tahun 2019, UMPH telah menjadi syarikat kedua di Pahang dianugerahkan Empat Bintang dalam Penarafan SKOR Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Sebagai tambahan, pada awal tahun 2019 juga, UMPH juga telah berjaya memperoleh ISO 9001:2015.

Struktur Syarikat

Gambar Rajah 142: Struktur Utama Syarikat



Gambar Rajah 143: Struktur Investment and Management Company



Wawasan Perniagaan

UMP Holdings Sdn. Bhd.

Pembangunan Harta Tanah

Perniagaan yang terdiri daripada pelbagai elemen yang berbeza, termasuk membina harta tanah sepenuhnya atau *greenfield*, mengubah suai harta sedia ada dan mengubah harta tanah untuk melaksanakan fungsi yang berbeza daripada yang asalnya.

Building Information Modelling

Rakan kongsi CIDB dan LLM yang ditubuhkan dan diperakui iaitu kekuatan teras terletak pada keupayaan untuk mencipta dan mengurus maklumat mengenai projek pembinaan sepanjang keseluruhan kitaran hayatnya melalui penerangan digital termasuk gabungan model 3D yang kaya maklumat dan data berstruktur yang berkaitan seperti maklumat produk, pelaksanaan dan penyerahan.

Pelaburan

Mengambil bahagian dan terlibat dalam pelbagai peluang pelaburan terutamanya (tidak terhad kepada) harta tanah dan penggabungan dan pemerolehan.

UMP Services Sdn. Bhd.

Kerja Berat

Awam dan Seni Bina

Berurusan secara profesional dengan reka bentuk, pembinaan dan penyelenggaraan persekitaran fizikal dan binaan semula jadi, termasuk kerja awam seperti jalan raya, jambatan, sistem kumbahan, saluran paip dan komponen struktur bangunan.

Elektrik

Keupayaan untuk mereka bentuk, membangun, menguji dan menyelia pembuatan peralatan elektrik, seperti motor elektrik, litar perindustrian dan bangunan, sistem komunikasi dan peralatan penjanaan kuasa.

Pendingin Hawa

Menyediakan perkhidmatan dan pembaikan, penyelesaian masalah dan pemasangan pendingin hawa untuk industri dan kediaman.

Kerja ringan

Servis Pembersihan

Menyediakan perkhidmatan pembersihan sektor komersial, pejabat dan pembersihan rumah yang terbaik 24 jam oleh pekerja yang terlatih.

Servis Landskap

Memperkasakan transformasi ruang luar sama ada dengan menanam, membina, atau menyusun semula tumbuhan yang memberi keindahan pada kanvas landskap pelanggan.

Pengurusan Front-Office

Membangunkan dan mengekalkan pangkalan data maklumat tetamu yang komprehensif, menyelaraskan perkhidmatan tetamu, dan memastikan kepuasan tetamu 100 peratus.

Pengurusan Pantri

Memastikan penyelenggaraan pantri dengan betul dan sedia untuk berhubung dengan pesanan stok, memastikan penghantaran masa barangan, pemeriksaan stok dan nasihat mengenai amalan pengurusan pantri profesional yang lain.

Sewaan Tumbuhan Pasu

Perkhidmatan termasuk pemangkasan, penyiraman, pembajaan, pembersihan dan penggantian tumbuhan berjadual di premis pelanggan.

Sewaan Peralatan Pembersihan

Menyediakan peralatan kebersihan untuk digunakan dalam ruang mengambil wuduk, bilik air, dapur dan kawasan kegunaan umum. Peralatan dicadangkan akan digunakan di mana-mana kawasan bilik air, digantikan tanpa caj untuk kerosakan dan diservis sepenuhnya serta diselenggarakan oleh pakar berdedikasi.

Servis Disinfeksi

Menawarkan perkhidmatan pembasmian kuman komersial dengan cara yang lebih komprehensif dan profesional oleh pakar yang terlatih.

Kawalan Serangga Perosak

Menyediakan perkhidmatan kawalan serangga perosak yang komprehensif untuk industri dan kediaman.

Pendingin Hawa

Menyediakan perkhidmatan dan pembaikan, penyelesaian masalah dan pemasangan pendingin hawa untuk industri dan kediaman.

UMP Technology Sdn. Bhd.**Pengkomersialan Teknologi**

Menyediakan bantuan dalam pelan, perundingan, dan panduan untuk strategi pengkomersialan yang melibatkan inovasi dan perniagaan. Dengan lebih beratus-ratus pakar, boleh membantu menyelesaikan masalah dengan teknologi inovatif yang dibangunkan secara tempatan. Pasukan bersedia untuk berkhidmat kepada pelbagai industri dengan fokus utama berdasarkan persekitaran kampus. Daripada pendidikan sehinggalah ke harta intelek, UMPH sedia membantu.

Perundingan dan Latihan

Sebagai pakar dalam Pematangan Teknologi-Pelabur, komited ke arah pemasaran dan perdagangan produk, kepakaran dan teknologi UMP yang berjaya. Selain itu, UMPH menyediakan perkhidmatan perundingan standard kelas tinggi, bersama-sama dengan latihan bersepadu untuk semua pemain industri.

Penglesenan Harta Intelek (IP)

Dengan kepakaran profesional, UMPH menyediakan pendekatan yang lengkap untuk meningkatkan elemen yang paling penting bagi ciptaan 'berharga' dan organisasi. Akses kepada lebih daripada 1,000 pakar teknologi dan 700 Harta Intelek adalah pemangkin yang dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan perniagaan.

UCT Solutions Sdn. Bhd.

Solusi Air Menyeluruh

Pemain industri yang berpengalaman dalam menawarkan penyelesaian menyeluruh dalam industri air, air minuman dan perkhidmatan air sisa (termasuk rawatan kumbahan) kepada sektor kediaman, komersial, dan perindustrian.

Perdagangan Kimia

Rangkaian yang luas dengan pembekal kimia utama di peringkat serantau dan global, dan dapat membekalkan produk kimia yang memenuhi permintaan.

Ujian dan Perkhidmatan Makmal

Menawarkan pelbagai perkhidmatan analisis persampelan air yang komprehensif yang meliputi lima parameter DOE untuk membantu memenuhi keperluan kawal selia syarikat.

UMP Energy Sdn. Bhd.

Pasukan Pemasangan dan Pemantauan Kemudahan Solar

Membantu mewujudkan penjimatan tenaga yang lebih baik dan penggunaan tenaga domestik yang mesra alam.

Pengurusan Tenaga

Menyediakan perkhidmatan pemuliharaan dan pengurusan tenaga untuk perniagaan untuk menguruskan penggunaan tenaga mereka dengan cara yang paling berkesan dan maju.

Kontrak Tenaga Prestasi

Menawarkan 'pembiayaan kreatif' untuk peningkatan modal yang membolehkan pembiayaan peningkatan tenaga daripada pengurangan kos.

Imani Agro Industries Sdn. Bhd.

Air Osmosis Berbalik

Air minuman yang disahkan halal di bawah nama IMANI dengan pelbagai varians produk (18.9 liter, 5 liter, 1.5 liter, 500 ml, 350 ml dan 250 ml) untuk memenuhi permintaan komersial dan domestik.

Produk OEM

Menawarkan pelbagai produk OEM dan reka bentuk untuk membangunkan penjenamaan dan keberadaan perniagaan yang terbaik untuk pelanggan.

Teknologi untuk Masyarakat

Teknologi untuk Masyarakat

Jadual 213: Senarai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan Khidmat Komuniti Tahun 2021

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Kajian Impak Program Pendidikan Yayasan Bank Rakyat (YBR)	Januari 2021	UMP
2.	Bengkel Asas Robotik, Pengaturcaraan Mikropengawal, Pengaturcaraan, Microsoft Office dan Penggunaan <i>Google Classroom</i> Bersama Warga Pendidik		Dalam Talian
3.	Misi Sukarelawan Pascabanjir	Januari, Disember 2021	Kuantan, Pekan, Temerloh, Mentakab
4.	<i>Solidworks Workshop</i>	2 Januari 2021	Dalam Talian
5.	<i>Webinar: Occupational Safety and Health ACT 1994</i>	2 Januari 2021	Dalam Talian
6.	Program <i>Back to School</i>	9 Jan 2021	Mydin, Kuantan
7.	<i>Speak Up 4.0</i>	22 Februari 2021	
8.	<i>Earth Hour 2021 #connect2earth Pledge for Nature Contest</i>	1 Mac 2021	Dalam Talian



BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
9.	Sekolahku Universitiku	12 hingga 14 Mac, 19 hingga 21 Mac dan 26 hingga 28 Mac 2021	Sekolah Kebangsaan Pulau Pasir Mandi, Temerloh
10.	Penggambaran <i>Notes from Nature Episode</i> Purun Temurun Bersama RTM	21 Mac 2021	Kampung Runchang, Pekan
11.	Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Pahang	27 Mac 2021	Sungai Balok, Kuantan
12.	Ziarah Prihatin PRInT	14 April 2021	Taman Seri Inderapura
13.	<i>Engineering for Life</i>	18 April 2021	Dalam Talian
14.	Forum Pencarian Rumah Sewa	25 April 2021	
15.	Khatam Jamaie	26 April 2021	
16.	<i>Program Kebajikan Preloved with Love</i>	10 April 2021	
17.	<i>CIDB Green Card Workshop</i>	10 April 2021	
18.	Mahasiswa Celik Kewangan	3 April 2021	
19.	<i>KAUMP Doodle Challenge</i>	3 Mei 2021	
20.	<i>1 Webinar: Internship in Germany 101</i>	22 Mei 2021	
21.	<i>Beauty And Skincare Talk</i>	30 Mei 2021	
22.	<i>Career Talk</i>	28 Mei 2021	
23.	<i>Arduino Robotics 12 - SMK Pekan</i>	5 Mei 2021	
24.	<i>CADEC Industrial Talk : Embarking Your Internship and Career</i>	28 Mei 2021	
25.	Aku Mahasiswa Luar Kampus	5 Jun 2021	
26.	<i>Effective e-Mail Writing</i>	2 Jun 2021	
27.	Program Forum Webinar Cabaran dan Solusi PDPR Di Luar Bandar: Tip Praktikal Penyediaan Bahan Pengajaran dan Penilaian Berkualiti	29 Jun 2021	FB ICoN (https://www.facebook.com/ICONUMP)
28.	<i>UMP Virtual Run and Ride for Palestine</i>	12 September hingga 30 Oktober 2021	Dalam Talian






LAPORAN PENYATA KEWANGAN 2021

PRESTASI KEWANGAN 2021


Bagi tahun 2021, pada keseluruhannya universiti telah membelanjakan sebanyak RM349.86 juta iaitu peningkatan sebanyak 0.12% (RM0.43 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2020 sebanyak RM349.43 juta. Hasil universiti bagi tahun 2021 ialah sebanyak RM340.20 juta iaitu menurun sebanyak 16.24% (RM65.94 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2020 (RM406.14 juta).


Carta 1: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2017-2021



Perbelanjaan universiti telah dibiayai oleh pemberian dari Kerajaan berjumlah RM250.56 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM218.11 juta, Kumpulan Wang Pembangunan RM20.53 juta, Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM6.98 juta dan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM4.94 juta.

Carta 2: Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2021 dan 2020







Sebanyak RM349.86 juta telah dibelanjakan pada tahun 2021 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM227.78 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM11.84 juta, belanja pembangunan berjumlah RM27.58 juta, belanja amanah berjumlah RM9.50 juta dan belanja anak syarikat berjumlah RM73.16 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi emolumen iaitu RM160.63 juta atau 45.91%. Jumlah ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM7.58 juta atau 4.95% dibandingkan dengan jumlah emolumen pada tahun 2020.

Perbelanjaan ke atas perkhidmatan dan bekalan adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM120.40 juta atau 34.41% meningkat sebanyak RM33.37 juta atau 38.34% daripada RM87.03 juta pada tahun 2020.

Carta 3: Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2021 dan 2020.






KUMPULAN WANG PENGURUSAN


Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan universiti melalui hasil yuran pelajar dan hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2021 meningkat sebanyak 1.85% (RM4.42 juta), daripada RM238.65 juta pada tahun 2020 kepada RM243.07 juta pada tahun 2021.

Carta 4: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pengurusan Tahun 2017–2021




Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM218.11 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh kerajaan bagi tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 5.95% (RM12.24 juta) berbanding pada tahun 2020 sebanyak RM205.87 juta. Hasil dari urusniaga pertukaran menurun daripada RM32.79 juta pada tahun 2020 kepada RM24.96 juta pada tahun 2021, penurunan sebanyak 23.88% (RM7.83 juta).

Carta 5: Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan Tahun 2021 dan 2020



Manakala perbelanjaan pengurusan universiti bagi tahun 2021 adalah berjumlah RM273.59 juta iaitu penurunan sebanyak 4.45% (RM12.74 juta) berbanding RM286.33 juta pada tahun 2020. Daripada jumlah ini sebanyak RM147.21 juta atau 53.81% adalah merupakan perbelanjaan ke atas emolumen. Perbelanjaan sewaan berjumlah RM42.71 juta atau 15.61% daripada jumlah keseluruhan, penurunan sebanyak RM8.03 juta berbanding pada tahun 2020.


Carta 6: Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2021 dan 2020




KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan UMP adalah untuk pembinaan kampus tetap di Kuala Pahang, Pekan, Pahang. Bagi tahun kewangan 2021, geran peruntukan yang diterima dari Kementerian Pendidikan Tinggi adalah sebanyak RM8.95 juta. Perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2021 adalah sebanyak RM16.12 juta.

Carta 7: Perbandingan Peruntukan Tunai Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2017-2021



CARTA 8: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2017-2021



KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN


Peratusan perbelanjaan telah menunjukkan penurunan dari RM13.41 juta dalam tahun 2020 kepada RM11.84 juta dalam tahun 2021. Terdapat penurunan kepada pendapatan iaitu daripada RM9.11 juta dalam tahun 2020 kepada RM8.47 juta dalam tahun 2021.

Carta 9: Perbandingan Pendapatan, Perbelanjaan dan Baki Kumpulan Wang Penyelidikan Tahun 2017-2021

RM Juta



RM Juta



KUMPULAN WANG PENDAPATAN

Jumlah hasil Kumpulan Wang Pendapatan ialah sebanyak RM9.28 juta. Hasil faedah dan dividen menunjukkan 21.55% daripada jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pendapatan iaitu sebanyak RM2.00 juta. Ia menurun 42.36% atau RM1.47 juta berbanding tahun lalu. Baki hasil dari Kumpulan Wang Pendapatan adalah dari pendapatan sewa dan lain-lain pendapatan berjumlah RM7.28 juta.

KUMPULAN WANG PINJAMAN

Bilangan staf yang mendapat pinjaman kenderaan pada tahun 2021 telah meningkat kepada 211 orang staf berbanding 190 orang staf pada tahun 2020. Manakala bagi pinjaman komputer juga telah meningkat kepada 48 orang staf bagi tahun 2021 berbanding 36 orang staf pada tahun 2020. Jumlah keseluruhan pinjaman yang telah digunakan sehingga tahun 2021 adalah sebanyak RM3.70 juta bagi pinjaman kenderaan dan RM0.13 juta bagi pinjaman komputer.



CARTA 10 : Bilangan Staf yang Mendapat Pinjaman Komputer dan Kenderaan sehingga 2021

Butiran	Nilai Tabung	Jumlah Pinjaman	Bilangan Staf yang Mendapat Pinjaman		Baki Tabung
			2020	2021	
Pinjaman Kenderaan	RM6.0 juta	RM3.70juta	190	211	RM2.30 juta
Pinjaman Komputer	RM0.5 juta	RM0.13juta	36	48	RM0.37 juta
Jumlah	RM6.5 juta	RM3.83juta	126	259	RM2.67 juta

PEROLEHAN HARTA MODAL

Pada tahun 2021, jumlah perolehan harta modal adalah sebanyak RM33.29 juta menurun sebanyak 64.59% (RM60.71 juta) berbanding pada tahun 2020 sebanyak RM94.00 juta. Perolehan infrastruktur merupakan perolehan yang terbesar daripada jumlah keseluruhan perolehan harta modal bagi tahun 2021.

Carta 11: Pecahan Perolehan Harta Modal Tahun 2021 dan 2020.





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (*Akta 30*) serta Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Pahang atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Pahang atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan.
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (*Akta 30*) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 12 dalam penyata kewangan.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (*Akta 30*) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
27 APRIL 2022



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN dan PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG dan kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG dan kumpulan pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



TAN SRI DATO' SRI DR. ABDUL AZIZ BIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh : 27 APR 2022
UMP, KUANTAN



PROFESOR DATO' TS. DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
Naib Canselor/Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 27 APR 2022
UMP, KUANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, ZAINUDIN BIN OTHMAN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG dan kumpulan dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenar dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
di Kuantan
pada

27 APR 2022

)
)
)
)


ZAINUDIN BIN OTHMAN
No. K/P 660507-04-5253

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
		Dinyatakan semula			
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	6	693,921,694	716,400,750	689,350,088	713,089,085
ASET TIDAK KETARA	7	997,197	649,493	950,038	537,144
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	8	28,558,544	31,273,115	27,252,191	31,091,111
PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	9	114,001	85,000	-	-
PELABURAN HARTANAH	10	269,224,249	271,728,088	-	-
PELABURAN LAIN-LAIN	11	1,250,000	1,000,000	-	-
ASET CUKAI TERTUNDA		49,516	-	-	-
PELABURAN ANAK SYARIKAT	12	-	-	6,000,002	6,000,002
		994,115,201	1,021,136,446	723,552,319	750,717,342
ASET SEMASA					
Inventori	13	442,305	605,016	-	-
Penghutang	14	34,772,787	27,850,719	1,554,179	4,115,150
Pelbagai Penghutang dan Deposit	15	30,734,053	25,449,849	27,686,085	24,630,053
Pendahuluan kepada Anak Syarikat	16	-	-	32,696,477	33,736,746
Penghutang Pinjaman	17	4,786,165	4,384,853	4,786,165	4,384,853
Percukaian		308,160	-	-	-
Tunai dan Kesetaraan Tunai	18	162,894,136	172,145,975	127,410,561	131,706,892
		233,937,606	230,436,412	194,133,467	198,573,694
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang	19	76,803,924	71,656,980	62,319,998	51,204,822
Pinjaman	20	7,388,904	7,496,078	-	-
Percukaian		4,949,319	127,682	-	-
Cagaran dan Pertaruhan	21	5,174,188	5,493,104	5,049,525	5,493,104
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	22	736,261	507,764	736,261	507,764
		95,052,596	85,281,608	68,105,784	57,205,690
ASET SEMASA BERSIH		138,885,010	145,154,804	126,027,683	141,368,004
		1,133,000,211	1,166,291,250	849,580,002	892,085,346
DIBIYAI OLEH :					
KUMPULAN WANG MENGURUS	23	254,449,344	261,379,032	2,914,970	24,915,079
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	24	645,352,796	652,255,986	645,352,796	652,255,986
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	25	11,619,043	8,132,282	11,619,043	8,132,282
KUMPULAN WANG AMANAH	26	39,490,617	29,190,441	39,490,617	29,190,441
KUMPULAN WANG PENDAPATAN	27	2,237,462	24,707,092	8,237,465	30,707,095
KUMPULAN WANG PINJAMAN	28	7,618,080	7,618,080	7,618,080	7,618,080
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK	29	500,000	500,000	500,000	500,000
ENDOWMEN	30	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000
KEPENTINGAN BUKAN MENGAWAL		918,245	1,150,318	-	-
		972,185,587	994,933,231	725,732,971	763,318,963
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman	20	36,626,734	42,379,570	-	-
Pinjaman Sewa Beli		330,129	212,066	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda		10,730	-	-	-
Liabiliti Pajakan Jangka Panjang	31	123,500	123,536	123,500	123,536
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	32	13,768,745	8,244,763	13,768,745	8,244,763
Pendapatan Tertunda - Pembangunan	33	75,071,166	85,616,891	75,071,166	85,616,891
Pendapatan Tertunda - Penyelidikan	34	28,661,681	28,715,529	28,661,681	28,715,529
Pendapatan Tertunda - Amanah	35	6,221,939	6,065,664	6,221,939	6,065,664
		160,814,624	171,358,019	123,847,031	128,766,383
		1,133,000,211	1,166,291,250	849,580,002	892,085,346

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
			Dinyatakan semula		
PENDAPATAN					
Urusniaga Bukan Pertukaran	36	250,565,444	309,366,683	250,565,444	309,366,683
Urusniaga Pertukaran	37	88,403,404	95,065,910	47,836,077	52,926,365
Lain-lain Hasil	38	1,229,939	1,710,538	87,014	179,159
JUMLAH PENDAPATAN		340,198,787	406,143,131	298,488,535	362,472,207
Tolak : PERBELANJAAN					
Emolumen		160,633,200	153,050,138	147,238,392	140,442,172
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup		1,832,027	3,292,578	1,832,027	3,292,578
Pengangkutan barang-barang		12,880	154,239	12,880	154,239
Perhubungan dan utiliti		10,560,627	11,832,807	10,560,627	11,832,807
Sewaan		8,679,075	12,267,886	42,846,339	51,393,458
Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan		1,464,698	1,697,165	1,464,698	1,697,165
Bekalan dan bahan-bahan lain		9,733,939	13,339,745	9,761,837	13,371,920
Penyelenggaraan / pembaikan kecil yang dibeli		12,479,979	14,304,872	24,007,207	26,229,875
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		84,311,393	42,411,719	40,406,569	43,329,606
Susut nilai		34,867,378	43,192,863	34,038,336	42,334,141
Kerugian dari syarikat bersekutu		-	-	-	-
Lain-lain perbelanjaan		20,345,914	53,715,634	10,339,185	7,847,801
JUMLAH PERBELANJAAN		344,921,110	349,259,646	322,508,097	341,925,762
Lebihan / Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(4,722,323)	56,883,485	(24,019,562)	20,546,445
Cukai		4,942,555	169,405	-	-
Lebihan / Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		(9,664,878)	56,714,080	(24,019,562)	20,546,445
KUMPULAN WANG TERKUMPUL DIBAWA KE HADAPAN		263,956,109	207,242,029	186,907,150	166,360,705
KUMPULAN WANG TERKUMPUL DIHANTAR KE HADAPAN		254,291,231	263,956,109	162,887,588	186,907,150
Jumlah Lebihan / Kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai bagi tahun semasa diagihkan kepada:					
Pemilik syarikat		(9,324,141)	55,805,709	(24,019,562)	20,546,445
Kepentingan minoriti		(340,737)	908,371	-	-
		(9,664,878)	56,714,080	(24,019,562)	20,546,445

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

KUMPULAN

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Pembangunan Staf Akademik	Endowment	Kepentingan Bukan Mengawal	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan Sebelum)	213,189,015	594,006,546	4,414,395	34,767,130	62,749,514	7,618,080	500,000	10,000,000	(179,602)	927,065,078
Pelarasan	23,586,443	(2,778,996)	(145,796)	(10,077,379)	887,729	-	-	-	421,549	11,893,550
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	236,775,458	591,227,550	4,268,599	24,689,751	63,637,243	7,618,080	500,000	10,000,000	241,947	938,958,628
Geran Kerajaan	205,865,300	94,026,384	8,283,252	1,191,747	-	-	-	-	-	309,366,683
Pendapatan Lain	76,458,596	-	827,322	11,420,682	8,069,849	-	-	-	-	96,776,449
	519,099,354	685,253,934	13,379,173	37,302,180	71,707,092	7,618,080	500,000	10,000,000	241,947	1,345,101,760
Tolak:										
Perbelanjaan	(293,844,187)	(32,997,948)	(13,405,287)	(9,197,285)	-	-	-	-	-	(349,444,707)
Dividen Dibayar	(1,550,000)	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,550,000)
Pindahan ke Kumpulan Wang	(2,366,241)	-	(60,000)	(39,459)	(47,000,000)	-	-	-	-	(49,465,700)
Pindahan dari Kumpulan Wang	40,040,106	-	8,218,396	1,125,005	-	-	-	-	-	49,383,507
Kepentingan Minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	908,371	908,371
Baki pada 31 Disember 2020	261,379,032	652,255,986	8,132,282	29,190,441	24,707,092	7,618,080	500,000	10,000,000	1,150,318	994,933,231
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan Sebelum)	261,379,032	652,255,986	8,132,282	29,190,441	24,707,092	7,618,080	500,000	10,000,000	1,150,318	994,933,231
Pelarasan	(14,301,972)	144,696	(1,171,024)	2,281,766	(144,896)	-	-	-	-	(13,191,430)
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	247,077,060	652,400,682	6,961,258	31,472,207	24,562,196	7,618,080	500,000	10,000,000	1,150,318	981,741,801
Defisit Tahun Semasa	(15,820,929)	(7,047,886)	(3,375,427)	7,644,835	9,275,266	-	-	-	(340,737)	(9,664,878)
Pindahan ke Kumpulan Wang	(4,853,199)	-	-	(48,552)	(31,600,000)	-	-	-	-	(36,501,751)
Pindahan dari Kumpulan Wang	28,046,412	-	8,033,212	422,127	-	-	-	-	-	36,501,751
Kepentingan Minoriti	-	-	-	-	-	-	-	-	108,664	108,664
Baki pada 31 Disember 2021	254,449,344	645,352,796	11,619,043	39,490,617	2,237,462	7,618,080	500,000	10,000,000	918,245	972,185,587

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

UNIVERSITI

	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Penyelidikan	Kumpulan Wang Amanah	Kumpulan Wang Pendapatan	Kumpulan Wang Pinjaman	Kumpulan Wang Pembangunan Star Akademik	Endowmen	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan Sebelum)									
Pelarasan	11,120,943	594,006,546	4,414,395	34,767,130	68,749,516	7,618,080	500,000	10,000,000	731,176,610
	23,792,543	(2,778,996)	(145,796)	(10,077,379)	887,730	-	-	-	11,678,102
Baki pada 1 Januari 2020 (Dinyatakan semula)	34,913,486	591,227,550	4,268,599	24,689,751	69,637,246	7,618,080	500,000	10,000,000	742,854,712
Geran Kerajaan	205,865,300	94,026,384	8,283,252	1,191,747	-	-	-	-	309,366,683
Pendapatan Lain	32,787,671	-	827,322	11,420,682	8,069,849	-	-	-	53,105,524
	273,566,457	685,253,934	13,379,173	37,302,180	77,707,095	7,618,080	500,000	10,000,000	1,105,326,919
Tolak:									
Perbelanjaan	(286,325,241)	(32,997,948)	(13,405,287)	(9,197,285)	-	-	-	-	(341,925,761)
Pindahan ke Kumpulan Wang	(2,366,242)	-	(60,000)	(39,459)	(47,000,000)	-	-	-	(49,465,701)
Pindahan dari Kumpulan Wang	40,040,105	-	8,218,396	1,125,005	-	-	-	-	49,383,506
Baki pada 31 Disember 2020	24,915,079	652,255,986	8,132,282	29,190,441	30,707,095	7,618,080	500,000	10,000,000	763,318,963
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan Sebelum)									
Pelarasan	24,915,079	652,255,986	8,132,282	29,190,441	30,707,095	7,618,080	500,000	10,000,000	763,318,963
	(14,676,972)	144,696	(1,171,024)	2,281,766	(144,896)	-	-	-	(13,586,430)
Baki pada 1 Januari 2021 (Dinyatakan semula)	10,238,107	652,400,682	6,961,258	31,472,207	30,562,199	7,618,080	500,000	10,000,000	749,752,533
Defisit Tahun Semasa	(30,516,350)	(7,047,886)	(3,375,427)	7,644,895	9,275,266	-	-	-	(24,019,562)
Pindahan ke Kumpulan Wang	(4,853,199)	-	-	(48,552)	(31,600,000)	-	-	-	(36,501,751)
Pindahan dari Kumpulan Wang	28,046,412	-	8,033,212	422,127	-	-	-	-	36,501,751
Baki pada 31 Disember 2021	2,914,970	645,352,796	11,619,043	39,490,617	8,237,465	7,618,080	500,000	10,000,000	725,732,971

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Tunai diterima dari kerajaan	218,108,300	205,865,300	218,108,300	205,865,300
Tunai diterima dari pelanggan	70,968,866	103,161,810	41,866,769	48,712,691
Tunai dibayar kepada pembekal dan staf	(281,810,171)	(316,356,423)	(265,371,189)	(287,748,505)
	<u>7,266,995</u>	<u>(7,329,313)</u>	<u>(5,396,120)</u>	<u>(33,170,514)</u>
ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI				
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian Hartanah,Loji dan Peralatan	(19,155,711)	(11,922,510)	(16,621,067)	(10,890,867)
Pembelian Aset Tidak Ketara	(553,081)	(386,583)	(553,081)	(386,583)
Terimaan daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	1,221	2,203,393	534	1,039
Pembayaran Pembinaan dalam kemajuan	(10,560,527)	(7,626,942)	(9,940,661)	(7,626,942)
Pembelian Saham Keutamaan Boleh Tebus	(250,000)	-	-	-
Jualan Pelaburan anak syarikat	(271,884)	236,790	-	-
	<u>(30,789,982)</u>	<u>(17,495,852)</u>	<u>(27,114,275)</u>	<u>(18,903,353)</u>
ALIRAN TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN				
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran Pembangunan Diterima	8,950,000	16,260,150	8,950,000	16,260,150
Geran Penyelidikan Diterima	8,491,904	6,946,172	8,491,904	6,946,172
Geran Amanah Diterima	5,427,161	3,603,446	5,427,161	3,603,446
Pemulangan Geran Amanah	(80,000)	(82,543)	(80,000)	(82,543)
Dividen Diterima	-	-	5,425,000	-
Dividen Dibayar	-	(1,175,000)	-	-
Cukai Dibayar	-	(6,045)	-	-
Pembayaran Balik Pemiutang Sewa beli	(124,234)	(73,257)	-	-
Hasil Daripada Sewabeli	-	-	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman Berjangka	(5,752,836)	(2,006,874)	-	-
Faedah Diterima	198,514	263,688	-	-
Faedah Dibayar	(2,802,704)	(2,848,154)	-	-
Pendahuluan Kepada Pengarah	(36,657)	24,000	-	-
Pinjaman Syarikat Induk	-	79,051	-	-
	<u>14,271,148</u>	<u>20,984,634</u>	<u>28,214,065</u>	<u>26,727,225</u>
ALIRAN TUNAI BERSIH DIJANA DARI / (DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PEMBIAYAAN				
PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN	(9,251,839)	(3,840,531)	(4,296,330)	(25,346,642)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	172,145,975	175,986,506	131,706,891	157,053,533
	<u>162,894,136</u>	<u>172,145,975</u>	<u>127,410,561</u>	<u>131,706,891</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN				
TUNAI DAN KESETARAAN Simpanan Tetap	18 143,078,789	147,405,492	123,830,000	129,480,000
Wang di tangan dan di bank	19,815,347	24,740,483	3,580,561	2,226,891
	<u>162,894,136</u>	<u>172,145,975</u>	<u>127,410,561</u>	<u>131,706,891</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR	VARIAN BAJET [^]
	Asal RM	Akhir RM		
PENERIMAAN				
Pemberian Kerajaan	219,722,000	241,447,900	218,108,300	23,339,600
Yuran Pengajian	-	15,062,000	17,740,486	(2,678,486)
Yuran Pelbagai	-	8,480,000	4,807,478	3,672,522
Pendapatan Lain	-	17,458,000	2,414,649	15,043,351
JUMLAH PENERIMAAN	219,722,000	282,447,900	243,070,913	39,376,987
PERUNTUKAN				
Emolumen				
Gaji dan Upahan	104,245,200	99,961,300	99,547,561	413,739
Elaun Tetap	26,002,000	26,411,676	26,268,570	143,106
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	17,255,300	18,192,863	18,122,114	70,749
Elaun Lebih Masa	-	1,031,948	1,030,623	1,325
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	219,500	2,246,196	2,245,452	744
	147,722,000	147,843,983	147,214,320	629,663
Perkhidmatan & Bekalan				
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	-	1,477,740	1,474,281	3,459
Pengangkutan Barang-barang	-	29,230	11,780	17,450
Perhubungan dan Utiliti	20,350,000	10,532,730	10,530,829	1,901
Sewaan	22,387,000	43,851,072	42,711,000	1,140,072
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	-	1,228,486	1,224,713	3,773
Bekalan dan Bahan-bahan lain	-	5,705,603	5,309,392	396,211
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil yang Dibeli	29,263,000	23,398,358	23,395,140	3,218
Perkhidmatan Iktis dan Perkhidmatan Lain yang dibeli dan Hospitaliti	-	26,937,580	24,781,885	2,155,695
	72,000,000	113,160,799	109,439,020	3,721,779
Harta Modal	-	3,672,129	3,345,596	326,533
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	-	2,788,637	2,780,825	7,812
Manfaat Kakitangan/Ganjaran	-	606,178	603,155	3,023
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	-	3,394,815	3,383,980	10,835
Bayaran-bayaran lain	-	6,524,427	6,896,049	(371,622)
JUMLAH	219,722,000	274,596,153	270,278,965	4,317,188

[^] Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021****1. KENYATAAN AM DAN AKTIVITI UTAMA****a. Am**

Semua dasar perakaunan yang digunakan adalah bersamaan dengan dasar-dasar asas perakaunan.

Universiti ini telah ditubuhkan di bawah Peruntukan (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Universiti ini mula ditubuhkan pada 16 Februari 2002. Fokus utama universiti ini adalah bagi membangunkan sumber manusia dan teknologi yang relevan dengan keperluan industri kimia dan petrokimia serta sumber asli dan industri pembuatan. Pada setakat 31 Disember 2021, universiti ini menempatkan seramai 16,891 orang pelajar dan disokong oleh 1,780 perjawatan merangkumi enam jawatan bagi pengurusan tertinggi, 799 jawatan bagi kumpulan akademik, 195 jawatan bagi kumpulan pengurusan dan profesional dan 780 jawatan bagi kumpulan pelaksana. Penyata kewangan setiap entiti dalam kumpulan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

Mata wang fungsian universiti adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam kumpulan dicatatkan dalam RM, yang mana merupakan mata wang fungsian universiti, dan mata wang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

b. Aktiviti Utama

Aktiviti utama universiti adalah sebagai pusat pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat kepada masyarakat. Selain menjalankan aktiviti di atas, universiti juga menjalankan beberapa aktiviti bercorak komersial yang dijalankan oleh entiti perniagaan seperti:

- i. Kegiatan-kegiatan di dalam bidang pengurusan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengumpulan dan penyebaran ilmu dan juga menjalankan aktiviti perundingan pengurusan.
- ii. Kegiatan-kegiatan di dalam perkhidmatan pakar runding dan pengendalian kursus jangka pendek dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.

c. Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti secara edaran pada 27 April 2022.

2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

a. Asas penyediaan

Penyata kewangan ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan mematuhi piawaian perakaunan dibawah '*Malaysian Public Sector Accounting Standards*' (MPSAS) yang diluluskan di Malaysia.

Pada tahun sebelumnya, Penyata Kewangan universiti telah disediakan mengikut piawaian *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)*.

b. Penyatuan akaun

i. Subsidiari-subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah di mana universiti mempunyai wakil dalam lembaga pengarah dan mempunyai pengaruh ke atas pengurusan syarikat.

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan universiti dan kesemua subsidiarinya. Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat di mana kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti syarikat-syarikat tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilan, hasil-hasil subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan diambil kira dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh berkuatkuasa pengambilan atau tarikh berkuat kuasa pelupusan mengikut kesesuaian.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti subsidiari dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan nilai ini ditunjukkan dalam lembaran imbalan disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dengan nilai saksama bahagian aset bersih kumpulan atas subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul atas penyatuan.

Urus niaga, baki dan hasil laba belum direalisasi di antara syarikat telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusanniaga dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasikan telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat dipulihkan.

c. Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Harta Tetap meliputi pembelian tanah, bangunan, kenderaan dan jentera serta peralatan tak luak yang dibeli atau yang didermakan dan mempunyai jangka hayat melebihi empat (4) hingga lima (5) tahun. Kos minima Harta Tetap ialah RM3,000.00 seunit. Kos kenderaan meliputi bayaran aksesori, pendaftaran dan lain-lain kos berkaitan (*on the road price*). Bagi perabot, penentuan harta tetap tertakluk kepada had minima iaitu RM3,000.00 seunit. Perabot/peralatan yang dibina dalam atau *attached* pada bangunan dan menjadi *permanent feature* pada bangunan tersebut tidak dikira sebagai perabot/peralatan tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kos bangunan.

Sesuatu item Hartanah, Loji dan Peralatan dinyah iktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyah iktiraf aset tersebut diambil kira dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyah iktiraf.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai harta tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka masa harta tersebut boleh digunakan. Tiada susut nilai dikenakan kepada tanah milik bebas. Manakala bagi tanah pajakan susut nilai dikenakan mengikut tempoh pajakan. Susut nilai bulanan dikenakan dalam tahun pembelian dan baki bersih setiap hartanah, loji dan peralatan bernilai tidak kurang dari RM1.

Kadar Susut Nilai	
%	
Tanah Pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	2
Ubah Suai	2
Peralatan Pejabat	20
Peralatan Makmal	20
Perabot dan Kelengkapan	20
Kenderaan	20
Peralatan Komputer dan Perisian	10 – 33.3
Infrastruktur	10

Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan dan direkodkan di dalam Sistem Perpustakaan.

Berdasarkan MPSAS 33, UMP akan menerima pakai keseluruhan aset infrastruktur mulai tahun 2020 hingga 2022.

d. Aset Tidak Ketara

Aset Tidak ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Pembelian perisian (*software*) secara berasingan daripada pakej dengan komputer dikelaskan sebagai aset tidak ketara. Pembelian perisian yang dibuat secara berasingan dikelaskan sebagai aset tidak ketara jika kosnya melebihi RM3,000.00. Susut nilai dikira secara bulanan sebanyak 33.3%.

e. Pembinaan dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan.

Pembinaan dalam kemajuan adalah mengikut kos pembinaan (peringkat bayaran) dan susut nilai tidak akan diperuntukkan. Segala kos pembinaan akan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan apabila Hartanah, Loji dan Peralatan tersebut telah mendapat Perakuan Siap dan Pematuhan.

f. Pelaburan

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Semasa pelupusan pelaburan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Peruntukan akan dibuat apabila terdapat penurunan nilai yang kekal dalam pelaburan tersebut.

g. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditetapkan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

h. Kos Pembangunan

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diagihkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut.

Jika hasil aktiviti pembangunan boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dengan merujuk kepada kaedah mengikut penyiapan. Peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada pembahagian kos pembangunan hartanah yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos pembangunan hartanah.

Jika hasil pembangunan hartanah tidak boleh dianggarkan dengan sewajarnya, hasil pembangunan hartanah diiktiraf setakat kos pembangunan hartanah yang ditanggung yang mungkin akan boleh diperolehi semula, dan kos pembangunan hartanah bagi hartanah yang dijual diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh ia dikenakan.

Sebarang kerugian yang dijangka atas projek pembangunan termasuk tempoh tanggungan liabiliti diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

i. Penghutang dan pelbagai penghutang

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang telah dijangka boleh direalisasikan. Peruntukan hutang ragu bagi penghutang pelajar dibuat berdasarkan kepada status pelajar gagal, berhenti dan diberhentikan manakala bagi penghutang lain peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan kepada status penghutang tidak aktif melebihi satu (1) tahun. Hutang lapuk dilupuskan setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti.

j. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi kewangan.

k. Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang hampir menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

I. Pengiktirafan Pendapatan

i. Urus Niaga Bukan Pertukaran

- a) Pendapatan diiktiraf atas dasar akruan manakala pemberian kerajaan bagi projek pembangunan pula akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunas mengikut projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

ii. Pendapatan Tertunda

Pemberian daripada kerajaan bagi tujuan pembangunan, penyelidikan dan amanah hanya dilunaskan di dalam penyata pendapatan setakat jumlah yang dibelanjakan berdasarkan syarat penyaluran pemberian tersebut yang telah dipenuhi. Jumlah perbelanjaan ini juga termasuk jumlah dalam tahun berkenaan.

iii. Urus Niaga Pertukaran

- a) Pendapatan untuk yuran pengajian dari pelajar berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.
- b) Pendapatan faedah dan dividen diiktiraf berasaskan akruan.

m. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, Gaji dan Bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh pekerja kumpulan. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh pekerja yang akan meningkat hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek adalah seperti cuti sakit diiktiraf semasa ketidakhadiran berlaku.

Kumpulan dan universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap atau tetap berpencen yang akan bersara pada tahun berikutnya. Pada tahun 2021, universiti telah memperuntukan Ganjaran Tamat Kontrak bagi staf kontrak *expatriate*.

ii. Pelan Caruman Tetap

Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, syarikat di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

iii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Jenis manfaat perkerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja tetap atau tetap berpencen sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun telah berkhidmat yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib. Kadar gaji akhir (anggaran) telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Pada tahun 2021, universiti telah memperuntukan Ganjaran Tamat Kontrak bagi staf kontrak *expatriate*.

n. Sewaan Pajak

Pihak universiti telah membuat sewaan pajak dan jumlah tersebut akan dipindahkan ke aset apabila tamat tempoh pajakan. Susut nilai tidak akan diperuntukkan.

o. Instrumen Kewangan**Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila kumpulan dan universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

iv) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, kumpulan dan universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor;
- pelanggaran kontrak;
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan;
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain; dan
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana kumpulan dan universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau kumpulan dan universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

q. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan.

r. Liabiliti dan Ekuiti**i) Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

ii) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang terbukti baki kepentingan dalam aset universiti selepas ditolak semua liabilitinya. Instrumen ekuiti diterbitkan oleh universiti, selain daripada yang dikeluarkan sebagai sebahagian daripada penggabungan perniagaan adalah diukur pada nilai saksama tunai atau sumber lain diterima, selepas ditolak kos urus niaga. Sekiranya bayaran ditunda dan nilai masa wang adalah ketara, pengukuran awal hendaklah berdasarkan pada asas nilai semasa.

iii) Instrumen Kewangan Kompaun

Perolehan daripada terbitan hutang boleh tukar atau instrumen kewangan kompaun yang serupa dikelaskan secara berasingan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti selaras dengan ciri-ciri pengaturan. Universiti pertamanya menentukan amaun komponen liabiliti dengan mengukur nilai saksama liabiliti yang serupa yang tidak mempunyai ciri-ciri penukaran atau komponen ekuiti berkaitan yang serupa. Universiti kemudiannya memperuntukan amaun baki sebagai komponen ekuiti. Kos urus niaga diperuntukan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti berdasarkan pada asas nilai saksama relatif.

Peruntukan itu tidak disemak semula dalam tempoh kemudian.

Dalam tempoh selepas instrumen kewangan kompaun telah diterbitkan, universiti mengambil kira komponen liabiliti. Bagi komponen liabiliti tersebut, universiti mengiktiraf secara sistematiknya sebarang perbezaan di antara komponen liabiliti dan jumlah pokok yang perlu dibayar pada tarikh matang sebagai perbelanjaan faedah tambahan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

iv) Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila kumpulan dan universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi universiti kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

v) Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

vi) Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

s. Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak UMP sahaja dan tidak mengambil kira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Instrumen kewangan kumpulan dan universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko kewangan kumpulan dan universiti adalah untuk mengenal pasti dan kawalan risiko yang terdedah kepada kumpulan dan universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi dan prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

a. Risiko Kadar Faedah

Kumpulan dan universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

b. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi janji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan kumpulan dan universiti. Kumpulan dan universiti terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang. Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian dan mengambil tindakan yang bersesuaian.

c. Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan dan univerti tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada wang yang cukup untuk memenuhi keperluan kesemua modal kerja.

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

4.1 Pertimbangan Kritikal dalam Mengguna Pakai Dasar-dasar Perakaunan

Penyediaan penyata kewangan yang memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah aset yang dilaporkan, pendapatan dan perbelanjaan liabiliti. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

4.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa depan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan penting terhadap amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya, selain daripada yang didedahkan seperti:

a. Kerugian Rosot Nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan Kumpulan terdiri daripada sebahagian besar jumlah aset kumpulan. Perubahan dalam anggaran tempoh penggunaan atau nilai aset Kumpulan ini amat bergantung kepada perubahan dalam teknologi atau keadaan industri berkaitan. Aset Kumpulan yang mempunyai jangka usia panjang seperti hartanah, loji dan peralatan boleh disemak semula terutamanya bagi rosot nilai sekurang-kurangnya secara tahunan atau apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak boleh diperolehi semula.

Jika sebarang petanda tersebut wujud, anggaran amaun boleh diperolehi semula boleh dilaksanakan. Amaun boleh diperolehi semula aset adalah amaun lebih besar daripada nilai saksama yang akan ditolak kos untuk dijual dan nilai boleh guna aset tersebut. Dalam membuat anggaran nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa, nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset dan

boleh mengakibatkan caj rosot nilai tambahan atau pembalikan rosot nilai dalam tempoh masa depan.

Pertimbangan ketara berhubungan dengan kedudukan hasil dan jumlah kos operasi turut diambil kira. Kumpulan menggunakan semua maklumat yang sedia ada dalam menentukan amaun yang munasabah bagi menentukan nilai, termasuk anggaran berdasarkan andaian dan unjuran hasil dan kos operasi yang munasabah berserta bukti sokongan. Perubahan dalam anggaran ini boleh memberi kesan yang ketara ke atas nilai bawaan aset dan boleh mengakibatkan caj rosot nilai tambahan atau pembalikan rosot nilai dalam tempoh masa depan.

a. Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat aset dalam jangka hayatnya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhirnya sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

5. PENYATUAN PENYATA KEWANGAN ANAK SYARIKAT

Penyata kewangan anak syarikat telah disediakan mengikut polisi perakaunan MPERS. Oleh yang demikian, penyesuaian yang sewajarnya dilakukan keatas laporan kewangan anak syarikat bagi memastikan penyata penyatuan kumpulan disediakan bagi memenuhi keperluan polisi perakaunan MPSAS 35.

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN

2021

KOS	Tanah Pajakan	Bangunan		Ubah Suai	Peralatan Pejabat	Peralatan Makmal	Perabot & Kelengkapan	Kenderaan	Komputer & Perisian	Infrastruktur	Peralatan Ladang & Papan Tanda	Jumlah
		RM	RM									
1 Januari	2,218,275	800,046,058	17,517,518	40,013,014	229,956,357	20,076,990	13,627,856	87,886,632	45,965,383	24,020	1,257,332,103	
Pelarasan	-	(10,039,546)	(17,054,286)	-	-	-	-	(5,000)	4,455,833	-	(22,642,999)	
Tambahan	-	-	919,714	1,133,588	7,553,991	183,039	1,501,818	7,436,361	220,784	-	18,949,295	
Klasifikasi	-	-	-	-	-	-	-	-	13,437,702	-	13,437,702	
Pelupusan	-	-	-	(241,562)	(6,457,567)	(83,368)	(4,605)	(1,050,686)	-	-	(7,837,788)	
31 Disember	2,218,275	790,006,512	1,382,946	40,905,040	231,052,781	20,176,661	15,125,069	94,267,307	64,079,702	24,020	1,259,238,313	
SUSUT NILAI TERKUMPUL												
1 Januari	135,973	143,001,428	2,568,540	29,755,344	214,603,434	19,508,555	12,883,802	82,265,233	36,202,132	6,912	540,931,353	
Pelarasan	-	(959,954)	(2,332,971)	-	-	-	-	(278)	891,167	-	(2,402,036)	
Susut Nilai	23,139	15,786,215	192,827	2,726,675	7,217,734	199,431	444,727	3,735,368	4,040,306	2,702	34,369,124	
Pelupusan	-	-	-	(239,959)	(6,204,265)	(83,257)	(4,604)	(1,049,737)	-	-	(7,581,822)	
31 Disember	159,112	157,827,689	428,396	32,242,060	215,616,903	19,624,729	13,323,925	84,950,586	41,133,605	9,614	565,316,619	
NILAI BUKU BERSIH												
31 Disember	2,059,163	632,178,823	954,550	8,662,980	15,435,878	551,932	1,801,144	9,316,721	22,946,097	14,406	693,921,694	

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

UNIVERSITI

2021

KOS	Tanah Pajakan RM	Bangunan RM	Ubah Suai RM	Peralatan Pejabat RM	Peralatan Makmal RM	Perabot & Kelengkapan RM	Kenderaan RM	Komputer & Perisian RM	Infrastruktur	Jumlah RM
1 Januari	2,218,275	798,984,349	17,054,286	38,527,799	228,726,579	19,824,482	12,086,060	87,177,952	45,965,383	1,250,565,165
Pelarasan	-	(10,039,546)	(17,054,286)	-	-	-	-	(5,000)	4,455,833	(22,642,999)
Tambahan	-	-	-	602,100	7,553,991	142,717	1,039,135	7,062,340	220,784	16,621,067
Klasifikasi	-	-	-	-	-	-	-	-	13,437,702	13,437,702
Pelupusan	-	-	-	(238,412)	(6,069,093)	(83,368)	(4,605)	(1,040,442)	-	(7,435,920)
31 Disember	2,218,275	788,944,803	-	38,891,487	230,211,477	19,883,831	13,120,590	93,194,850	64,079,702	1,250,545,015
SUSUT NILAI TERKUMPUL										
1 Januari	135,973	142,804,951	2,332,971	29,040,229	214,094,604	19,433,546	11,814,329	81,617,346	36,202,131	537,476,080
Pelarasan	-	(959,954)	(2,332,971)	-	-	-	-	(278)	891,167	(2,402,036)
Susut Nilai	23,139	15,786,215	-	2,595,233	7,100,827	178,430	213,077	3,619,045	4,040,306	33,556,272
Pelupusan	-	-	-	(238,368)	(6,068,947)	(83,257)	(4,604)	(1,040,213)	-	(7,435,389)
31 Disember	159,112	157,631,212	-	31,397,094	215,126,484	19,528,719	12,022,802	84,195,900	41,133,604	561,194,927
NILAI BUKU BERSIH										
31 Disember	2,059,163	631,313,591	-	7,494,393	15,084,993	355,112	1,097,788	8,998,950	22,946,098	689,350,088

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

KUMPULAN

2020

KOS	Tanah Pajakan		Bangunan	Ubah Suai	Peralatan Pejabat	Peralatan Makmal	Perabot & Kelengkapan	Kenderaan	Komputer & Perisian	Infrastruktur	Peralatan Ladang & Papan Tanda		Jumlah
	RM	RM									RM	RM	
1 Januari	2,218,275	731,175,626	17,208,430	31,988,655	224,938,687	19,995,628	13,629,855	85,397,845	40,634,989	-	-	1,167,187,990	
Pelarasan	-	-	146,265	(403,907)	1,151,588	13,101	(1,999)	(1,750,208)	-	-	18,020	(827,140)	
Tambahan	-	68,870,432	162,823	8,889,976	3,928,332	107,352	-	5,415,519	5,330,394	6,000	-	92,710,828	
Klasifikasi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pelupusan	-	-	-	(461,710)	(62,250)	(39,091)	-	(1,176,524)	-	-	-	(1,739,575)	
31 Disember	2,218,275	800,046,058	17,517,518	40,013,014	229,956,357	20,076,990	13,627,856	87,886,632	45,965,383	24,020	24,020	1,257,332,103	

SUSUT NILAI TERKUMPUL

1 Januari	112,837	127,977,604	2,041,890	26,996,325	193,047,070	16,947,522	12,572,320	83,413,460	34,027,376	-	-	497,136,404
Pelarasan	(116)	-	43,879	768,464	5,026,016	1,332,007	(16,299)	(1,650,354)	-	-	5,406	5,509,003
Susut Nilai	23,252	15,023,824	482,771	2,452,165	16,592,588	1,267,521	327,781	1,678,265	2,174,756	1,506	-	40,024,429
Pelupusan	-	-	-	(461,610)	(62,240)	(38,495)	-	(1,176,138)	-	-	-	(1,738,483)
31 Disember	135,973	143,001,428	2,568,540	29,755,344	214,603,434	19,508,555	12,883,802	82,265,233	36,202,132	6,912	6,912	540,931,353

NILAI BUKU BERSIH

31 Disember	2,082,302	657,044,630	14,948,978	10,257,670	15,352,923	568,435	744,054	5,621,399	9,763,251	17,108	17,108	716,400,750
--------------------	------------------	--------------------	-------------------	-------------------	-------------------	----------------	----------------	------------------	------------------	---------------	---------------	--------------------

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Kos Tanah Pajakan:

	RM
i. Tanah Pajakan milik Kerajaan Negeri	1,573,497
ii. Tanah Pajakan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	644,778
	<u>2,218,275</u>

7. ASET TIDAK KETARA**KUMPULAN
PERISIAN**

	Pada 1 Januari 2021	Tambahan	Pelarasan	Klasifikasi	Pelupusan	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos	29,019,628	564,081	(60,000)	341,880	(55,990)	29,809,599
Susut Nilai Terkumpul	28,370,135	498,253	-	-	(55,987)	28,812,401
	<u>649,493</u>					<u>997,197</u>

	Pada 1 Januari 2020	Tambahan	Pelarasan	Pelupusan	Pada 31 Disember 2020
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos	28,549,895	386,583	100,000	(16,850)	29,019,628
Susut Nilai Terkumpul	28,064,315	322,669	-	(16,849)	28,370,135
	<u>485,580</u>				<u>649,493</u>

**UNIVERSITI
PERISIAN**

	Pada 1 Januari 2021	Tambahan	Pelarasan	Klasifikasi	Pelupusan	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos	28,329,388	553,081	-	341,880	(55,990)	29,168,359
Susut Nilai Terkumpul	27,792,244	482,064	-	-	(55,987)	28,218,321
	<u>537,144</u>					<u>950,038</u>

	Pada 1 Januari 2020	Tambahan	Pelarasan	Pelupusan	Pada 31 Disember 2020
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos	27,959,655	386,583	-	(16,850)	28,329,388
Susut Nilai Terkumpul	27,553,820	255,273	-	(16,849)	27,792,244
	<u>405,835</u>				<u>537,144</u>

8. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN				
	Pada 1 Januari 2021	Tambahan	Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	Pelupusan / Pelarasan	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Pembangunan Kampus Tetap	31,273,115	10,974,042	(13,779,582)	90,969	28,558,544
	<u>31,273,115</u>	<u>10,974,042</u>	<u>(13,779,582)</u>	<u>90,969</u>	<u>28,558,544</u>
	Pada 1 Januari 2020	Tambahan	Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	Pelupusan / Pelarasan	Pada 31 Disember 2020
	RM	RM	RM	RM	RM
Pembangunan Kampus Tetap	105,869,164	7,626,942	(81,070,322)	(1,152,669)	31,273,115
	<u>105,869,164</u>	<u>7,626,942</u>	<u>(81,070,322)</u>	<u>(1,152,669)</u>	<u>31,273,115</u>
	Pada 1 Januari 2021	Tambahan	Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	Pelupusan / Pelarasan	Pada 31 Disember 2021
	RM	RM	RM	RM	RM
Pembangunan Kampus Tetap	31,091,111	9,849,693	(13,779,582)	90,969	27,252,191
	<u>31,091,111</u>	<u>9,849,693</u>	<u>(13,779,582)</u>	<u>90,969</u>	<u>27,252,191</u>
	Pada 1 Januari 2020	Tambahan	Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	Pada 31 Disember 2020	
	RM	RM	RM	RM	
Pembangunan Kampus Tetap	104,534,491	7,626,942	(81,070,322)	31,091,111	
	<u>104,534,491</u>	<u>7,626,942</u>	<u>(81,070,322)</u>	<u>31,091,111</u>	

9. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN	
	2021 RM	2020 RM
Saham tidak tersiar harga dinyatakan pada nilai kos	85,000	85,000
Tambahan saham dalam syarikat bersekutu	114,001	-
Tolak : Saham dalam syarikat bersekutu	(52,000)	-
Rosot nilai dalam syarikat bersekutu	(33,000)	-
	<u>114,001</u>	<u>85,000</u>

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

10. PELABURAN HARTANAH

	KUMPULAN	
	2021 RM	2020 RM
<u>Pada nilai kos</u>		
Pada 1 Januari	302,417,248	284,147,248
Tambahan	19,581,000	18,270,000
Pelarasan	(18,270,000)	-
	303,728,248	302,417,248
<u>Susut nilai terkumpul</u>		
Pada 1 Januari	30,689,160	28,742,525
Tambahan pada tahun semasa	3,814,839	3,528,635
Pelarasan	-	(1,582,000)
Pada 31 Disember	34,503,999	30,689,160
Nilai bersih pelaburan hartanah	269,224,249	271,728,088

* Pelaburan hartanah dinyatakan pada nilai kos berikutan pihak Pengarah anak Syarikat berpendapat tiada keperluan bagi penilaian semula.

11. PELABURAN LAIN-LAIN

	KUMPULAN	
	2021 RM	2020 RM
Saham tidak tersiar harga, pada kos:		
IKCM Sdn. Bhd	687,500	687,500
Tolak : Peruntukan rosotnilai	(187,500)	(187,500)
ACE Holdings Berhad (250,000 unit saham x RM1.00)	250,000	250,000
Vascory Berhad (250,000 unit saham x RM1.00)	250,000	250,000
Saracorp Resources Berhad (250,000 unit saham x RM1.00)	250,000	-
	1,250,000	1,000,000

12. PELABURAN ANAK SYARIKAT

	UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
UMP Holdings Sdn. Bhd.	4,500,002	4,500,002
UMP Advanced Education Sdn. Bhd.	1,500,000	1,500,000
	6,000,002	6,000,002

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Butiran syarikat subsidiari universiti adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Tahun Kewangan	Kepentingan Ekuiti	Kegiatan Utama										
UMP Holdings Sdn. Bhd. (644762-H) *	31 Disember	100%	<p>Kegiatan-kegiatan utama syarikat ialah penyewaan bangunan, perkhidmatan perundingan pengurusan, pengumpulan dan penyebaran ilmu. Kegiatan-kegiatan utama subsidiari seperti di bawah:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Subsidiari</th> <th>Kegiatan Utama</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>UMP Consultancy & Training Sdn. Bhd.</td> <td>Perunding dan pengendalian kursus</td> </tr> <tr> <td>UMP Services Sdn. Bhd.</td> <td>Perkhidmatan agen insurans, pengurusan aset dan kemudahan</td> </tr> <tr> <td>UMP Technology Sdn. Bhd.</td> <td>Perkhidmatan pengiklanan digital, perisian, pembangunan sistem dan penjualan produk pembasmian serangga perosak</td> </tr> <tr> <td>UMP Green Technology Sdn. Bhd.</td> <td>Memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang berasaskan teknologi hijau</td> </tr> </tbody> </table>	Subsidiari	Kegiatan Utama	UMP Consultancy & Training Sdn. Bhd.	Perunding dan pengendalian kursus	UMP Services Sdn. Bhd.	Perkhidmatan agen insurans, pengurusan aset dan kemudahan	UMP Technology Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengiklanan digital, perisian, pembangunan sistem dan penjualan produk pembasmian serangga perosak	UMP Green Technology Sdn. Bhd.	Memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang berasaskan teknologi hijau
Subsidiari	Kegiatan Utama												
UMP Consultancy & Training Sdn. Bhd.	Perunding dan pengendalian kursus												
UMP Services Sdn. Bhd.	Perkhidmatan agen insurans, pengurusan aset dan kemudahan												
UMP Technology Sdn. Bhd.	Perkhidmatan pengiklanan digital, perisian, pembangunan sistem dan penjualan produk pembasmian serangga perosak												
UMP Green Technology Sdn. Bhd.	Memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang berasaskan teknologi hijau												
UMP Advanced Education Sdn. Bhd. (1064651-T) *	31 Disember	100%	<p>Kegiatan-kegiatan utama syarikat ialah di dalam bidang Pembelajaran Sepanjang Hayat iaitu meliputi program seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Eksekutif / Diploma Profesional, Ijazah & Master - Hibrid / Kursus Jangka Pendek - Latihan Keusahawanan & Vokasional 										

* Syarikat ini tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara

13. INVENTORI

	KUMPULAN	
	2021 RM	2020 RM
Bahan kimia	442,305	605,016

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

14. PENGHUTANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Penghutang Pelajar	1,731,507	4,296,294	1,731,507	4,296,294
Penghutang Perdagangan	33,416,292	23,735,569	-	-
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(375,012)	(181,144)	(177,328)	(181,144)
	<u>34,772,787</u>	<u>27,850,719</u>	<u>1,554,179</u>	<u>4,115,150</u>

15. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Deposit	7,769,636	927,100	6,926,902	6,930,205
Prabayar	447,835	377,130	257,058	144,208
Penghutang Pecah Kontrak	16,506,186	14,704,583	16,506,186	14,704,583
Lain-lain Penghutang	6,030,494	9,469,426	4,016,037	2,879,447
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(20,098)	(28,390)	(20,098)	(28,390)
	<u>30,734,053</u>	<u>25,449,849</u>	<u>27,686,085</u>	<u>24,630,053</u>

16. PENDAHULUAN KEPADA ANAK SYARIKAT

	UNIVERSITI	
	31 Disember 2021 RM	31 Disember 2020 RM
UMP Holdings. Sdn. Bhd.	<u>32,696,477</u>	<u>33,736,746</u>
	<u>32,696,477</u>	<u>33,736,746</u>

17. PENGHUTANG PINJAMAN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Penghutang Pinjaman Kenderaan	3,701,626	3,272,644
Penghutang Pinjaman Komputer	131,863	101,691
Penghutang Pinjaman Pelajaran UMP	952,676	1,010,518
	<u>4,786,165</u>	<u>4,384,853</u>

18. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Simpanan Tetap dengan Bank-bank Berlesen	143,078,789	147,405,492	123,830,000	129,480,000
Baki di Bank dan Wang Panjar	19,815,347	24,740,483	3,580,561	2,226,892
	<u>162,894,136</u>	<u>172,145,975</u>	<u>127,410,561</u>	<u>131,706,892</u>

* Simpanan tetap universiti dilaburkan di Institusi-institusi kewangan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

19. PEMIUTANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Pemiutang Operasi	4,999,885	3,697,727	4,999,885	3,697,727
Penganjur Pelajar	548,558	693,216	548,558	693,216
Perbelanjaan Terakru	29,000,448	14,650,545	32,680,707	14,650,545
Lain-lain Pemiutang	42,255,033	52,615,492	24,090,848	32,163,334
	<u>76,803,924</u>	<u>71,656,980</u>	<u>62,319,998</u>	<u>51,204,822</u>

20. PINJAMAN

	KUMPULAN	
	2021 RM	2020 RM
Terhutang dalam tempoh 12 bulan	7,388,904	7,496,078
Terhutang selepas tempoh 12 bulan	36,626,734	42,379,570
	<u>44,015,638</u>	<u>49,875,648</u>

21. CAGARAN DAN PERTARUHAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Deposit	5,174,188	5,493,104	5,049,525	5,493,104
	<u>5,174,188</u>	<u>5,493,104</u>	<u>5,049,525</u>	<u>5,493,104</u>

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

22. MANFAAT PEKERJA JANGKA PENDEK

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	736,261	507,764
	<u>736,261</u>	<u>507,764</u>

23. KUMPULAN WANG MENGURUS

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	261,379,032	213,189,015	24,915,079	11,120,943
Pelarasan	(14,301,972)	23,586,443	(14,676,972)	23,792,543
	<u>247,077,060</u>	<u>236,775,458</u>	<u>10,238,107</u>	<u>34,913,486</u>
Geran Kerajaan	218,108,300	205,865,300	218,108,300	205,865,300
Pendapatan lain	66,672,864	76,458,596	24,962,612	32,787,671
	<u>531,858,224</u>	<u>519,099,354</u>	<u>253,309,019</u>	<u>273,566,457</u>
Perbelanjaan	(300,602,093)	(293,844,187)	(273,587,262)	(286,325,241)
Dividen Dibayar	-	(1,550,000)		
Pindahan ke Kumpulan Wang	(4,853,199)	(2,366,241)	(4,853,199)	(2,366,242)
Pindahan dari Kumpulan Wang	28,046,412	40,040,106	28,046,412	40,040,105
Baki pada 31 Disember	<u>254,449,344</u>	<u>261,379,032</u>	<u>2,914,970</u>	<u>24,915,079</u>

24. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	652,255,986	594,006,546
Pelarasan	144,696	(2,778,996)
	<u>652,400,682</u>	<u>591,227,550</u>
Geran Kerajaan	20,534,485	94,026,384
Pendapatan lain	-	-
	<u>672,935,167</u>	<u>685,253,934</u>
Perbelanjaan	(27,582,371)	(32,997,948)
Pindahan ke Kumpulan Wang	-	-
Pindahan dari Kumpulan Wang	-	-
Baki pada 31 Disember	<u>645,352,796</u>	<u>652,255,986</u>

25. KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	8,132,282	4,414,395
Pelarasan	(1,171,024)	(145,796)
	<hr/> 6,961,258	<hr/> 4,268,599
Geran Kerajaan	6,980,487	8,283,252
Pendapatan lain	1,487,909	827,322
	<hr/> 15,429,654	<hr/> 13,379,173
Perbelanjaan	(11,843,823)	(13,405,287)
Pindahan ke Kumpulan Wang	-	(60,000)
Pindahan dari Kumpulan Wang	8,033,212	8,218,396
Baki pada 31 Disember	<hr/> <hr/> 11,619,043	<hr/> <hr/> 8,132,282

26. KUMPULAN WANG AMANAH

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	29,190,441	34,767,130
Pelarasan	2,281,766	(10,077,378)
	<hr/> 31,472,207	<hr/> 24,689,752
Geran Kerajaan	4,942,173	1,191,747
Pendapatan lain	12,197,303	11,420,681
	<hr/> 48,611,683	<hr/> 37,302,180
Perbelanjaan	(9,494,641)	(9,197,286)
Pindahan dari Kumpulan Wang	422,127	1,125,005
Pindahan ke Kumpulan Wang	(48,552)	(39,458)
Baki pada 31 Disember	<hr/> <hr/> 39,490,617	<hr/> <hr/> 29,190,441

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

27. KUMPULAN WANG PENDAPATAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	24,707,092	62,749,514	30,707,095	68,749,516
Pelarasan	(144,896)	887,729	(144,896)	887,729
	<u>24,562,196</u>	<u>63,637,243</u>	<u>30,562,199</u>	<u>69,637,245</u>
Pendapatan Lain	9,275,266	8,069,849	9,275,266	8,069,850
	<u>33,837,462</u>	<u>71,707,092</u>	<u>39,837,465</u>	<u>77,707,095</u>
Pindahan ke Kumpulan Wang	(31,600,000)	(47,000,000)	(31,600,000)	(47,000,000)
Baki pada 31 Disember	<u>2,237,462</u>	<u>24,707,092</u>	<u>8,237,465</u>	<u>30,707,095</u>

28. KUMPULAN WANG PINJAMAN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	7,618,080	7,618,080
Baki pada 31 Disember	<u>7,618,080</u>	<u>7,618,080</u>

29. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	500,000	500,000
Baki pada 31 Disember	<u>500,000</u>	<u>500,000</u>

30. ENDOWMEN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	10,000,000	10,000,000
Baki pada 31 Disember	<u>10,000,000</u>	<u>10,000,000</u>

31. LIABILITI PAJAKAN JANGKA PANJANG

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
Jumlah Liabiliti Pajak Tanah	123,536	123,570
(Tolak): Dibayar dalam tempoh 12 bulan	36	34
Dibayar selepas tempoh 12 bulan	<u>123,500</u>	<u>123,536</u>
Liabiliti Pajak Tanah dianalisis seperti berikut:		
Dibayar dalam tempoh 2–5 tahun	171	183
Dibayar selepas tempoh 5 tahun	<u>123,329</u>	<u>123,353</u>
	<u>123,500</u>	<u>123,536</u>

Pajak tanah merupakan pajak bagi tempoh 99 tahun bermula tahun 2015 bagi lot tanah 4111 di kampus Pekan.

32. MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
Jumlah Manfaat Pekerja	14,505,006	8,752,527
(Tolak): Dibayar dalam tempoh 12 bulan	736,261	507,764
Dibayar selepas tempoh 12 bulan	<u>13,768,745</u>	<u>8,244,763</u>
Manfaat Pekerja dianalisis seperti berikut:		
Dibayar dalam tempoh 2–5 tahun	1,287,233	1,637,282
Dibayar selepas tempoh 5 tahun	<u>12,481,512</u>	<u>6,607,481</u>
	<u>13,768,745</u>	<u>8,244,763</u>

33. PENDAPATAN TERTUNDA – PEMBANGUNAN**Penyata Pendapatan**

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
Geran Pembangunan yang Dilunaskan	20,534,484	94,026,384
Perbelanjaan:		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(1,388,869)	(6,101,429)
Projek siap yang dipermodalkan	<u>(19,145,615)</u>	<u>(87,924,955)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>-</u>

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Baki pada 1 Januari	85,616,891	165,812,561
Pelarasan	1,038,759	(2,429,436)
Terimaan Geran Kerajaan	8,950,000	16,260,150
Tolak:		
Belanja operasi tidak dipermodalkan	(1,388,869)	(6,101,429)
Projek siap yang dipermodalkan	(19,145,615)	(87,924,955)
Baki Dinyatakan Semula pada 31 Disember	<u>75,071,166</u>	<u>85,616,891</u>

34. PENDAPATAN TERTUNDA – PENYELIDIKAN

Penyata Pendapatan (Geran Kerajaan)

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Geran Penyelidikan (Kerajaan) yang Dilunaskan	6,980,487	8,283,252
Perbelanjaan:		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(6,390,950)	(7,880,090)
Aset yang dipermodalkan	(589,537)	(403,162)
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>-</u>
Baki pada 1 Januari	26,686,706	28,594,368
Pelarasan	(92,704)	458,934
Terimaan Geran Kerajaan	7,441,404	5,916,656
Tolak:	-	
Belanja operasi tidak dipermodalkan	(6,390,950)	(7,880,090)
Aset yang dipermodalkan	(589,537)	(403,162)
Baki pada 31 Disember	<u>27,054,919</u>	<u>26,686,706</u>

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Penyata Pendapatan (Geran Swasta)

	UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Geran Penyelidikan (Swasta) yang Dilunaskan	1,487,909	827,322
Perbelanjaan:		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(1,009,710)	(798,145)
Aset yang dipermodalkan	(478,199)	(29,177)
Baki pada 31 Disember	-	-
Baki pada 1 Januari	2,028,823	1,813,464
Pelarasan	15,348	13,165
Terimaan Geran Swasta	1,050,500	1,029,516
Tolak:		
Belanja operasi tidak dipermodalkan	(1,009,710)	(798,145)
Aset yang dipermodalkan	(478,199)	(29,177)
Baki Dinyatakan Semula pada 31 Disember	1,606,762	2,028,823

35. PENDAPATAN TERTUNDA – AMANAH

Penyata Pendapatan

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM
Geran Amanah yang Dilunaskan	4,942,173	1,191,748
Perbelanjaan:		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(4,942,173)	(1,191,748)
Baki pada 31 Disember	-	-
Baki pada 1 Januari	6,065,664	4,069,984
Pelarasan	(248,713)	(333,475)
Terimaan Geran Kerajaan	5,427,161	3,603,446
Tolak:		
Belanja operasi tidak dipermodalkan	(4,942,173)	(1,191,748)
Pemulangan Geran	(80,000)	(82,543)
Baki pada 31 Disember	6,221,939	6,065,664

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

36. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
<u>Geran tiada syarat:</u>		
Geran Mengurus	<u>218,108,300</u>	<u>205,865,300</u>
<u>Geran bersyarat:</u>		
Geran Pembangunan yang Dilunaskan	20,534,484	94,026,384
Geran Penyelidikan yang Dilunaskan	6,980,487	8,283,252
Geran Amanah yang Dilunaskan	4,942,173	1,191,747
	<u>250,565,444</u>	<u>309,366,683</u>

37. URUS NIAGA PERTUKARAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Yuran Pengajian	18,943,236	19,442,960	18,943,236	19,442,960
Yuran Asrama	11,376,981	10,947,466	11,376,981	10,947,465
Faedah dan Dividen	3,148,611	4,290,972	3,148,611	4,290,972
Denda / Saman	303,151	8,085,901	303,151	8,085,901
Lain-lain Hasil	54,631,425	52,298,611	14,064,098	10,159,067
	<u>88,403,404</u>	<u>95,065,910</u>	<u>47,836,077</u>	<u>52,926,365</u>

38. LAIN-LAIN HASIL

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021	2020	2021	2020
	RM	RM	RM	RM
Sumbangan	87,014	172,059	87,014	179,159
Pendapatan Lain	1,142,925	1,538,479	-	-
	<u>1,229,939</u>	<u>1,710,538</u>	<u>87,014</u>	<u>179,159</u>

39. KOMITMEN MODAL

	2021
	RM
Dibenarkan dan dikontrakkan	30,300,925
<u>Dianalisis seperti berikut:</u>	
Pembinaan Bangunan	5,527,581
Pembangunan Infrastruktur	13,901,878
Perolehan Peralatan Makmal	10,871,466
Diperuntukan tetapi tidak dikontrakkan	9,584,003
<u>Dianalisis seperti berikut:</u>	
Pembinaan Bangunan	1,153,681
Pembangunan Infrastruktur	950,000
Perolehan Peralatan Makmal	1,484,948

40. URUS NIAGA SYARIKAT BERKAITAN

	UNIVERSITI	
	2021	2020
	RM	RM
<u>UMP Holdings Sdn. Bhd.:</u>		
Perbelanjaan		
- Sewaan	34,167,264	39,125,572
- Perkhidmatan Pengurusan	11,485,374	11,925,003
- Pelbagai Pendapatan	114,557	821,062
	<u>45,767,195</u>	<u>51,871,637</u>
Pendapatan		
- Belanja Pentadbiran & Operasi	<u>5,153,833</u>	<u>1,264,786</u>
<u>UMP Advance Education Sdn. Bhd.:</u>		
Perbelanjaan		
- Pelbagai Pendapatan	<u>34,717</u>	<u>129,000</u>
Pendapatan		
- Yuran Pengajian	1,683,870	1,363,680
- Belanja Pentadbiran & Operasi	393,647	341,491
	<u>2,077,517</u>	<u>1,705,171</u>

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

41. KAKITANGAN PENGURUSAN UTAMA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
Jumlah gaji dan elaun Ahli Lembaga Pengarah	1,000,956	874,495	590,266	401,255
Jumlah gaji dan elaun Pengurusan Universiti	4,595,647	3,977,283	2,433,069	2,126,882

42. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet dan penyata kewangan UMP disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet UMP hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

2021	Operasi RM	Pembiayaan RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar atas dasar perbandingan seperti yang dibentangkan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	266,933,369	-	3,345,596	270,278,965
Perbezaan asas	(1,562,180)	-	23,768,679	22,206,499
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	265,371,189	-	27,114,275	292,485,464

Butiran-butiran bagi perbezaan asas adalah seperti berikut:

2021	Operasi RM	Pembiayaan RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Perbelanjaan dari lain-lain dana	31,118,527	-	-	31,118,527
Perbelanjaan yang diakru	(32,680,707)	-	-	(32,680,707)

Universiti Malaysia Pahang
Nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

Pembelian harta modal dari lain-lain dana	-	-	13,828,552	13,828,552
Penambahan kerja dalam kemajuan	-	-	9,940,661	9,940,661
Hasil diterima dari pelupusan harta	-	-	(534)	(534)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	(1,562,180)	-	23,768,679	22,206,499

43. PENGKELASAN SEMULA ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan tahun lalu telah dipinda untuk disesuaikan dengan persembahan tahun ini.



Laporan Tahunan 2021

Teknologi untuk Masyarakat

Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia
Tel: +609 431 5000 | Faks: +609 431 5555 | e-Mel: pro@ump.edu.my

www.ump.edu.my

f @ UMPMalaysia

